

**PERSEPSI MAHASISWA TERHADAP DASAR PENGASINGAN PENGINAPAN
MENGIKUT GENDER; KAJIAN PERBANDINGAN DI UNIVERSITI
TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), SKUDAI, JOHOR DAN UNIVERSITI
MALAYA, KUALA LUMPUR**

**KETUA PENYELIDIK:
BUSHRAH BINTI BASIRON**

**PENYELIDIK:
MOHD ISMAIL B. MUSTARI
NURAZMALLAIL B.MARNI
AZHAR BIN MUHAMMAD
SELMAH BT. AHMAD
SULAIMAN SHAKIB B. MOHD. NOR**

**RESEARCH VOTE NO:
75192**

**Pusat Pengajian Islam
Dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia**

2006

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat junjungan mulia lagi terpilih, Muhammad s.a.w juga buat ahli keluarga baginda, para sahabat sekaliannya serta kepada mereka-mereka yang menuruti sunnah baginda sehingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta inayah-Nya dapat jua penyelidik menyiapkan penyelidikan ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih buat keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan semangat sepanjang menyiapkan penyelidikan ini.

Kepada rakan-rakan penyelidik; Dr. Selmah Bt. Ahmad, Mohd Ismail B. Mustari, Sulaiman Shakib B. Mohd. Nor, Azhar B. Muhammad dan Nurazmallail B. Marni. Tidak lupa juga buat pembantu penyelidik iaitu Muhammad Ashraf B. Samsudin. Terima kasih atas komitmen anda semua sepanjang menyiapkan penyelidikan ini.

Akhir sekali, buat semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak dalam proses menyiapkan penyelidikan ini penyelidik ucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Semoga Allah membala jasa kalian dengan sebaik-baik balasan.

Wassalam.

ABSTRACT

Mixing among the teenagers may contribute to the decadency morals among the Malaysians especially among the students studying in higher institution (IPT). Many efforts have been done to overcome this problem and one of the practical ways that has been identified is to implement a new policy which is to separate the student based on their gender in hostels. Basically this study has been done to determine the importance, advantages and disadvantages of implementing this policy to all IPT in addition to prevent the decadency moral among the students. 382 students at Universiti Teknologi Malaysia, Skudai and 381 students at Universiti Malaya, Kuala Lumpur were chosen as respondents. Questionnaires were used and analyzed descriptively using “Statistical Package for Social Sciences” (SPSS). The reliability for this study is $\alpha = 0.927$. From the findings, most of the respondents agreed that the implementations of this policy are important to prevent the decadency morals in IPT and it will bring many benefits.

ABSTRAK

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dilihat menjadi penyumbang kepada masalah kebejatan akhlak dalam masyarakat Malaysia kini khususnya di kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pelbagai langkah mengatasi masalah ini boleh dilaksanakan dan antara yang dilihat praktikal ialah dengan membuat satu dasar iaitu pengasingan penginapan mahasiswa mengikut gender. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat kepentingan, kebaikan serta keburukan dasar ini dilaksanakan di seluruh IPT. Seramai 382 orang mahasiswa dari Universiti Teknologi Malaysia Skudai, dan 381 orang mahasiswa dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur telah terlibat dalam kajian ini. Maklumat kajian telah diperolehi melalui borang soal selidik yang mengandungi 52 item berbentuk skala pilihan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah $\alpha = 0.927$. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa pengaplikasian dasar ini dilihat berkesan dalam menangani gejala sosial di IPT dan banyak membawa kepada kebaikan.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|----------------|-------------------|
|------------|----------------|-------------------|

| | |
|--------------------------|-----|
| TAJUK | |
| DEDIKASI | ii |
| ABSTRACT | iii |
| ABSTRAK | iv |
| KANDUNGAN | v |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |

BAHAGIAN SATU

| | | |
|--------------|-------------------|----------|
| BAB I | PENGENALAN | 1 |
|--------------|-------------------|----------|

| | |
|----------------------------|---|
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Masalah | 5 |

| | | |
|------|---|----|
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 7 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 7 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 8 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.7 | Batasan Kajian/Skop Kajian | 9 |
| 1.8 | Latar Belakang/Sejarah Ringkas | |
| | Lokasi Kajian | 10 |
| | 1.8.1 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) | 10 |
| | 1.8.2 Universiti Malaya (UM) | 12 |
| 1.9 | Istilah / Takrif | 15 |
| 1.10 | Penutup | 18 |

BAHAGIAN DUA

| BAB II | KAJIAN LITERATUR | 19 |
|---------------|---|-----------|
| 2.1 | Pendahuluan | 19 |
| 2.2 | Teori Asas Tentang Bidang Yang Dikaji/Model | 19 |
| | 2.2.1 Teori-Teori Perkembangan Dan | |
| | Pembelajaran Manusia | 20 |
| | 2.2.2 Teori Perkembangan Remaja | 29 |
| | 2.2.3 Perkembangan Personaliti Dan | |
| | Perubahan Remaja | 36 |
| 2.3 | Masalah Sosial Di Kalangan Mahasiswa, Faktor Penyumbang Serta Kepentingan Memisahkan Antara Mahasiswa Dan Mahasiswi | 41 |
| 2.4 | Kajian Literatur | 50 |

| | | |
|-------|---|----|
| 2.4.1 | Pembezaan Gender Dalam Buku Teks Dan Bahan Bacaan | 50 |
| 2.4.2 | Pembezaan Gender Dalam Penilaian Dan Peperiksaan | 53 |
| 2.4.3 | Pembezaan Gender Dalam Pengendalian Bilik Darjah | 54 |
| 2.4.4 | Persepsi Dan Ekspektasi Guru Terhadap Lelaki Dan Perempuan | 59 |
| 2.4.5 | Persepsi Murid Terhadap Pembezaan Gender | 61 |
| 2.5 | Penutup | 64 |

BAHAGIAN TIGA

| | | |
|----------------|----------------------------|-----------|
| BAB III | METODOLOGI | 42 |
| 3.1 | Pendahuluan | 65 |
| 3.2 | Kaedah Kajian | 66 |
| 3.2.1 | Kaedah Kajian Perpustakaan | 66 |
| 3.2.2 | Kajian Lapangan | 66 |
| 3.2.3 | Metode Historis | 67 |
| 3.2.4 | Metode Dokumentasi | 67 |
| 3.2.5 | Metode Temu Bual | 67 |
| 3.2.6 | Metode Observasi | 68 |
| 3.2.7 | Metode Analisis Data | 68 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 70 |
| 3.4 | Populasi Dan Persampelan | 70 |

| | | |
|-------|-------------------------|----|
| 3.5 | Instrumen Kajian | 72 |
| 3.5.1 | Bahagian A | 72 |
| 3.5.2 | Bahagian B | 73 |
| 3.5.3 | Bahagian C | 73 |
| 3.5.4 | Bahagian D | 73 |
| 3.6 | Kaedah Pengumpulan Data | 75 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 76 |
| 3.8 | Analisis Data | 77 |
| 3.9 | Penutup | 77 |

BAHAGIAN EMPAT

| | | |
|---------------|--|-----------|
| BAB IV | DATA & PERBINCANGAN | 78 |
| 4.1 | Pendahuluan | 78 |
| 4.2 | Bahagian A (Analisis Latar Belakang Responden) | 79 |
| 4.3 | Bahagian B (Analisis Item-item Bagi Objektif Kajian Yang Pertama) | 84 |
| 4.4 | Bahagian C (Analisis Item-item Bagi Objektif Kajian Yang Kedua) | 105 |
| 4.5 | Bahagian D (Analisis Item-item Bagi Objektif Kajian Yang Ketiga) | 127 |
| 4.6 | Penutup | 150 |

BAHAGIAN LIMA

| | | |
|--------------|--|------------|
| BAB V | PERBINCANGAN, KESIMPULAN & CADANGAN | 151 |
| 5.1 | Pendahuluan | 151 |
| 5.2 | Perbincangan | 152 |
| 5.2.1 | Latar Belakang Responden | 153 |
| 5.2.2 | Persepsi Mahasiswa Terhadap Keberkesanan Dasar Pengasingan Penginapan Mahasiswa Dalam Menangani Gejala Sosial Di Institut Pengajian Tinggi (IPT) | 155 |
| 5.2.3 | Pandangan Mahasiswa Terhadap Kebaikan Dan Keburukan Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender | 158 |
| 5.2.4 | Cadangan Dan Langkah Penyelesaian Terhadap Masalah Yang Mungkin Timbul Akibat Pengasingan Tersebut | 161 |
| 5.3 | Kesimpulan | 162 |
| 5.4 | Cadangan | 164 |
| 5.4.1 | Peranan Individu | 164 |
| 5.4.2 | Peranan Universiti | 166 |
| 5.4.3 | Peranan Kerajaan | 167 |

| | | |
|--------------------|--------------------------|------------|
| 5.4.4 | Peranan Ibu Bapa | 168 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 169 |
| 5.6 | Penutup | 171 |
| BIBLIOGRAFI | | 172 |
| LAMPIRAN | | 181 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|--|-------------------|
| 2.1 | Jenis-jenis Personaliti atau Keperibadian | 39 |
| 3.1 | Skala Likert bagi jawapan bahagian B. | 74 |
| 3.2 | Skala penilaian min mengikut justifikasi jawapan. | 75 |
| 4.1 | Maklumat Jantina Responden | 79 |
| 4.2 | Maklumat Bangsa Responden | 80 |
| 4.3 | Maklumat Umur Responden | 81 |
| 4.4 | Maklumat Status Perkahwinan Responden | 81 |
| 4.5 | Maklumat Tahap Pendidikan Semasa Responden | 82 |
| 4.6 | Maklumat Kolej | 83 |
| 4.7 | Maklumat Status Bilik | 84 |
| 4.8 | Soalan 1 | 85 |
| 4.9 | Soalan 2 | 86 |
| 4.10 | Soalan 3 | 87 |
| 4.11 | Soalan 4 | 88 |
| 4.12 | Soalan 5 | 89 |
| 4.13 | Soalan 6 | 90 |
| 4.14 | Soalan 7 | 91 |
| 4.15 | Soalan 8 | 92 |

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|---|-------------------|
| 4.16 | Soalan 9 | 93 |
| 4.17 | Soalan 10 | 94 |
| 4.18 | Soalan 11 | 95 |
| 4.19 | Soalan 12 | 96 |
| 4.20 | Soalan 13 | 97 |
| 4.21 | Soalan 14 | 98 |
| 4.22 | Soalan 15 | 99 |
| 4.23 | Soalan 16 | 100 |
| 4.24 | Soalan 17 | 101 |
| 4.25 | Rumusan Dapatan Kajian Bagi UTM Mengenai Persepsi Mahasiswa Terhadap Keberkesanan Dasar Pengasingan Penginapan Mahasiswa Dalam Menangani Gejala Sosial Di IPT | 102 |
| 4.26 | Rumusan Dapatan Kajian Bagi UM Mengenai Persepsi Mahasiswa Terhadap Keberkesanan Dasar Pengasingan Penginapan Mahasiswa Dalam Menangani Gejala Sosial Di IPT | 104 |
| 4.27 | Soalan 1 | 106 |
| 4.28 | Soalan 2 | 107 |
| 4.29 | Soalan 3 | 108 |
| 4.30 | Soalan 4 | 109 |
| 4.31 | Soalan 5 | 110 |
| 4.32 | Soalan 6 | 111 |
| 4.33 | Soalan 7 | 112 |
| 4.34 | Soalan 8 | 113 |
| 4.35 | Soalan 9 | 114 |

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|---|-------------------|
| 4.36 | Soalan 10 | 115 |
| 4.37 | Soalan 11 | 116 |
| 4.38 | Soalan 12 | 117 |
| 4.39 | Soalan 13 | 118 |
| 4.40 | Soalan 14 | 119 |
| 4.41 | Soalan 15 | 120 |
| 4.42 | Soalan 16 | 121 |
| 4.43 | Soalan 17 | 122 |
| 4.44 | Rumusan Dapatan Kajian Bagi UTM Mengenai Pandangan Mahasiswa Terhadap Kebaikan Dan Keburukan Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender | 123 |
| 4.45 | Rumusan Dapatan Kajian Bagi UM Mengenai Pandangan Mahasiswa Terhadap Kebaikan Dan Keburukan Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender | 125 |
| 4.46 | Soalan 1 | 127 |
| 4.47 | Soalan 2 | 129 |
| 4.48 | Soalan 3 | 130 |
| 4.49 | Soalan 4 | 131 |
| 4.50 | Soalan 5 | 132 |
| 4.51 | Soalan 6 | 133 |
| 4.52 | Soalan 7 | 134 |
| 4.53 | Soalan 8 | 135 |
| 4.54 | Soalan 9 | 136 |
| 4.55 | Soalan 10 | 137 |

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|---|-------------------|
| 4.56 | Soalan 11 | 138 |
| 4.57 | Soalan 12 | 139 |
| 4.58 | Soalan 13 | 140 |
| 4.59 | Soalan 14 | 141 |
| 4.60 | Soalan 15 | 142 |
| 4.61 | Soalan 16 | 143 |
| 4.62 | Soalan 17 | 144 |
| 4.63 | Soalan 18 | 145 |
| 4.64 | Rumusan Dapatan Kajian Bagi UTM Mengenai Cadangan Dan Langkah Penyelesaian Terhadap Masalah Yang Mungkin Timbul Akibat Pengasingan Tersebut | 146 |
| 4.65 | Rumusan Dapatan Kajian Bagi UM Mengenai Cadangan Dan Langkah Penyelesaian Terhadap Masalah Yang Mungkin Timbul Akibat Pengasingan Tersebut | 148 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|-------|---|--|
| S.W.T | - | <i>Subhanahu Wa Ta'ala</i> |
| s.a.w | - | <i>sallahu 'alaihi wasallam</i> |
| UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |
| UM | - | Universiti Malaya |
| IPT | - | Institusi Pengajian Tinggi |
| H.R | - | Hadis Riwayat |
| SPSS | - | <i>Statistical Package for Social Sciences</i> atau Pakej Statistik Sains Sosial |
| PhD | - | Doktor Falsafah |
| SPM | - | Sijil Pelajaran Malaysia |
| HEP | - | Hal Ehwal Pelajar |
| AUKU | - | Akta Universiti dan Kolej Universiti |
| STS | - | Sangat Tidak Setuju |
| TS | - | Tidak Setuju |
| KS | - | Kurang Setuju |
| S | - | Setuju |
| SS | - | Sangat Setuju |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-------------------|
| A | Contoh Soal Selidik | 181 |
| B | Surat Perakuan Projek oleh RMC | 191 |
| C | Contoh Jadual Penentu Saiz Sampel Berdasarkan Populasi Krejcie dan Morgan (1970) | 193 |

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Islam telah mensyariatkan bahawa lelaki dan wanita wajib diasingkan bermula dari umur sepuluh tahun lagi, lelaki dan wanita yang bersaudara pula perlu dipisahkan dari tempat tidur mereka. Manakala bagi lelaki dan wanita yang bukan bersaudara pula perlu ditegah dari bergaul setelah mereka mencapai akil baligh.

Mengapa Islam mensyariatkan sedemikian rupa? Apakah rahsia disebaliknya? Sesungguhnya setiap apa yang Allah S.W.T syariatkan kepada umat manusia bukanlah suatu yang sia-sia bahkan disebaliknya penuh dengan pelbagai hikmah dan kebaikan yang tidak dapat diketahui melainkan dengan penafsiran serta penelitian yang tinggi, sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَنُزِّلَ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Maksudnya:

“Dan Kami turunkan dari Al Qur'an suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.”

(Surah al-Isra' : 82)

Masyarakat kini semakin mengutamakan kebebasan individu dari segenap aspek kehidupan. Kehidupan masyarakat yang berunsurkan kepada kebebasan mutlak inilah yang telah mendedahkan kepada perbuatan zina dan kerosakan akhlak terutama di kalangan remaja. Firman Allah S.W.T:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُبُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَتَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ

اللَّهُ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٢٣﴾ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَاهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبَنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جِيُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ

رِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِبَاءِهِنَّ أَوْ أَبَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ

بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ

أَيْمَانُهُنَّ أَوْ الْتَّابِعَاتِ غَيْرِ أُولَئِكَ الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الْطِفْلِ الَّذِيْنَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَى

عَوَرَاتٍ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبُنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا تُخْفِينَ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا

أُعْلَمُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

"Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat". Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya, kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung."

(Surah al-Nur : 30-31)

Berdasarkan ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa betapa Islam telah memberikan panduan serta batasan di dalam pergaulan di antara lelaki dan wanita. Allah S.W.T telah memerintahkan kepada orang-orang yang beriman agar membataskan pergaulan mereka di antara lelaki dan wanita dengan beberapa batasan seperti mana

yang terkandung di dalam ayat di atas. Sesungguhnya Islam tidaklah melarang pergaulan di antara lelaki dan wanita secara mutlak, tetapi Islam telah menentukan had serta panduan yang perlu dipatuhi.

Pelbagai perkara buruk boleh berlaku seandainya kita tidak menjaga batasan di dalam pergaulan di antara lelaki dan wanita ini antaranya ia akan mengakibatkan pelbagai masalah sosial sebagaimana yang ada disebut di atas bermula dengan zina, kemudian membawa kepada hamil sebelum nikah dan akhirnya timbulah kes pembuangan bayi yang tidak berdosa. Semuanya berpunca apabila lelaki dan perempuan tidak dipisahkan. Sabda Nabi s.a.w sebagaimana berikut:-

أَلَا لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ ثَالِثُهُمَا الشَّيْطَانُ

Maksudnya:

“Tiada seorang lelaki bersendiri dengan seorang wanita melainkan syaitan akan menjadi ketiganya.”

(H.R al-Tirmidhi)

Apa yang menyedihkan ialah masalah sebegini sebenarnya telah tersebar di kalangan para remaja serta muda-mudi di negara ini. Lebih mengejutkan lagi ianya turut melanda mahasiswa dan mahasiswi di IPT yang mana mereka ini adalah dikategorikan sebagai intelektual yang merupakan pelapis negara yang bakal menerajui kepimpinan sekaligus diharapkan dapat membangunkan dan memajukan negara ini pada suatu masa akan datang.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pengasingan mengikut gender dalam konteks mahasiswa merupakan satu konsep pengasingan penginapan atau kolej kediaman mahasiswa mengikut gender dalam sesebuah universiti. Ini bermakna mahasiswa dan mahasiswi akan ditempatkan di tempat penginapan berasingan. Begitu juga dengan kebebasan keluar masuk ke kolej kediaman yang sentiasa dikawal rapi oleh pengawal keselamatan. Dasar pengasingan ini pernah dilaksanakan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 80-an dan ternyata berkesan khususnya dalam mengawal masalah keruntuhan akhlak dan gejala sosial di kalangan mahasiswa. Walaupun kini dasar tersebut tidak lagi dilaksanakan sepenuhnya, masih terdapat beberapa kolej kediaman pelajar di UTM yang mengamalkan dasar pengasingan mengikut gender seperti Kolej Tun Fatimah yang dikhatusukan untuk mahasiswi dan Kolej 10 yang dikhatusukan untuk mahasiswa.

Pengasingan mengikut gender memaparkan senario berbeza kerana masalah sosial di kalangan mahasiswa lebih terkawal. Ini kerana masalah sosial di kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi semakin berleluasa. Salah satu faktor yang menyumbang ke arah berlakunya gejala tersebut ialah percampuran gender di kolej kediaman mahasiswa. Biarpun keadaan ini dipandang remeh, bermula dengan kebebasan keluar masuk ke kawasan blok siswa dan siswi tidak kira siang atau malam memudahkan berkembangnya gejala yang tidak sihat.

Naluri remaja mendorong mahasiswa bergaul bebas sehingga terdapat di kalangan mahasiswa yang terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak yang serius seperti perzinaan, kehamilan luar nikah dan pengguguran sehingga menjelaskan tumpuan terhadap pelajaran. Ke sana ke mari dengan alasan untuk belajar bersama tanpa kawalan mendatangkan lebih banyak kesan negatif melebihi kesan positif. Mungkin ada yang beranggapan bahawa kita perlu bersikap terbuka terhadap kemajuan dan perkembangan

semasa malah ada yang berpendapat remaja termasuk mahasiswa perlu diberi kebebasan mutlak untuk melakukan apa yang disukai kerana sudah bijak dan boleh berdikari. Kesannya, ramai mahasiswa terjebak dalam masalah keruntuhan akhlak yang meruntuhkan kehormatan diri, memalukan ibu bapa, keluarga dan paling mengecewakan mengorbankan kecemerlangan akademik yang menjadi matlamat utama kemasukan mereka ke universiti.

Dasar pengasingan penginapan mahasiswa dan penguatkuasaan undang-undang di kolej-kolej kediaman yang pernah dijalankan di UTM sekitar tahun 80-an ternyata dapat membendung gejala keruntuhan moral di kalangan mahasiswa. Pada masa itu, suasana di dalam kampus begitu tenang dan pelajar lelaki dan wanita jarang dilihat berdua-duaan atau membonceng motosikal ke sana-sini. Untuk memasuki blok siswi juga perlu melalui pihak pengawal keselamatan yang bertugas. Suasana seperti ini ternyata dapat mencegah dan mengawal salah laku mahasiswa kerana disiplin yang diterapkan mampu menjadi asas pembentukan sahsiah yang lebih unggul dan tinggi nilainya.

Justeru itu, kajian perbandingan antara kolej-kolej kediaman mahasiswa di UTM dan UM ini ingin melihat dengan lebih mendalam tentang persepsi mahasiswa terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender dalam usaha mengawal gejala sosial di kalangan mahasiswa.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian mengenai persepsi pelajar terhadap dasar pengasingan mengikut gender belum pernah dilakukan kerana kebanyakannya hanya memfokuskan perbincangan mengenai gender secara umum dan mengetengahkan teori-teori mengenai gender. Maklumat untuk kajian ini adalah diperolehi melalui buku-buku, internet dan pemerhatian yang dilakukan terhadap mahasiswa di kolej-kolej kediaman universiti.

Kajian seumpama ini dibuat kerana masalah sosial di kalangan mahasiswa semakin berleluasa. Ini amat membimbangkan banyak pihak terutama ibu bapa yang menaruh harapan tinggi terhadap anak-anak mereka yang berjaya menjakkan kaki ke menara gading. Kebanyakan mahasiswa yang gagal menangani cabaran dan tidak mampu menguruskan naluri remaja dengan berkesan akan terjerumus dalam masalah sosial yang kronik dan seterusnya menggadaikan masa depan diri dan keluarga.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Sejauh manakah persepsi mahasiswa terhadap keberkesanan dasar pengasingan penginapan mahasiswa dalam menangani gejala sosial di IPT.
- ii. Apakah pandangan mahasiswa terhadap kebaikan dan keburukan dasar pengasingan penginapan mengikut gender.

- iii. Apakah cadangan dan langkah penyelesaian yang boleh dinyatakan terhadap masalah yang mungkin timbul akibat pengasingan tersebut.
- iv. Apakah terdapat perbezaan persepsi mahasiswa dari dua buah universiti iaitu UTM dan UM terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender di IPT.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk:

- i. Mengkaji keberkesanan dasar pengasingan penginapan mahasiswa dalam menangani gejala sosial di IPT.
- ii. Menganalisis pandangan mahasiswa terhadap kebaikan dan keburukan dasar pengasingan penginapan mengikut gender.
- iii. Mengemukakan cadangan dan langkah penyelesaian terhadap masalah yang mungkin timbul akibat pengasingan tersebut.
- iv. Melihat perbezaan persepsi mahasiswa dari dua buah universiti iaitu UTM dan UM terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender di IPT.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak Hal Ehwal Pelajar dan Pentadbiran kolej di Universiti untuk menangani masalah sosial mencakupi masalah moral, akhlak dan akademik mahasiswa dan seterusnya mempertingkatkan lagi kecemerlangan mereka. Kajian ini juga diharap dapat membantu ke arah mencapai matlamat universiti untuk melahirkan mahasiswa yang boleh menjadi “role model” kepada masyarakat dan mampu menjadi pemimpin di masa hadapan.

Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai maklum balas kepada pihak yang berkaitan tentang keadaan sebenar yang terdapat di kampus universiti.

1.7 Batasan Kajian / Skop Kajian

Kajian hanya melibatkan mahasiswa yang mendiami Kolej 10, Kolej Tun Fatimah, Kolej Tun Dr. Ismail di UTM serta Kolej Kediaman Ketiga, Kolej Kediaman Kelima dan Kolej Kediaman Keduabelas di UM.

Satu set soal selidik disediakan untuk mengumpulkan data tentang persepsi mahasiswa terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender.

1.8 Latar Belakang / Sejarah Ringkas Lokasi Kajian

Berikut adalah merupakan latar belakang serta sejarah sejarah ringkas lokasi kajian iaitu Universiti Teknologi Malaysia dan juga Universiti Malaya.

1.8.1 Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Sejarah awal universiti ini sebagai sebuah pusat pengajian teknologi telah wujud seabad yang lalu, bermula pada tahun 1904 sebagai sebuah Kelas Pengajian Teknik di Bangunan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Pada tahun 1906 kelas teknik ini telah dijadikan sekolah Teknik bertempat di Sekolah Melayu Batu Lane, sebelum berpindah ke Bangunan Muzium Bukit Nanas.

Pada tahun 1925 sebuah Sekolah Teknik yang baru ditubuhkan di Jalan Brickfields, Kuala Lumpur. Sekolah Teknik ini dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kereta api dan kemudiannya oleh Jabatan Ukur. Dalam tahun 1930 sekolah ini telah dipindahkan ke tapak baru di Jalan Bandar (yang lebih dikenali sebagai “High Street”) Kuala Lumpur.

Kemudian pada tahun 1941 kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan tarafnya ke Maktab Teknik. Walau bagaimanapun keputusan tersebut hanya dapat dilaksanakan dalam tahun 1946 dengan tertubuhnya Maktab Teknik di Kuala Lumpur. Pembinaan Maktab Teknik yang baru di Jalan Gurney (Jalan Semarak), Kuala Lumpur mula digunakan dengan rasminya pada bulan Mac, 1955.

Dalam tahun 1967, Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi memperakukan supaya Maktab Teknik Kuala Lumpur dinaikkan tarafnya kepada sebuah institusi teknologi yang bertaraf universiti. Perakuan tersebut terlaksana pada 14 Mac 1972 dengan tertubuhnya Institut Teknologi Kebangsaan (ITK). Pada 1 April 1975 Institut Teknologi Kebangsaan telah ditukar namanya menjadi Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

UTM telah menyediakan dua buah kolej kediaman di kampus Kuala Lumpur dan sebanyak tiga belas buah kolej kediaman untuk para pelajarnya di kampus Skudai iaitu:

- i. Kolej Rahman Putera
- ii. Kolej Tun Fatimah
- iii. Kolej Tun Razak
- iv. Kolej Tun Hussien Onn
- v. Kolej Tun Dr. Ismail
- vi. Kolej Tuanku Canselor
- vii. Kolej Perdana
- viii. Kolej 9, 10, 11, 12 & 13, 14 & 15, 16 & 17

Kolej-kolej ini mampu menampung sehingga 18700 penghuni. Di samping itu, UTM juga ada menyediakan sebanyak 200 bilik *single* untuk pelajar-pelajar antarabangsa dan manakala bagi pelajar-pelajar yang telah berkahwin, UTM telah menyediakan

sebanyak 200 buah rumah kelamin. Ianya ditadbir oleh seorang pengetua, beberapa orang felo dan pembantu felo dan juga Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM) yang merupakan sebuah organisasi pelajar di setiap kolej.

Kesemua kolej ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bagi penghuni-penghuninya. Antaranya surau, kafeteria, dewan serbaguna, gimnasium, gelanggang sukan seperti tennis, badminton, sepak takraw, bola keranjang, bola tampar dan bola baling, padang bola, kedai runcit, kedai dobi, makmal komputer dan kafe siber, bilik ulangkaji, mesin basuh berbayar, dan sebahagian kolej ada terdapat pondok pengawal seperti Kolej Tun Fatimah, Kolej Kesembilan, Kolej Keduabelas dan Ketigabelas dan UTM turut menyediakan kemudahan pengangkutan bas untuk membawa mahasiswa ke fakulti masing-masing.

Kolej yang dipilih sebagai lokasi kajian bagi kajian ini ialah tiga buah kolej sahaja iaitu Kolej Tun Fatimah (KTF), Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI) dan akhir sekali ialah Kolej Kesepuluh.

1.8.2 Universiti Malaya (UM)

Universiti Malaya atau nama singkatannya dikenali sebagai UM mula bertapak pada tahun 1905 di Singapura dan dikenali sebagai Kolej Perubatan King Edward VII. Kemudian pada 8 Oktober 1949 Kolej Raffles yang ditubuhkan pada tahun 1929 digabungkan dengan Kolej Perubatan King Edward VII. Walau bagaimana pun, Universiti Malaya dipecahkan kepada dua kuasa autonomi iaitu satu di Singapura yang kini dikenali sebagai Universiti Nasional Singapura dan satu lagi di Ia dan mengekalkan

nama Universiti Malaya. Pada 1 Januari 1962, Universiti Malaya secara rasminya menjadi Universiti pertama di Ia yang terletak di pinggir ia Ia dan Petaling Jaya di kawasan seluas 309 hektar.

Penubuhan UM adalah untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan pada peringkat ijazah dasar dan ijazah tinggi. Kini UM mempunyai dua buah akademi, 12 fakulti, tiga institut dan sebuah hospital yang dikenali sebagai Pusat Perubatan Universiti Malaya. UM juga mempunyai 14 buah kolej kediaman. Universiti Malaya telah disenaraikan di tangga ke 89 terbaik dunia daripada sejumlah 20,000 universiti yang tersenarai. Sekali gus dinobatkan antara 100 universiti terbaik dunia.

UM sekarang menampung lebih kurang 21,000 pelajar Ijazah Sarjana Muda dan 8000 pelajar Ijazah Lanjutan. Sejak penubuhannya, Universiti Malaya telah mengeluarkan lebih dari 100,000 graduan di peringkat ijazah dasar dan ijazah tinggi dalam pelbagai bidang penghususan. Sebagai kemudahan bagi pelajar-pelajar, UM telah menyediakan sebanyak empat belas buah kolej kediaman iaitu:

- i. Kolej Kediaman Pertama (Asrama Tunku Abdul Rahman)
- ii. Kolej Kediaman Kedua (Asrama Menara Budi)
- iii. Kolej Kediaman Ketiga (Asrama Tunku Kurshiah)
- iv. Kolej Kediaman Keempat (Asrama Bestari)
- v. Kolej Kediaman Kelima (Asrama Dayasari)
- vi. Kolej Kediaman Keenam (Asrama Ibnu Sina)

- vii. Kolej Kediaman Ketujuh (Asrama Za'ba)
- viii. Kolej Kediaman Kelapan (Asrama Kinabalu)
- ix. Kolej Kediaman Kesembilan (Asrama Tun Syed Zahiruddin)
- x. Kolej Kediaman Kesepuluh (Asrama Tun Ahmad Zaidi)
- xi. Kolej Kediaman Kesebelas
- xii. Kolej Kediaman Pantai Puri
- xiii. Kolej Kediaman Seksyen 17
- xiv. Kolej Kediaman Yayasan Pelajaran Mara YPM

Setiap kolej kediaman ini ditadbir oleh seorang pengetua dan dibantu oleh beberapa orang staf. Selain pengetua dan staf, pentadbiran kolej juga turut dibantu oleh sebuah organisasi mahasiswa yang mewakili penghuni kolej tersebut dan ia dikenali sebagai Jawatankuasa Tindakan Kolej. Dengan itu, keselamatan dan kebajikan penghuni kolej dipelihara dan pelbagai aktiviti berfaedah turut dilaksanakan bagi melahirkan mahasiswa yang proaktif dan produktif.

Pelbagai kemudahan telah disediakan untuk keselesaan mahasiswa antaranya surau, dewan serbaguna, bilik mesyuarat dan persidangan, tasik untuk aktiviti rekreasi seperti kayak, gelanggang sukan seperti padang bola sepak, gelanggang badminton, sepak takraw, tennis dan bola baling, gimnasium, kafeteria, kedai runcit mini, kedai dobi, malah ada kolej yang dilengkapi dengan pondok pengawal keselamatan seperti Kolej Kediaman Keenam.

Justeru, kolej yang dipilih menjadi lokasi kajian bagi kajian ini ialah hanya tiga buah kolej sahaja iaitu Kolej Kediaman Ketiga (Asrama Tunku Kursiah), Kolej Kediaman Kelima (Asrama Dayasari) dan Kolej Kediaman Keduabelas.

1.9 Istilah / Takrif

Bahagian ini akan mengupas secara terperinci berkenaan dengan maksud tajuk kajian ini agar pembaca mendapat gambaran yang jelas mengenainya. Kajian bertajuk:

“PERSEPSI MAHASISWA TERHADAP DASAR PENGASINGAN PENGINAPAN MENGIKUT GENDER: KAJIAN PERBANDINGAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), SKUDAI JOHOR DAN UNIVERSITI MALAYA (UM) KUALA LUMPUR”.

“*Persepsi*” merujuk kepada gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan (Kamus Dewan, 2000: 1025). Ini bermaksud suatu pandangan atau tanggapan yang ingin penyelidik dapatkan, kumpulkan serta merumuskannya daripada sebahagian mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Malaya.

“*Dasar*” menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga bermaksud Pertimbangan (cara , sistem dan lain-lain) yang pokok berkenaan sesuatu, asas, prinsip, teras. *Dasar* juga diertikan sebagai pendirian yang menjadi asas segala tindakan (sikap, keputusan dan lain-lain), polisi. *Dasar* juga merujuk kepada yang menjadi bahagian (faktor) terpenting, asas, pokok (Kamus Dewan, 2000: 274). *Dasar* yang dimaksudkan di sini ialah suatu polisi atau sistem teras yang seharusnya dikaji oleh pihak yang berkenaan agar setelah itu segala keputusan atau tindakan yang bakal dilaksanakan akan dirujuk kepadanya (polisi atau sistem teras tersebut).

“Pengasingan” diertikan sebagai perihal (perbuatan dan sebagainya) mengasingkan atau memisahkan, pemisahan. Ia juga diertikan dengan perihal mengasingkan (menyisihkan, memencarkan) diri (Kamus Dewan, 2000: 69). Justeru, dalam kajian ini, *pengasingan* yang dimaksudkan ialah mengasingkan penginapan pelajar, iaitu perempuan daripada lelaki.

“*Gender*” dan Jantina, kedua-dua Istilah ini diberi takrifan yang berbeza oleh sesetengah pengkaji dan ada pula pengkaji yang menyamakannya. Yip Yoke Chew (t.t: 6) mendefinisikan *gender* dan jantina sebagai berikut:

*“Jantina merujuk kepada sifat semula jadi atau biologi seseorang manakala **gender** merujuk kepada peranan sosial dan ekspektasi yang diperuntukkan kepada lelaki dan perempuan.”*

Stockard dan Johnson (1992) dalam bukunya “*Sex and Gender in Society*” iaitu perbezaan maksud kedua-dua istilah ini tidak dipertikaikan dan ia digunakan sebagai sinonim. Baik jantina atau gender, ia merujuk kepada peranan sosial dan bukannya keperluan biologikal.

Gender merupakan suatu fenomena sosial yang membentuk suatu hubungan sosial (Janet Hanshall Monsen, 1991: 4). Manakala perbezaan seks dilihat sebagai penentu kepada biologi. Gender mungkin berasal dari satu aspek yang lebih umum iaitu daripada interaksi budaya dengan perbezaan biologi antara jantina/seks. Interaksi gender yang dibentuk oleh masyarakat ke sebuah masyarakat dan apa yang pentingnya adalah interaksi gender yang wujud ini akan mengalami perubahan selaras dengan peredaran zaman.

Terdapat juga sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa gender merupakan isu politik kerana ia melibatkan kuasa (Mandy McDonald, 1994: 7). Ia dianggap sebagai isu politik kerana ia mendorong kepada perdebatan dan reaksi yang melibatkan ruangan

‘public’ dan ‘private’. Gender juga boleh mempengaruhi secara serius perlaksanaan program dan pengoperasian sesebuah institusi.

Menurut kamus Oxford Fajar (2000: 757), “*gender*” (dalam bahasa tertentu) penggolongan kata nama atau ganti nama sebagai maskulin atau feminin; genus. Seterusnya, kata “*gender*” juga diertikan dengan penggolongan jantina; jantina; seks.

Di dalam Kamus Inggeris Melayu Dewan, perkataan “*gender*” ditakrifkan sebagai genus, klasifikasi atau pembahagian jantina, jantina (Kamus Inggeris Melayu Dewan, 1992: 601). Berdasarkan definisi di atas, *gender* yang dimaksudkan ialah tentang pengasingan penginapan mengikut jantina iaitu mengasingkan kediaman atau penginapan mahasiswa daripada penginapan mahasiswi.

Gender sepatutnya difahami bukan sahaja sebagai suatu perbezaan sosial antara lelaki dan wanita tetapi sebaliknya sebagai suatu interaksi yang menghubungkan kepada suatu peranan sosial yang ditentukan oleh perbezaan seksual atau biologi. Ramai yang beranggapan bahawa gender adalah suatu isu yang hanya melibatkan wanita sahaja. Tetapi harus ditekankan satu analisa gender yang berfokus kepada wanita sahaja adalah suatu kajian yang tidak lengkap (Sarah White, Keynote paper 3). Sekiranya gender itu dilihat sebagai suatu hubungan antara lelaki dan wanita, maka setiap kajian yang melibatkan wanita juga akan turut melibatkan lelaki. Sekiranya identiti gender wanita perlu diubah maka begitu juga dengan identiti lelaki.

“*Kajian*” pula bermaksud suatu kegiatan, usaha atau proses mengkaji sesuatu (Kamus Dewan, 2001: 560). Ini bermaksud suatu pemerhatian, penelitian, dan penyelidikan yang dilakukan oleh penulis di beberapa buah kolej kediaman pelajar di dua buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Malaya.

Satu lagi perkataan yang perlu dilihat definisinya ialah “*perbandingan*”. Di dalam Kamus Dewan, ia diertikan sebagai imbangan, perimbangan, persamaan. Selain itu, ia juga bermaksud ibarat (Kamus Dewan, 2000 : 100). Ini bermaksud bahawa kajian ini adalah merupakan satu kajian perbandingan yang dilakukan di antara kolej-kolej kediaman mahasiswa di dua buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Malaya.

1.10 Penutup

Bab ini adalah membincangkan secara umum mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Ianya bertujuan untuk memberikan gambaran awal dan umum kepada pembaca mengenai kajian ini.

Antara yang dimuatkan di dalam bab ini ialah pendahuluan yang menjelaskan secara umum tentang senario masa kini berkenaan percampuran antara lelaki dan wanita, latar belakang masalah sebagai gambaran umum permasalahan yang dikaji, pernyataan masalah yang menjadi titik tolak mengapa kajian ini dijalankan, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan atau skop kajian, dan istilah atau takrif bagi tajuk kajian.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang dasar pengasingan mengikut gender, teori-teori asas mengenai gender serta masalah sosial di kalangan mahasiswa, faktor penyumbang serta kepentingan memisahkan antara mahasiswa dan mahasiswi.

2.2 Teori Asas Tentang Bidang yang Dikaji / Model

Sebelum membicarakan tentang teori asas yang berkaitan dengan tajuk ini, terlebih dahulu suka pengkaji untuk menerangkan serba sedikit tentang “Konsep Gender”. Gender merupakan suatu sifat yang wujud pada kaum lelaki maupun perempuan yang dibentuk secara sosial. Contohnya, lelaki mempunyai sifat yang kuat,

rasional, kejantanan dan perkasa manakala perempuan mempunyai sifat yang lemah-lembut, cantik, emosional dan keibuan. Konsep gender juga merujuk kepada kedudukan lelaki dan wanita dalam masyarakat dalam memperlihatkan nilai dan sifat kebergantungannya (Raqu Dori Selia, 1999: 19).

Perubahan ciri dari sifat-sifat yang ada pada gender boleh berlaku dari semasa ke semasa, dari tempat ke tempat yang lain dan dari kelas masyarakat yang berbeza. Perbezaan gender (*Gender Difference*) dibentuk secara sosial melalui ajaran agama mahupun negara. Perbezaan gender adalah berkait dengan “Pembudayaan Gender” (Ngang Ai Ting, 2002: 12).

Seterusnya, akan dibincangkan mengenai beberapa teori perkembangan remaja yang dilihat penting bagi memahami perkembangan seseorang individu remaja yang mempunyai kaitan rapat dengan pembentukan sahsiah dan pemikiran mereka.

2.2.1 Teori-Teori Perkembangan Dan Pembelajaran Manusia

Berikut adalah merupakan perbincangan secara umum mengenai teori-teori perkembangan manusia oleh beberapa pengkaji

2.2.1.1 Teori Perkembangan Psikoanalisis

Teori perkembangan personaliti Sigmund Frued (1906) menentang apa yang dinyatakan oleh Mead sebaliknya menyatakan bahawa kepercayaan individu selalunya bertentangan dengan masyarakat. Menurut Frued, perkembangan biologi, khususnya seksual adalah bertentangan dengan norma-norma masyarakat, sebaliknya seiring dengan proses sosialisasi.

Teori Frued ini berasas kepada tiga bahagian dalam diri manusia iaitu id (nafsu), ego (akal) dan superego (iman). Id merupakan bahagian personaliti tak sedar yang menekankan kepuasan serta merta dan hendakkan keseronokan maksimum. Ia didorong oleh tenaga libido yang merupakan tempat menyimpan desakan asas dan merupakan stesen menyimpan segala keinginan manusia. Id akan merangsang kita untuk mempunyai seks, makan, minum dan apa-apa yang memenuhi keperluan manusia.

Ego adalah merupakan bahagian yang mengawal personaliti, yang menghubungkan personaliti diri dengan dunia luar. Ia akan bertindak mengawal keinginan nafsu agar keinginan itu tidak melanggar nilai-nilai dan norma-norma masyarakat. Superego merupakan pengawal yang akan membentuk personaliti manusia bermoral. Bahagian ini berkembang secara beransur-ansur ketika kanak-kanak memperolehi nilai-nilai moral daripada ibu bapa dan gurunya. Superego menghantar maklumat tentang nilai-nilai moral kepada ego yang akan bertindak (berdasar maklumat tersebut) untuk mengawal id. Perkembangan personaliti yang normal bagi kanak-kanak berlaku apabila id, ego dan superego berada dalam keadaan seimbang. Sebaliknya ketidakseimbangan antara ketiga-tiga bahagian ini akan menyebabkan berlakunya masalah tingkah laku seseorang.

Menurut Frued lagi, perkembangan personaliti manusia terbentuk dalam lima peringkat yang berturutan. Setiap peringkat ini dihubungkan dengan bahagian-bahagian tertentu pada tubuh manusia. Semasa setiap peringkat, keinginan untuk mendapatkan kepuasan menjadi konflik dengan nilai moral yang ditentukan oleh ibu bapa, kemudiannya oleh superego.

Pertama adalah peringkat oral (0–1½) iaitu aktiviti yang diarahkan untuk mendapatkan kepuasan melalui mulut seperti menghisap, menggigit dan menelan. Kedua adalah peringkat anal (1½-3 tahun) yang bermula apabila kanak-kanak berupaya mengawal dirinya. Kepuasan diperolehi daripada aktiviti pembuangan najis. Kanak-kanak akan berusaha untuk berdikari sebagaimana yang dilatih agar mendapat penerimaan dan kasih sayang daripada ibu bapanya.

Peringkat ketiga dikenali sebagai peringkat falik (3-5 tahun). Pada peringkat ini kanak-kanak mendapat keseronokan pada organ kejantinaan. Pada peringkat ini, anak lelaki dan perempuan mula tertarik kepada mereka yang berlainan jantina. Anak lelaki memasuki fasa oedipus, lebih tertarik kepada ibunya, manakala anak perempuan memasuki fasa Elektra, lebih tertarik kepada bapanya.

Keempat adalah peringkat pendaman (5-12 tahun), di mana keinginan seksual semakin bertambah dan kanak-kanak mula ambil tahu mengenai rakan sebaya yang berlainan jantina. Perasaan kasih mula dialihkan kepada orang lain selain keluarganya. Dia mulai menguasai nilai-nilai moral. Kelima dan terakhir adalah peringkat kejantinaan (12 tahun dan ke atas), di mana remaja mula berminat terhadap rakan sebaya yang berlainan jantina (Dacey 1996:29).

Teori Psikoanalisa menekankan bahawa personaliti seseorang berdasarkan pengalaman sewaktu dia masih kanak-kanak. Jika seorang kanak-kanak sering mengalami kekecewaan, dilayan dengan kejam, tidak mendapat kasih sayang yang mencukupi, dia akan terjejas perkembangannya. Ini menyebabkan dia berkelakuan kurang matang atau abnormal.

2.2.1.2 Teori Perkembangan Kognitif

Pengasas teori ini adalah Jean Piaget (1896-1980) dan Lev Vygotsky's (1898-1934). Kajian mereka mengenai teori perkembangan kognitif dengan perspektif yang berbeza. Piaget mengkaji perkembangan kognitif dari sudut struktur perkembangan kognitif sementara kajian Vygotsky's lebih kepada peranan interaksi sosial dalam perkembangan kognitif.

Teori Piaget adalah berhubung dengan perkembangan kognitif (mental) manusia. Piaget dianggap sebagai bapa psikologi kanak-kanak, psikologi perkembangan dan kognitif. Beliau menyatakan perkembangan personaliti manusia selari dengan pertambahan struktur kognitif. Struktur-struktur ini dijelmakan melalui pengalaman dan bagaimana kanak-kanak yang membesar menyesuaikan diri dengan pengalaman-pengalaman baru dan membentuk corak-corak pembelajaran yang kompleks.

Menurut beliau, setiap manusia akan melalui empat peringkat perkembangan kognitif melibatkan kemahiran baru yang mendefinisikan tentang apa yang dipelajari. Peringkat-peringkat tersebut adalah peringkat deria motor (0-2 tahun), peringkat praoperasi (2-7 tahun), peringkat operasi konkret dan peringkat operasi formal (12-15

tahun). Perubahan dari satu peringkat ke satu peringkat adalah dapat dilihat sehingga kanak-kanak akan berkemampuan memahami matematik, logikal dan masalah moral yang abstrak, serta perkara yang akan datang. Urutan perkembangan mental membolehkan mereka menghuraikan masalah yang abstrak serta membuat hipotesis dalam menyelesaiannya.

Peaget menyatakan bahawa kita mewarisi satu kaedah pada fungsi intelektual yang mampu bertindak balas dengan persekitaran dalam pembentukan struktur kognitif melalui dua mekanisma iaitu adaptasi dan organisasi. Adaptasi pula mengandungi dua unsur iaitu asimilasi dan akomodasi. Asimilasi bermaksud seseorang cuba memahami sesuatu yang belum pernah diketahui atau dipelajari daripada yang sudah diketahui. Ada kalanya sesuatu yang baru itu diubah mengikut apa yang sudah diketahuinya. Akomodasi pula bermakna seseorang yang mengubah skematanya berdasarkan keperluan baru. Ini berlaku apabila sesuatu yang baru itu tak dapat diterima oleh skemata yang ada. Bagi mengimbang antara maklumat baru dengan skema kognitif, seseorang itu akan melalui proses equilibrasi (Decay: 1996:37).

Vygotsky (1978) menekankan peranan budaya dan masyarakat dalam perkembangan kognitif manusia. Menurut beliau, peringkat tertinggi dalam perkembangan kognitif manusia adalah proses mental seperti ingatan, minat dan pentaakulan yang sering kali berlaku sebagai pencapaian bahasa, matematik dan teknik-teknik ingatan (Dacey, 1996:40).

Beliau telah memperkenalkan “*zone of proximal development*” iaitu perbezaan jarak antara paras sebenar perkembangan individu dengan paras tertinggi perkembangan potensi diri individu tersebut. Tahap kognitif seseorang boleh ditentukan melalui penyelesaian masalah yang dilakukan secara persendirian dan apa yang boleh dilakukan dengan pertolongan daripada orang lain.

2.2.1.3 Teori Perkembangan Psikososial

Pelopor bagi teori perkembangan psikososial adalah Erik Erikson. Kajian beliau terhadap beberapa orang terkenal dari beberapa negara menunjukkan bahawa perkembangan personaliti manusia adalah hasil daripada interaksi antara baka dan persekitaran. Menurut Erikson, hidup manusia dari mula lahir hingga kematiannya melalui lapan tahap perkembangan. Dalam semua tahap, seseorang itu perlu menghadapi krisis perkembangan. Cara seseorang itu menghadapi dan menyelesaikan krisis itulah akan memberi kesan terhadap personaliti diri dan pandangan masyarakat terhadapnya. Cara penyelesaian yang tidak baik terhadap sesuatu krisis dalam suatu tahap perkembangan akan memberi kesan negatif dalam seluruh perkembangan hidupnya walaupun kadangkala kesalahan yang dilakukan boleh dibaiki pada tahap-tahap berikutnya (Woolfork, 1993).

Pada tahap pertama hingga ke empat (sejak lahir hingga 12 tahun), seseorang itu akan belajar untuk menyayangi dan mempercayai orang tertentu. Ia juga akan cuba membuat sesuatu tanpa bantuan daripada orang lain. Perkara-perkara baru akan di terokai, galakan serta pujian yang di terima akan menambahkan keyakinan untuk melakukan sesuatu kerja sebaliknya jika keinginan mereka dihalang akan membuatkan mereka kurang yakin dan merasa rendah diri.

Peringkat kelima (12 – 18 tahun) seseorang itu memasuki alam remaja di mana seseorang itu cuba membentuk identiti diri. Amalan, nilai dan sikap mereka selalunya bertentangan dengan orang dewasa dan kadangkala tidak mahu akur dengan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh pihak sekolah, guru atau ibu bapa. Dalam peringkat ini ibu bapa dan guru mestilah memahami keperluan remaja agar suatu personaliti yang sihat akan terbentuk.

Dalam tahap keenam pula, seseorang itu akan memasuki alam dewasa. Mereka akan mewujudkan perhubungan yang erat dengan orang tertentu untuk mencapai kemesraan dan kerapatan dan seterusnya akan mendirikan rumah tangga. Sebaliknya kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan dia mengalami pengasingan dan merasa kesunyian.

Dalam tahap ketujuh, seseorang itu mengalami alam pertengahan kedewasaan. Di peringkat ini, seseorang itu akan berusaha memberi sumbangan dan perkhidmatan kepada generasi yang berikutnya.

Tahap yang kelapan dan terakhir, seseorang dewasa akan melakukan refleksi kendiri dengan mengingati kembali kejayaan atau kegagalan yang dialaminya di peringkat awal. Seseorang yang berjaya akan merasa puas hati dan menerima dirinya sebaliknya kegagalan menyebabkan dia merasa putus asa.

2.2.1.4 Teori Pembelajaran Sosial

Albert Bandura adalah seorang daripada arkitek Teori Pembelajaran Sosial yang menekankan pengaruh model pada perkembangan personaliti. Bandura memanggil ini pembelajaran secara pemerhatian. Ini bermakna kanak-kanak mendapat maklumat daripada pemerhatian orang lain, perkara-perkara dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekelilingnya (Decay:1996: 42). Beliau menunjukkan bukti bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian, membedung pemerhatian itu, menghasilkan tingkah laku yang dibendung serta peneguhan dan motivasi terhadap tingkah laku yang dihasilkan.

Teori pembelajaran sosial menyatakan bahawa tingkah laku dipelajari. Kanak-kanak biasanya mengikuti tingkah laku orang-orang di sekelilingnya. Proses ini menjadi cepat jika mereka diberi galakan dan peneguhan. Sebagai contohnya, jika seseorang kanak-kanak dipuji kerana dapat keputusan yang baik dalam peperiksaan, maka kemungkinan besar dia akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan yang lain.

Tetapi jika seseorang kanak-kanak itu berhadapan dengan keganasan dan tingkah laku yang agresif di rumah, kemungkinan kanak-kanak itu mempelajari tingkah laku tersebut. Ini bermakna, faktor-faktor persekitaran seperti keluarga, institusi pendidikan dan rakan sebaya boleh mempengaruhi seseorang.

Dalam menjelaskan teorinya, Bandura telah menyatakan empat elemen utama pembelajaran melalui pemerhatian serta harus diberi penekanan iaitu perhatian, pembendungan, penghasilan, peneguhan dan motivasi.

Perhatian adalah elemen pertama pembelajaran. Bagi kanak-kanak, perhatian mereka lebih terhadap ibu bapa, abang dan kakak atau guru-guru. Bagi mereka yang lebih dewasa, perhatian mereka lebih banyak kepada rakan sebaya yang popular, penyanyi dan pelakon atau watak-watak utama televisyen.

Pembendungan merupakan tahap kedua dalam pembelajaran. Ini boleh berlaku dengan cara mengingati perbuatan-perbuatan yang diperhatikan. Pembendungan menjadi kukuh dengan berfikir tentang itu berulang kali atau melatih perbuatan yang diperhatikan.

Penghasilan adalah tahap ketiga dalam pembelajaran. Ini bermakna seseorang itu ‘melakukan’ apa yang dipelajarinya dalam kehidupan sehari-hari. Ini memerlukan latihan supaya penghasilannya licin tanpa sebarang masalah.

Keempat dan yang terakhir adalah pembelajaran melalui motivasi dan peneguhan. Melalui peneguhan dan motivasi boleh menyebabkan sesuatu yang diperhati dan dipelajari dipertunjukkan.

2.2.1.5 Teori Keperluan Manusia (Humanistik)

Abraham Maslow (1970) telah memberi sumbangan besar menerusi kajian mengenai perkembangan personaliti manusia. Beliau menyatakan bahawa manusia mempunyai tujuh hierarki keperluan yang perlu disempurnakan. Empat keperluan peringkat bawah iaitu keperluan untuk hidup, keperluan untuk keselamatan daripada bahaya dan ancaman persekitaran, keperluan untuk pengumpulan harta dan kasih sayang dan keperluan pencapaian diri. Keempat-empat keperluan ini disebut “*deficiency needs*”. Manakala tiga peringkat di atas yang di panggil “*being needs*” terdiri daripada keperluan terhadap pengetahuan dan kefahaman, keperluan terhadap estetik dan yang paling atas adalah keperluan terhadap pencapaian hasrat diri iaitu potensi dan kebolehan (Woolfolk, 1980:340).

Dalam konteks sekolah, jelaslah bahawa para pelajar mempunyai pelbagai keperluan dan akan cuba memenuhi keperluan-keperluan tersebut. Apabila keperluan-keperluan ini disempurnakan maka para pelajar sedia mematuhi peraturan dan disiplin yang ditetapkan. Sebaliknya jika keperluan tersebut gagal dipenuhi, akan berlakulah

gangguan emosi. Gangguan emosi inilah yang menyebabkan pelajar melakukan perbuatan salah laku dan melanggar peraturan institusi pengajian mereka.

2.2.2 Teori Perkembangan Remaja

Semasa remaja, individu dikatakan mula berfikir secara berbeza-beza daripada sebelumnya dan merasakan bahawa sifat-sifat mereka juga berubah, yakni terdapat perubahan dalam konsep kendirinya. Secara mudahnya konsep kendiri adalah hasil interaksinya dengan persekitaran dan diperteguhkan orang-orang yang penting dalam kehidupannya. Berikut diterangkan mengenai peringkat perkembangan remaja (Rabaah Abdullah, 2001: 23-30):-

2.2.2.1 Peringkat Awal Remaja

Berhubung dengan peringkat awal remaja ini, ia lebih tertumpu kepada anak-anak yang berusia antara 13 – 15 tahun (Mohd Salleh Lebar, 1994: 97). Selain itu, ada juga yang mengatakan bahawa peringkat umur bagi remaja ialah di antara 12 atau 13 tahun sehingga 21 tahun (Hasnah Bt. Ghani dan P.M Dr. Mat Saad Abd. Rahman, 1995: 4). Sememangnya jika dilihat dari fenomena biasa, dalam jangka waktu ini mereka telah meninggalkan ciri-ciri keanak-anakan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat di antara mereka yang masih terbawa-bawa dengan sifat keanak-anakan, setelah mencapai peringkat akil baligh. Namun begitu, terdapat pendapat lain yang menyatakan bahawa remaja pada peringkat ini berada di dalam keadaan yang tidak stabil dan berkelakuan agak kasar untuk menyatakan keinginan mereka (Myra Windmiller *et. al*, t.t: 188).

Pada tahap ini, remaja telah mula menunjukkan sikap mengambil berat terhadap siapa dan apa yang dilakukannya, cuba mendapatkan pelbagai maklumat dari pelbagai bahan bacaan yang terdapat di pasaran atau wayang gambar secara sembunyi serta mereka juga mula menyertai kumpulan rakan sebaya atau kumpulan-kumpulan tertentu (L. Joseph, Joseph Church, t.t: 420). Dengan penyertaan ini, ada di antara mereka yang tersilap langkah apabila berjaya dipengaruhi oleh kumpulan yang melakukan perkara jenayah.

Islam yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w penuh dengan pengajaran dan bimbingan. Lantaran itu, Islam menggesa ibu bapa supaya memerhatikan anak-anak dengan teliti dan sempurna serta mengambil berat terhadap kehidupan sosial anak-anak mereka iaitu dengan siapa mereka berkawan (Abdullah Nasih Ulwan, 1989: 146). Justeru, pengawalan daripada ibu bapa adalah amat penting bagi memastikan remaja tidak terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah.

Berkenaan dengan pemilihan rakan sebaya, Allah S.W.T menghabarkan keadaan seseorang yang menyesal di akhirat kelak kerana tersalah memilih kawan. Firman Allah S.W.T:

وَيَوْمَ يَعْصُى الظَّالِمُ عَلَى يَدِهِ يَقُولُ يَا لَيْتَنِي أَخْتَذْتُ مَعَ الرَّسُولِ سَبِيلًا ﴿٢٧﴾

يَا وَيْلَتِي لَيْتَنِي لَمْ أَخْتَذْ فُلَانًا خَلِيلًا ﴿٢٨﴾ لَقَدْ أَضَلَنِي عَنِ الدِّكْرِ بَعْدَ إِذْ جَاءَنِي

وَكَارَ الشَّيْطَنُ لِلإِنْسَنِ خَذْلًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatkanlah) perihal hari orang-orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya (marahkan dirinya sendiri) sambil berkata: "Alangkah baiknya kalau aku (di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama Rasul? "Wahai celakanya aku, alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si dia itu menjadi sahabat karib! "Sesungguhnya dia telah menyesatkan daku dari jalan peringatan (Al-Quran) setelah ia disampaikan kepadaku. Dan adalah Syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (yang menjadikan dia sahabat karibnya)."

(Surah al-Furqan, 25: 27-29)

2.2.2.2 Pertengahan Remaja

Pelbagai perubahan yang dialami remaja dalam peringkat ini. Mereka memperoleh pemikiran baru yang membawa kepada kematangan fikiran. Justeru ia juga membawa kepada kematangan tingkah laku, serta bijak dalam pengurusan diri. Kecenderungan untuk mencari hiburan dan berseronok bersama teman-teman begitu ketara. Pada ketika inilah mereka gemar melakukan aktiviti-aktiviti yang mencabar dan memberi kepuasan kepada mereka.

Di antara perkara-perkara yang boleh merosakkan individu remaja ialah masa lapang yang tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya. Seperti yang sedia kita maklum bahawa setiap insan itu sejak kecil lagi memang gemar bermain, sukakan masa lapang dan cenderung kepada pengembalaan. Untuk itu, Islam mendatangkan beberapa cara atau kaedah yang boleh dipraktikkan oleh ibu bapa dalam memastikan masa terluang anak-anak diisi dengan perkara-perkara yang berfaedah. Antaranya ialah dengan membiasakan mereka mengerjakan ibadah khususnya solat, beriadah, membaca dan berbagai aktiviti berfaedah yang lain (Abdullah Nasih Ulwan, 1989: 140-142). Dengan itu, kebiasaan yang telah dibiasakan sejak kecil akan dapat menjadi pendinding kepada anak-anak ketika mereka dewasa daripada terjebak dengan perkara-perkara yang merosakkan diri mereka.

2.2.2.3 Peringkat Akhir Remaja

Remaja menganggap bahawa diri mereka adalah kepunyaan mereka yang mutlak termasuk dalam hal yang menentukan masa depan mereka. Dengan kata lain matlamat yang ingin dicapai dalam hidup mereka adalah lebih jelas. Tidak dinafikan di peringkat usia ini, remaja terlalu yakin dengan diri sendiri dan semakin beremosi, mengakibatkan mereka sukar menerima nasihat. Akibatnya berlaku perselisihan faham antara remaja dengan ibu bapa sehingga timbul rasa bosan, kurang senang, rasa terkongkong dan muhu hidup bebas.

Justeru, apa yang boleh dilakukan ialah ibu bapa perlu bijak berhadapan dengan anak-anak mereka yang telah remaja ini. Bergaul dengan mereka dengan pergaulan yang

lemah lembut dan penuh dengan kasih sayang agar anak-anak remaja ini merasakan diri mereka dihargai dan disayangi (Abdullah Nasih Ulwan, 1989: 148-149).

Firman Allah S.W.T:-

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ ﴾

وَالْمُنْكَرُ وَالْبَغْيُ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.”

(Surah al-Nahl, 16: 90)

Demikianlah perbincangan yang berkaitan dengan peringkat perkembangan remaja yang mana ianya amat berkaitan dengan perubahan sikap para remaja yang semestinya perlu diperhatikan dan diambil berat oleh ibu bapa. Dalam membincangkan tentang perubahan yang berlaku atau dialami oleh golongan remaja, terdapat beberapa konsep yang boleh dilihat berkaitan dengan peralihan atau perubahan yang berlaku kepada mereka, antaranya (Ghafani Awang Teh, 1997: 7):-

- i. Perubahan Pada Fizikal; Bagi anak lelaki, perubahan yang jelas dapat dilihat dari sudut jasmaninya di mana anggota badan kelihatan mula gempal, sasa dan tegap. Manakala bagi anak perempuan pula mula menampakkan sifat-sifat kewanitaannya seperti datang haid, buah dada membesar dan sebagainya. Perubahan fizikal yang dialami kadangkala sering mengganggu emosi mereka, seperti perasaan mereka

tidak menentu. Menyebabkan mereka menjauhkan diri dari kelompok masyarakat dan kegiatan sosial. Ada kalanya mereka juga sering gagal dalam berkomunikasi secara baik dengan keluarga dan begitu juga sebaliknya (Aishah Hassan, 1998: 194).

Antara lain, dalam situasi ini juga, remaja lebih mudah bertindak, menunjukkan kegelisahan, keresahan dan kadangkala mereka mudah berubah sikap dan emosi iaitu mengikut suasana dan keadaan. Gerak laku sering berlaku tanpa sebab tertentu seperti menarik rambut dan sebagainya. Semua ini berlaku disebabkan oleh perubahan hormon. Hormon ini menolong kanak-kanak membesar dengan cepat dan mengubah ciri-ciri alat jantina kanak-kanak. Semasa akil baligh, hormon-hormon seks iaitu estrogen bagi kanak-kanak perempuan dan testosteron bagi kanak-kanak lelaki akan bertambah dan meransang dorongan seks bagi seseorang. Dorongan ini telah berkembang secara beransur-ansur sejak bayi lagi dan ini menyebabkan keinginannya terhadap seks turut bertambah (Derek Llewellyn-Jones, 1992: 42).

- ii. Perubahan Emosi dan Fikiran; Di peringkat remaja, mereka telah mula menilai perasaan, mencuba sesuatu yang baru dan berkhayal tentang keindahan dunia kehidupan orang dewasa yang sukar dicapai olehnya. Mereka juga cenderung dalam mencontohi pelbagai perkara seperti cara berpakaian, cara bergaul dan cara berfikir. Kebiasaan pada waktu inilah mereka mempunyai idola yang menjadi pujaan seperti artis, ulama, tokoh politik dan sebagainya bergantung kepada pendedahan dan pengajaran yang diterima oleh remaja itu. Di dalam pergaulan mereka mula melewati batas dan lingkungan keluarga malah lebih memberi tumpuan kepada rakan sebaya terutama dari segi berkongsi masalah peribadi.

Perubahan-perubahan yang dramatik ini merubah konsep kendiri seseorang remaja yakni cara dia melihat dan memahami dirinya. Perubahan personaliti yang tercetus dalam diri remaja pada waktu ini menyiapkan dirinya untuk bersedia

memperkembangkan identiti yang ada atau bakal dibentuk melalui perjalannya menuju alam kedewasaan.

- iii. Narcisma; Narcisma adalah merujuk kepada ketagih cinta dan ingin dicintai untuk mendapatkan kasih sayang pada diri sendiri. Ini kerana, remaja mengalami rasa kesunyian (*emotional vacum*) yang hebat kesan daripada peralihan masa untuk berdikari dan memperluaskan rakan sosial yang sesuai.

Sememangnya cinta telah menjadi suatu keperluan malah sama penting dengan keperluan asasi. Ini kerana, cinta adalah fitrah semula jadi yang dianugerahkan oleh Allah Ta’ala kepada semua makhluk-Nya. Namun ianya bergantung kepada seseorang individu sama ada mampu membawa cintanya ke jalan yang diredhai Allah S.W.T atau sebaliknya (Dato’ Dr. Fadzilah Kamsah & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, 2005: 9).

Di antara lelaki dan perempuan, narcisma lebih kuat wujud dalam diri perempuan kerana dari segi biologinya mereka memerlukan seseorang untuk membantu dan membimbingnya keluar dari rasa kesunyian itu (Ghafani Awang Teh, 1997: 9). Walau bagaimanapun, sekiranya disalahgunakan ianya akan mengakibatkan remaja terlibat dengan perkara maksiat dan jenayah, cinta rakan sejenis dan sebagainya dengan tujuan untuk memenuhi narcisma yang dapat menghilangkan kesunyian.

- iv. Penyertaan Kumpulan; Perubahan emosi dan fikiran remaja telah mendorong remaja memperluaskan dan memperbesarkan rakan sosial mereka. Tidak dinafikan remaja memiliki identiti sendiri atau tertentu seperti bahasa yang aneh, pakaian yang pelik, tertarik dengan aktiviti yang mencabar, lasak dan sebagainya. Penyertaan ini boleh mendatangkan kebaikan jika dijalankan dengan tujuan dan pelaksanaan yang betul. Tetapi seandainya ia disalahgunakan maka akan

mengheret remaja berkenaan kepada aktiviti yang bercanggah dengan agama dan undang-undang negara seperti gengsterisme, vandalisme dan sebagainya (Vani Appalasamy, 2002: 21-23).

Justeru, rakan-rakan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sikap dan tindakan remaja kerana mereka mempunyai hubungan yang erat di antara satu sama lain. Melalui pergaulan yang bebas dan tidak terkawal, mereka pastinya akan mempelajari pelbagai perkara negatif yang tidak asing lagi dalam negara ini yang mana modelnya berteraskan model Barat dan sekular (Hasnah Bt Ghani dan P.M Dr. Mat Saad Abd. Rahman, 1995: 33).

2.2.3 Perkembangan Personaliti Dan Perubahan Remaja

Personaliti adalah satu ciri yang merangkumi pelbagai aspek diri manusia. Ini termasuklah tingkah laku, keupayaan, pemikiran, reaksi, tabiat, sosial, kegemaran, nilai moral, kepercayaan, bakat dan kreativiti. Setiap orang mempunyai personaliti yang berbeza dan setiap personaliti adalah unik. Tingkah laku dan personaliti seseorang akan menggambarkan perasaan dan kebolehannya berinteraksi (Ngang Ai Ting, 2002: 14).

Menurut Syed Hassan al-Mashor dan Raihanah Abdullah (1993), terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan personaliti. Faktor pertama ialah baka atau genetik. Setiap orang mewarisi sedikit sebanyak ciri-ciri personaliti ibu bapa mereka. Tahap pemikiran kanak-kanak yang ada dalam rahim ibu akan menunjukkan kesan-kesan gangguan termasuk gangguan hormon, nikotin rokok, kekurangan zat besi, komplikasi kelahiran dan keadaan persekitaran boleh menimbulkan kesan negatif ketika urat saraf dan otak kanak-kanak sedang berkembang. Proses perkembangan urat saraf

dan otak akan berlaku dengan pesatnya ketika seseorang itu berumur di antara enam bulan dan satu setengah tahun. Apabila timbul masalah pada masa kritis seperti ini, kesannya akan dilihat pada personaliti mereka. Mereka mungkin lebih senang mendapat keresahan, tidak aktif, daya pemikiran dan intelektual menurun dan aspek fizikal juga turut dilanda masalah.

Faktor kedua ialah aspek persekitaran. Tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak, layanan daripada keluarga dan jiran tetangga, di samping penyesuaian diri apabila memasuki alam persekolahan serta tindak-tanduk masyarakat, meninggalkan kesan terhadap perkembangan personaliti seseorang. Didikan yang tidak sempurna akan menimbulkan kesulitan dan masalah apabila seseorang menjangkau dewasa. Individu itu akan berasa janggal, kurang senang dan kurang berkeyakinan bergaul dengan rakan-rakan. Mereka juga mudah cemas apabila menghadapi masalah. Mereka akan membuat pelbagai interpretasi yang mungkin negatif terhadap orang lain yang cuba membantunya.

Faktor ketiga ialah hubungan kekeluargaan. Rumah tangga yang porak peranda, ditambah pula dengan adanya pertengkar dan perkelahian sesama ibu bapa dan di antara ibu bapa dan anak-anak akan mendedahkan lagi individu itu kepada pendidikan yang pincang. Kanak-kanak yang mengalami keadaan seperti ini apabila menjadi remaja dan dewasa akan terdedah kepada risiko yang membawa mereka terjerumus kepada aktiviti jenayah, penyalahgunaan najis dadah dan sebagainya. Perkara ini lebih kerap berlaku di kalangan kanak-kanak lelaki berbanding perempuan.

Ibu bapa yang sering bertengkar akan membuatkan anak-anak lari meninggalkan rumah mencari ketengangan di luar rumah dengan bertemu rakan-rakan yang sekaligus semestinya mereka akan meluahkan masalah yang dihadapi kepada rakan-rakan. Apa yang dibimbangkan ialah sekiranya rakan-rakan yang ditemui itu adalah mereka-mereka yang rosak akhlaknya. Seandainya ini berlaku, nescaya akan hanyutlah anak-anak

bersama-sama rakan-rakan yang telah rosak akhlaknya itu (Abdullah Nasih Ulwan, 1989: 131).

Menurut Syed Hassan al-Mashor dan Raihanah Abdullah (1993) lagi, teori perkembangan personaliti daripada aspek sosial, emosi dan pemikiran setiap individu semenjak dilahirkan hingga tahap remaja, dewasa dan tua akan menjalani beberapa tahap perkembangan. Apabila tahap perkembangan yang berkaitan dapat diatasi dan disempurnakan dengan baik dan jayanya, individu itu akan terus maju ke tahap yang lebih mencabar dengan sikap berwaspada. Proses ini akan berlaku sehingga akhirnya seseorang itu menjadi semakin matang dalam menghadapi cabaran dan dugaan sehari-hari sepanjang hayatnya. Jika berlaku sesuatu yang boleh menyebabkan seseorang itu tidak berupaya mengatasi masalah yang dihadapi pada sesuatu tahap perkembangan personalitinya, individu terbabit akan menghadapi pelbagai masalah serta kerumitan apabila mereka melangkah ke alam dewasa. Berikut adalah tahap perkembangan personaliti yang dimaksudkan:-

- i. Tahap perkembangan personaliti adalah bermula daripada tahap kepercayaan asas dan seterusnya ke tahap autonomi. Dalam keadaan ini, kanak-kanak dapat mengawal sedikit sebanyak kemahuannya. Susulan daripada tahap ini akan timbul pula peringkat kemajuan yang mana kanak-kanak itu memasuki alam persekolahan. Bagi mereka yang berjaya dalam bidang pelajaran, sudah tentu akan membina peribadi sempurna manakala yang gagal pula pasti mendapati diri jauh ketinggalan.
- ii. Tahap seterusnya adalah tahap identiti ketika remaja. Tahap ini amat penting kerana setiap remaja akan mula menyoal diri sendiri tentang matlamat kehidupan yang perlu dicari. Dalam peringkat ini jugalah, mereka mula menunjukkan ciri-ciri kedewasaan. Semua ini akan memberi satu tekanan kepada remaja kerana mereka bertanggungjawab menentukan arus perjalanan dan masa hadapan mereka. Apabila tahap ini

diharungi dengan jayanya, seseorang telah mencapai dan membentuk keperibadiannya sedikit demi sedikit. Bagaimanapun, mereka yang tidak berjaya akan mengalami banyak kesulitan. Seseorang akan mula menunjukkan keinginan mencari teman hidup sehingga menjalin hubungan mesra di antara satu sama lain. Sikap ini akan dialami apabila individu itu memasuki alam pekerjaan. Sekiranya ini tidak berhasil, individu itu akan berasa kecawa dan keseorangan dan tersisih daripada aspek sosial dan profesional.

- iii. Tahap yang akhir adalah tahap kejayaan di mana seseorang individu telah mencapai matlamatnya iaitu dia berhasil dan berproduktif. Dia penuh bertanggungjawab dan dapat merasai nikmat dan hasilnya yang baik. Kegagalan dalam tahap ini menimbulkan seseorang individu yang tidak senang dan tidak puas hati dengan apa yang berlaku.

Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis personaliti atau keperibadian yang telah dinyatakan di atas:

Jadual 2.1: Jenis-jenis Personaliti atau Keperibadian

| Jenis-jenis Personaliti atau Keperibadian | |
|--|---|
| Jenis | Gangguan Keperibadian |
| Astenik | Tidak bermaya, mengharap, tiada semangat bersaing, tidak tegas. |
| Obsessional | Penumpuan perhatian terperinci, kemas, teratur, tepat masa, tidak mudah terpengaruh, kerja berlebihan, emosi terhad, degil. |
| Skizoid | Tersisih, kesunyian, pendiam, begitu berahsia, gemar berkhayal, sering berprasangka. |

Pengkaji awal bagi teori perkembangan personaliti adalah Cooley (1902) dan Mead G.H. (1934). Cooley percaya bahawa personaliti lahir daripada interaksi seseorang dengan dunia persekitarannya. Menurut beliau, manusia membentuk “*looking-glass selves*” dalam interaksi tersebut. Melalui fikiran dan perasaan, imej diri terbentuk daripada pandangan orang lain terhadap dirinya. Mead seorang ahli psikologi dari Amerika telah meneruskan lagi kajian bagaimana diri terbentuk. Beliau percaya diri manusia lahir daripada suatu produk sosial melalui hubungan dengan manusia lain. Sebagai contoh bagaimana seorang bayi dan kanak-kanak tidak boleh menginterpretasikan perlakuan manusia dewasa dan untuk memahami makna setiap perlakuan tersebut. Apabila sudah memahaminya, mereka kemudiannya akan cuba mengalami pengalaman tersebut.

Menurut Mead lagi pembentukan manusia berlaku dalam tiga peringkat. Pertamanya peringkat bayi mengajuk dan meniru (*imitation stage*) perlakuan orang dewasa tanpa memahaminya. Kedua adalah peringkat bermain (*play stage*) di mana kanak-kanak memahami sesuatu perlakuan seseorang seperti seorang doktor, ahli bomba dan sebagainya dan akan bermain berdasarkan perlakuan tersebut. Ketiga adalah peringkat permainan (*game stage*) di mana kanak-kanak bukan hanya belajar apa yang dijangkakan daripada perlakuan seseorang tetapi juga daripada keseluruhan kumpulan tersebut (Neil, 1981: 57-59).

Demikianlah perbincangan mengenai perkembangan dan perubahan remaja yang perlu diteliti dan difahami oleh setiap pihak sebagai satu persdian untuk berhadapan dengan golongan remaja.

2.3 Masalah Sosial Di Kalangan Mahasiswa, Faktor Penyumbang Serta Kepentingan Memisahkan Antara Mahasiswa Dan Mahasiswi

Masalah sosial merupakan gejala abnormal atau tingkah laku yang tidak bermoral dan bersifat merosakkan. Ini bermaksud semua aktiviti yang membawa kepada keruntuhan akhlak perlu dihindari kerana boleh merosakkan peribadi dan nilai-nilai baik dalam diri seseorang individu. Dalam konteks kehidupan mahasiswa, antara masalah yang begitu ketara dihadapi oleh mereka ialah kegagalan menguruskan perasaan dan emosi dengan betul dan berkesan. Inilah yang membawa kepada tindakan-tindakan seperti keinginan berdua-duaan tanpa had waktu, menghabiskan masa dengan berbual di telefon, internet atau menggunakan khidmat pesanan ringkas (sms), keluar bersama sehingga lewat malam malah ada yang pergi ke diskò atau pub-pub (<http://groups.yahoo.com/group/ABIM/messages/>, 3 Oktober 2005, 9:13 PM). Perlakuan di atas sebenarnya adalah bibit-bibit permulaan yang boleh membawa kepada perlakuan yang lebih sumbang dan tidak bermoral.

Terdapat mahasiswa universiti atau kolej yang terlibat dalam perbuatan zina, kehamilan luar nikah, seterusnya pengguguran bayi sehingga menjaskan pelajaran yang sepatutnya diutamakan. Malangnya ada antara mahasiswa yang terlibat dalam gejala tidak bermoral ini terdiri dari pelajar pintar yang menjadi harapan semua pihak terutama ibu bapa dan keluarga. Perbuatan yang dilakukan tidak hanya mencemar maruah diri tetapi turut mencemarkan nama ibu bapa di mata masyarakat. Insiden yang berlaku ini sedikit sebanyak memperlihatkan bahawa mereka masih tidak mempunyai prinsip yang teguh dan benteng diri yang kukuh untuk berdepan dengan cabaran dunia remaja.

Sebagai contoh di mana suatu ketika dulu rakyat Malaysia telah digemparkan dengan berita yang cukup memalukan warga kampus di seluruh Malaysia iaitu

berkenaan dengan penyebaran gambar pasangan remaja yang didakwa pelajar sebuah universiti di Selangor sedang melakukan adegan yang memalukan, melalui sebuah laman web. Sebelum ini, sebuah akhbar tabloid turut memaparkan gambar pelajar yang didakwa dari sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) sedang berasmara sehingga hilang pertimbangan diri (<http://groups.yahoo.com/group/ABIM/messages/>, 3 Oktober 2005, 9:13 PM).

Bukan itu saja, masyarakat juga didedahkan dengan berita pelajar IPT ditangkap berkhalwat sama ada sesama pelajar atau dengan orang lain. Tidak kurang juga pelajar IPT yang berpeleseran di diskò atau kelab malam setiap hujung minggu. Keadaan itu pastinya membimbangkan semua pihak, terutama ibu bapa yang menghabiskan wang ringgit yang bukan sedikit bagi memastikan anak mereka menjadi seorang berguna (<http://groups.yahoo.com/group/ABIM/messages/>, 3 Oktober 2005, 9:13 PM).

Gambaran negatif itu pastinya menjelaskan kedudukan dan kewibawaan IPT sebagai gedung ilmu yang sepatutnya melahirkan insan dan generasi yang sepatutnya menjadi '*role model*' kepada masyarakat. Perkara ini jika tidak dibendung akan menjadi barah yang sukar diubati. Masyarakat akan hilang kepercayaan terhadap kedudukan IPT sebagai tempat membentuk generasi masa depan yang berwibawa dan bermutu dari semua segi.

Beberapa perkara dilihat sebagai faktor yang menyumbang ke arah keruntuhan akhlak dan moral mahasiswa. Antaranya, ramai di antara mereka yang terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya yang berpasangan (*couple*). Keseronokan rakan-rakan membangkitkan keinginan ingin mengalami situasi yang sama. Keadaan ini mendatangkan kebimbangan kepada mereka jika mereka tidak mempunyai teman hingga di tahun akhir pengajian.

Jika berpeluang berpasangan, mereka mula hilang arah dan lupa diri sehingga berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Justeru, pergaulan antara lelaki dan perempuan yang tiada batasan inilah yang mengheret mereka ke lembah kemusnahan seperti zina dan rogol (Supriadi, 1998: 43). Di samping itu, terdapat satu kajian telah dijalankan mengenai gejala rogol. Hasil daripada kajian menyatakan kebanyakan perogol adalah daripada orang yang dikenali dan teman lelaki adalah jumlah yang paling tinggi (Pahrol Mohd Juoi, 2006 : 28).

Budaya sebegini adalah merupakan satu agenda Barat untuk menghancurkan umat manusia khususnya orang Islam yang sudah berkurun lamanya menjadi musuh tradisi mereka. Ia akan menjadikan orang Islam lalai dengan keseronokan berpasangan yang sekaligus melemahkan kekuatan rohani. Sebagaimana firman Allah S.W.T:-

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبَعَ مِلَّهُمْ قُلْ إِنَّ هُدًى اللَّهِ هُوَ

أَهْدَىٰ وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا



Maksudnya:-

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut ugama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka):

“Sesungguhnya petunjuk Allah (ugama Islam itulah petunjuk yang benar”. Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu.”

(Surah al-Baqarah, 2: 120)

Sabda Nabi s.a.w pula:-

لَيْسَ مِنَّا مَنْ شَبَهَ بِغَيْرِنَا، لَا شَبَهُوا بِالْيَهُودِ، وَلَا بِالنَّصَارَىٰ

Maksudnya:-

“Bukan dari golongan kami, siapa yang menyerupai orang yang bukan dari kita. Jangan mengikut-ikut kaum yahudi dan nasrani!”

(H. R. al-Tirmidhi)

Dua nas di atas, jelas menunjukkan betapa bahayanya budaya yang dibawa oleh Barat (Yahudi dan Nasrani) yang dilihat sebagai satu senjata mereka untuk melemahkan orang-orang Islam. Justeru, orang-orang Islam diberi amaran oleh Allah S.W.T dan Rasul-Nya dan dilarang sama sekali meniru atau mengikut budaya yang dibawa oleh Barat.

Pengetahuan dan penghayatan agama yang kurang juga dilihat menjadi salah satu faktor utama berkembangnya masalah sosial di kalangan mahasiswa. Jika ajaran-agaran agama tidak dihayati dan dipraktikkan terutama dalam soal pergaulan, pasti mereka tidak mempunyai kekuatan untuk berdepan dengan apa jua cabaran khususnya yang berkaitan dengan nafsu, emosi, perasaan dan hati. Agama Islam meletakkan beberapa prinsip, panduan, larangan dan batasan tertentu dalam soal pergaulan membabitkan lelaki dan wanita bukan mahram. Kegagalan mempraktikkannya serta sikap tidak mengendahkan ajaran agama menyebabkan ramai yang terlanjur melakukan maksiat dan dosa.

Mengenai pengetahuan dan penghayatan agama ini, Abdullah Nasih Ulwan (1989) menegaskan bahawa seharusnya perkara ini adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa untuk mengajarkan anak-anak dengan pendidikan agama yang secukupnya bermula sejak mereka masih kecil lagi. Memberikan pendidikan agama sejak kecil dengan

secukupnya akan memberikan kesan yang amat mendalam sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdullah Nasih Ulwan (1989: 178-180) iaitu:-

- i. Anak-anak akan kenal tentang asal-usul akidah dan prinsip tauhid dan iman dengan baik.
- ii. Dapat membuka mata anak-anak tentang pentingnya ketaatan kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya dengan mengerjakan perintah-perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Dengan itu, anak-anak akan faham tentang hukum-hukum yang terdapat dalam Islam serta mereka dapat membiasakan diri mereka dengannya sejak kecil lagi.
- iii. Anak-anak akan dapat mengenal hukum-hukum ibadah beserta kepentingannya dan membiasakan diri untuk menunaikannya sejak kecil lagi dan supaya mereka membesar dalam ketaatan kepada Allah S.W.T, menunaikan hak-Nya, mensyukuri segala nikmat-Nya, berlindung diri kepada-Nya, yakin kepada takdir-Nya serta berserah diri kepada Allah S.W.T dalam apa juar keadaan.
- iv. Termasuk di dalam konteks didikan agama ini ialah mendidik anak-anak supaya mencintai Rasulullah s.a.w, keluarga Baginda s.a.w dan membiasakan diri mereka membaca al-Qur'an yang bertujuan supaya anak-anak mencontohi Rasulullah s.a.w dan para sahabat serta mengikat diri mereka dengan al-Qur'an dalam hal kerohanian

Media massa juga turut mempengaruhi gaya hidup mahasiswa kini. Bermacam-macam program hiburan telah disiarkan dan telah menjadi program tetap dalam satu-satu syarikat televisyen tersebut. Antara yang popular kini ialah program "realiti tv" yang memaparkan kehidupan sehari-hari individu yang sedang dalam proses untuk menjadi artis, dengan percampuran antara lelaki dan wanita di dalam satu tempat tinggal serta

menjalani pelbagai latihan kesenian bersama-sama. Ini semua mampu mempengaruhi golongan remaja terutamanya mahasiswa dalam menjalani kehidupan mereka sehari-hari. Mereka akan terikut-ikut gaya hidup yang dipamerkan yang melambangkan budaya hedonisme (Vani Appalasamy, 2002: 88).

Banyak budaya dari Barat telah berjaya menyelinap masuk melalui media massa. Selain daripada rancangan berbentuk “realiti tv”, sejak dahulu lagi telah banyak siaran-siaran televisyen yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat Malaysia telah disiarkan. Adegan berpelukan, berciuman dan pendedahan aurat sememangnya telah menjadi menu khas setiap rancangan televisyen. Apabila siaran-siaran sebegini ditonton oleh anak-anak yang meningkat remaja maka ia boleh menyebabkan mereka banyak berkhayal dan timbul rasa ingin tahu yang sangat tinggi. Inilah yang menyebakan mudah-mudi semakin berani untuk mencuba melakukan perkara-perkara terkutuk tanpa segan silu apatah lagi memikirkan kemurkaan Allah S.W.T yang menanti mereka (Supriadi, 1998: 44).

Seharusnya pihak media tidak kira media elektronik maupun media cetak memainkan peranan yang positif dengan menghidupkan suasana Islam sebagaimana yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia tidak lama dahulu bahawa “Malaysia Negara Islam”. Penyiaran siaran dan penerbitan bahan-bahan yang berbentuk Islam secara meluas adalah salah satu cara untuk menghidupkan suasana Islam di Malaysia ini (Ahmad Redzuan Mohd Yunus, 2003: 96).

Semua yang telah diperkatakan tadi adalah merupakan faktor luaran yang sedikit sebanyak menjadi punca keruntuhan moral dikalangan mahasiswa. Namun begitu, dengan pengamalan dasar percampuran gender di kolej-kolej kediaman atau penginapan mahasiswa di pusat pengajian tinggi juga dilihat sebagai faktor yang menyokong perkembangan masalah sosial di kalangan mahasiswa. Apabila tinggal di tempat yang

sama, ini memudahkan mereka bersama ke sana ke mari tidak kira siang atau malam. Senario di kampus memaparkan bagaimana mahasiswa masih boleh membongceng motosikal pasangan masing-masing dan keluar bersama walaupun sudah lewat malam dan meniti waktu pagi.

Menurut Ustaz Hj. Daud Bin Mohd Salleh (2001), percampuran dan pergaulan yang tiada batasan di antara lelaki dan wanita akan membawa kepada gejala yang buruk khususnya zina. Zina akan berkembang luas tanpa dapat dibendung. Apabila gejala ini sudah merebak dan golongan remaja khususnya mahasiswa sudah menganggapnya sebagai satu perkara biasa, maka menghapuskannya melalui penerangan dan nasihat sudah tidak berguna lagi.

Firman Allah S.W.T:-

يَأَيُّهَا النِّسْكُ قُل لَا زَوْجَكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلِيلِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤْذَنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya:-

“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah al-Ahzab, 33: 59)

Sebagai penjelasan, ayat di atas menggambarkan bahawa bagaimanakah percampuran antara lelaki dan perempuan itu dapat dibenarkan sedangkan perempuan yang Muslimah itu sendiri dituntut agar memelihara aurat mereka daripada dilihat oleh lelaki-lelaki asing dengan memakai pakaian yang dapat menutup aurat mereka dengan sempurna (Abdullah Nasih Ulwan, 1989: 330).

Nabi s.a.w juga ada bersabda:-

أَلَا لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ

Maksudnya:-

“Tiada seorang lelaki bersendirian dengan seorang wanita melainkan syaitan akan menjadi ketiganya.”

(H.R al-Tirmidhi)

Hadis di atas jelas menunjukkan betapa bahayanya jika seorang lelaki itu duduk berdua-duaan bersama dengan seorang perempuan maka pihak yang ketiga yang hadir di antara keduanya itu adalah syaitan yang dilaknat yang telah bersumpah dihadapan Allah S.W.T untuk menyesatkan umat manusia hingga akhir zaman dan dia (syaitan) akan berusaha sedaya upaya dengan menggunakan tipu helahnya untuk memerangkap manusia supaya melanggar perintah Allah S.W.T dengan melakukan maksiat.

Semua nas di atas menguatkan lagi bahawa percampuran di antara lelaki dan perempuan adalah diharamkan secara pasti dan tiada sebarang pertikaian kecuali terdapat urusan-urusan yang mustahak yang memerlukan pertemuan. Sebagai umat Islam, hukum syarak perlu didahulukan dan diutamakan daripada segala hukum yang lain iaitu hukum ciptaan manusia. Firman Allah S.W.T:-

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمْ أَحْيَرَةٌ مِنْ

أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya:-

“Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.”

(Surah al-Ahzab, 33: 36)

Demikianlah peri pentingnya pengasingan di antara lelaki dan wanita terutama dari sudut penginapan di asrama. Ianya dilihat sebagai langkah awal untuk mengawal kebejatan masalah sosial di kalangan mahasiswa. Sebagaimana kata pujangga Arab yang bermaksud:-

الوقاية خير من العلاج

Maksudnya:

“Mencegah lebih baik daripada mengubati”

Ini kerana, mahasiswa adalah generasi pelapis negara yang semestinya akan menerajui kepimpinan negara pada suatu masa akan datang. Untuk itu, negara memerlukan generasi pelapis yang cemerlang dari sudut fizikal, spiritual dan juga intelektual.

2.4 Kajian Literatur

Isu gender merupakan satu tajuk kajian yang banyak ditinjau dan dilaporkan oleh pengkaji sosial dan para pendidik barat. Kaedah-kaedah kajian yang digunakan merangkumi kaedah kuantitatif termasuk meta analisis dan kaedah kualitatif yang berbentuk etnografi. Kajian gender di dalam negara tidak menyeluruh dari segi liputan dan kurang mendapat perhatian berbanding dengan luar negara.

Berkaitan dengan kajian yang dikaji oleh penyelidik ini pula, belum ada lagi kajian yang pernah dijalankan iaitu tentang “Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender”. Ini adalah berdasarkan kepada penelitian dan tinjauan yang telah dilakukan oleh penyelidik di beberapa buah perpustakaan universiti seperti di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Sultan Ismail Larkin.

Namun, terdapat beberapa kajian berkenaan dengan gender pernah dijalankan oleh beberapa orang penyelidik lain dan berikut merupakan huraian mengenainya:

2.4.1 Pembezaan Gender Dalam Buku Teks Dan Bahan Bacaan

Sistem masyarakat adalah bergantung pada sekolah untuk menurunkan nilai-nilai dan kepercayaan termasuk ekspektasi dan tingkah laku peranan jantina. Ini dilakukan secara formal melalui buku teks yang digunakan dalam kurikulum atau melalui struktur yang memperuntukkan keutamaan dan tugas mengikut jantina.

Sesetengah pengkaji seperti Saario, Jacklin dan Tittle (1973) mendapati kurikulum sekolah meningkatkan diskriminasi gender dan stereotaip peranan jantina. Tuduhan ini adalah berdasarkan pendapat bahawa kurikulum adalah terdiri daripada nilai dan norma sosial yang terpilih untuk diperuntukkan kepada generasi muda.

Norma masyarakat pula adalah berlandaskan norma lelaki adalah “*men – as – the – norm*” (Megarry, 1984:18). Buswell (1984) juga bersetuju dengan kenyataan ini. Menurut beliau, semua mata pelajaran di semua peringkat adalah dibayangkan dalam rangka kerja “*Lelaki sebagai norma*”. Ini meninggalkan perempuan sebagai kumpulan minoriti sama seperti kelas pekerja dengan status bawahan kepada lelaki.

Menurut Downing (1982), penyelidikan secara teoretikal tentang perbezaan jantina dalam bahan bacaan masih belum mantap. Walau bagaimanapun, dalam tahun 70-an tidak kurangnya kajian yang dilakukan ke atas buku bacaan dan bahan bacaan.

Hartley pernah menyarankan bahawa kanak-kanak lelaki mempelajari peranan mereka daripada sumber-sumber simbolik dalam buku cerita dan kumpulan sebaya (dipetik daripada Lobban, 1975:240). Begitu juga adalah menjadi andaian kepada ramai penyelidik bahawa prinsip pengukuhan dan penghindaran beroperasi ketika kanak-kanak membaca (Saario, Jacklin dan Tittle, 1973:389).

Hamlin (1982) pula menaruh minat pada buku-buku terbitan dari 1680 hingga 1970-an. Analisis mendapati buku-buku sebelum pertengahan 1970 mengongsi ciri yang sama, iaitu berat ke sebelah lelaki baik dalam kuantiti atau kualiti. Hanya selepas 1975, penerbit dan pengarang mula berusaha mengurangkan unsur-unsur stereotaip jantina. Wanita mula digambarkan sebagai ahli kaji bintang, doktor di samping guru dan jururawat serta suri rumah.

Keadaan di Malaysia tidak terkecuali daripada haluan begini. Usaha menganalisis kandungan buku teks yang terulung di negara kita ialah oleh Saedah Siraj (1990). Sebanyak 149 cerita dan 190 gambar dalam buku teks Bahasa Malaysia tahun dua hingga tahun enam sekolah rendah ditinjau. Dapatan beliau tidak jauh berbeza dengan dapatan pengkaji barat. Stereotaip jantina wujud dalam petikan bertulis dan juga gambar rajah.

Di negara barat khususnya yang berbahasa pengantar Bahasa Inggeris, tajuk dan frasa yang digunakan dalam buku teks juga didapati berorientasikan lelaki terutamanya buku-buku peringkat tinggi. Penggunaan istilah seperti *men*, *forefather* (Kaplan, 1980:219), *Man The Thinker*, *Early Man*, *Rich Man* telah dikecam. Walaupun bermaksud lelaki atau perempuan dalam konteks tertentu, tetapi pengkaji seperti Swift dan Miller mendapati pelajar cenderung melukis lukisan lelaki apabila tajuk sedemikian diberi (dipetik daripada Buswell, 1981:197).

Kesan pendedahan kanak-kanak kepada stereotaip gender di dalam buku teks sedemikian adalah mendalam sekali kerana kanak-kanak terdedah kepada buku-buku teks pada peringkat umur yang mudah terpengaruh, kanak-kanak cenderung untuk mengabadikan stereotaip- stereotaip jantina yang dipamerkan dalam buku teks (Saario, Jacklin dan Tittle, 1973:398).

Kurangnya maklumat tentang perjuangan wanita dalam buku teks sejarah, sains dan sastera juga telah dituduh sebagai faktor perempuan ketinggalan di peringkat yang lebih tinggi. Kaplan telah membuat kesimpulan bahawa pandangan dan penilaian yang negatif terhadap diri sendiri terhadap pelajar perempuan peringkat lebih tinggi adalah diakibatkan oleh kandungan buku teks yang kurang menonjolkan perjuangan perempuan. Pada masa yang sama kecenderungan lelaki bertindak terlampaui aktif dan agresif dalam bilik darjah merupakan hasil rangsangan hero-hero yang aktif, berdikari

dan tegas dalam buku teks (Kaplan, 1980:219). Walau bagaimanapun, sejauh manakah kenyataan ini benar tidak disokong oleh sebarang data.

2.4.2 Pembezaan Gender Dalam Penilaian Dan Peperiksaan

Tinjauan yang sistematik dan menyeluruh ke atas pembezaan jantina dalam ujian jarang dilakukan. Salah satu yang pernah dilakukan ialah kajian Saario, Tittle dan Jacklin ke atas soalan ujian terbitan syarikat penerbit ujian utama di California. Mereka menganalisis penggunaan bahasa dan kandungan ujian. Dapatan kajian menunjukkan kata nama dan kata ganti nama lelaki lebih kerap digunakan berbanding dengan perempuan. Mereka juga mendapati ini berpunca daripada pemilihan bahan dan kandungan ujian, tidak ada kena-mengena dengan resmi (*nature*) bahasa. Salah satu sebab yang dikemukakan ialah format ujian sekolah rendah kurang menggunakan petikan panjang dan pendidikan sekolah rendah yang berbentuk pemuatan rumah atau keluarga.

Pengkaji di atas juga meninjau stereotaip jantina dalam ujian dengan menyenaraikan segala aktiviti, pekerjaan dan kedudukan sosial yang berat sebelah. Wanita tidak asing lagi sebagai suri rumah atau menjalankan aktiviti hobi, lelaki pula terlibat dalam aktiviti luar yang memerlukan kekuatan fizikal dan bercorak penjelajahan serta menunjukkan daya kepimpinan. Anak-anak perempuan pula menjalankan kegiatan pengasuhan seperti membantu ibu, membeli sayur, kalau ada perempuan yang aktif pun mereka sentiasa di belakang lelaki yang lebih berani dan kuat (Saario, Jacklin dan Tittle, 1973:404).

Kesimpulannya ialah, tidak ada perbezaan kandungan antara bahan ujian dan peperiksaan dengan bahan pengajaran dalam pendidikan iaitu banyak mengandungi stereotaip peranan jantina.

2.4.3 Pembezaan Gender Dalam Pengendalian Bilik Darjah

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji barat mengenai pembezaan gender dalam pengendalian bilik darjah ini, antaranya:

2.4.3.1 Interaksi guru-murid.

Penyelidikan tentang gender dan persekolahan telah bermula pada 60-an dan menjadi giat pada tahun 1970 dan 1980-an di negara barat. Perubahan dalam haluan kajian dalam tempoh ini dapat dikenal pasti. Kajian awal bertumpu kepada kesan amalan guru yang menekankan feminiti ke atas kanak-kanak lelaki (Etaugh dan Harlow, 1975 : Etaugh, Collins dan Gerson, 1975).

Tidak kurang juga minat dalam meninjau korelasi perbezaan pencapaian murid lelaki dan perempuan dalam mata pelajaran bahasa, matematik dan sains dengan amalan bilik darjah guru (Leinhardt, 1979. Kelly, 1988). Ekspektasi dan persepsi guru turut diterokai untuk memahami amalan diskriminasi gender di dalam bilik darjah (Brophy dan Good 1970, 1974 : Good 1970, 1980; Good dan Brophy 1972, Good et. Al. 1973, 1980).

Dalam tahun 1980-an, tumpuan kajian adalah kepada taburan interaksi guru-murid di dalam bilik darjah (Hillman dan Darenport, 1978; Windass, 1989; Morgan dan Dunn, 1990).

Banyak kajian merumuskan lelaki adalah golongan yang menguntungkan dalam taburan interaksi guru-murid yang tidak seimbang. Perbezaan gender dalam pemilihan mata pelajaran kegemaran juga mendapat perhatian para pengkaji. Sejak akhir tahun – 1980-an, kebanyakan kajian adalah untuk meninjau dan menilai kejayaan-kejayaan dalam program ekualiti jantina di dalam bilik darjah dan sekolah (Acker, 1988; Clark, 1989. lee, Mary dan Byrd, 1994).

Bilik darjah adalah satu tempat yang sibuk, setiap minit dan setiap saat terjelnya pelbagai ragam dan bentuk interaksi di kalangan ahli-ahli di dalamnya. Hubungan antara manusia di dalamnya adalah rumit dan memerlukan pendalaman. Mesej, nilai, norma yang tersurat dan tersirat dalam hubungan guru-murid telah dituduh berunsur stereotaip jantina. Bagaimanakah terjelnya stereotaip jantina dan perbezaan gender di dalam bilik darjah?

“Stereotypes are transmitted through the unspoken assumptions which govern teacher behavior and transactions in the classroom.”

(egarry, 1984:22)

Dari sinilah kita dapati terjalinya satu corak interaksi dalam bilik darjah yang menjadi pokok kajian pembezaan gender.

Satu siri kajian interaksi guru-murid telah dilakukan oleh Good (1970, 1980), Brophy dan Good (1970, 1974), Good dan Brophy (1972), Good, Sikes dan Brophy (1973). Sistem Pemerhatian Hubungan Dua Hala Brophy-Good telah digunakan. Pada umumnya tindakan guru berbeza mengikut gender dan pencapaian murid-murid. Ekspektasi guru terhadap murid mendorong guru bertindak secara berlainan terhadap murid-murid.

Dalam satu pemerhatian yang dilakukan ke atas 270 orang murid-murid di tiga buah sekolah (Good dan Brophy, 1972. Brophy dan Good, 1974), pengkaji membuat replikasi kepada kajian Silberman (1979). Pengkaji membuat rumusan bahawa sikap guru terhadap murid individu memberi kesan yang signifikan ke atas tingkah laku guru di dalam bilik darjah.

Sistem Pemerhatian Hubungan Dua Hala Brophy-Good seterusnya telah digunakan oleh Hillman dan Davenport (1978) untuk meninjau interaksi guru-murid bagi pemboleh ubah ras dan jantina di 306 bilik darjah sekolah rendah dan menengah di Detroit. Analisis bagi pemboleh ubah jantina menunjukkan penglibatan lelaki dalam aktiviti pelajaran lebih giat daripada perempuan.

Evans (1979) yang mengkaji interaksi guru dengan murid melakukan pemerhatian bilik darjah di dua buah sekolah tadika dan dua buah sekolah rendah. Kumpulan sasarannya ialah murid-murid paling kreatif dan murid-murid paling tidak kreatif pada tanggapan guru. Guru berinteraksi dua kali ganda lebih banyak dengan murid lelaki yang kreatif berbanding dengan perempuan dan satu perlama lebih kerap dengan murid lelaki yang kurang kreatif berbanding dengan perempuan.

Satu perbandingan antara layanan oleh guru lelaki dan guru perempuan ke atas murid-murid darjah lima dan enam dilakukan oleh Etaugh (1975). Dapatannya juga konsisten dengan dapatan kajian-kajian yang lain iaitu guru lelaki dan perempuan lebih banyak berinteraksi dengan murid lelaki berbanding dengan murid perempuan, baik hubungan yang positif atau negatif.

Salah satu kajian interaksi guru-murid yang paling komprehensif ialah kajian oleh Kelly (1988). Kelly membuat meta-analisis ke atas 81 kajian. 80% daripada kajian

tersebut dibuat di Amerika Syarikat dan yang selebihnya dari Britain. Beliau merumuskan kadar perempuan berinteraksi dengan guru adalah kurang daripada lelaki.

Perbezaan interaksi ini juga ditinjau di dalam kelas asuhan. Kajian kes dan pemerhatian dijalankan oleh Morgan dan Dunn (1990) ke atas amalan pencalonan murid oleh guru untuk menjawab soalan atau melakukan sesuatu aktiviti. Mereka juga mengemukakan dapatan yang sama iaitu lebih perhatian diberi kepada lelaki berbanding dengan perempuan. Teguran atau kritikan umumnya merupakan jenis interaksi yang paling kerap guru tujuhan kepada lelaki.

Dalam menganalisis sebab-sebab wujudnya perbezaan tersebut, guru-guru yang ditemui ramah oleh Kelly (1988) umumnya kurang sedar akan ketidaksamaan ini. Mereka percaya bahawa kesamaan wujud dalam interaksi kelas. Kelly menolak kebenaran ini. Beliau mendapati perempuan dan lelaki sama suka mengambil bahagian secara sukarela dalam aktiviti kelas tetapi guru telah bertindak tidak adil dengan kerap memilih lelaki.

French (1984) pula merumuskan ia berpunca daripada perlakuan lelaki yang suka bertanya dan memberi pendapat atau maklumat secara suka rela. Pendapat ini disokong oleh Kelly (1988). Buswell (1981) yang menghabiskan masa satu penggal di sebuah sekolah bandar di England menjalani pemerhatian juga membuat rumusan yang sama. Malahan dapatan beliau lebih melampau di mana beliau mendapati lelaki berjaya menarik perhatian guru dalam sekurang-kurangnya empat waktu pelajaran yang diperhatikan, murid-murid perempuan langsung diabaikan oleh guru (Buswell, 1980:196).

Windass (1989) tidak menafikan bahawa lelaki umumnya lebih banyak diberi perhatian oleh guru daripada perempuan. Pemerhatian beliau di sebuah kelas tadika Northumberland telah mencatatkan bahawa lelaki ialah kumpulan yang dominan di dalam bilik darjah dalam erti kata membuat bising dan pergerakan fizikal.

Kajian oleh Croll (1985) menganalisis interaksi bilik darjah di 34 kelas tahun kedua sekolah rendah. Hipotesis yang diuji ialah peningkatan perhatian guru kepada lelaki adalah akibat daripada lebih ramai lelaki berbanding dengan perempuan yang memerlukan bimbingan khas. Keputusannya menyokong keputusan tersebut di mana didapati lelaki dan perempuan yang memerlukan pendidikan khas umumnya menerima perhatian guru yang lebih daripada purata. Ketidakseimbangan ini juga berpunca daripada kesukaran dalam pengurusan kelas dengan adanya murid-murid bermasalah pembelajaran dan tidak ada kena mengena dengan elemen pembezaan gender pada pihak guru.

Sebagai kesimpulan, murid lelaki dan murid perempuan mempunyai pengalaman bilik darjah yang amat berbeza khasnya berhubung dengan kualiti dan kuantiti interaksi dengan guru.

2.4.3.2 Rutin dan aktiviti bilik darjah

Selain daripada interaksi guru-murid, pembezaan jantina juga boleh dikenal pasti daripada rutin dan aktiviti kelas. Menurut King yang membuat kajian pada 1978 mendapati gender digunakan oleh guru sebagai strategi pengurusan dan prinsip organisasi bilik darjah. Antaranya ialah nama lelaki dan perempuan ditulis berasingan di dalam register dan sebagainya (dipetik daripada Croll dan Moses, 1991:272).

Selain daripada itu, guru juga sering menggunakan jantina berlawanan untuk merangsang dan mengawal murid-murid. Delamont (1980) yang melakukan pemerhatian ke atas dua buah sekolah di England telah mengemukakan beberapa contoh konkret. Beliau merumuskan bahawa merangsang murid-murid mengalahkan jantina berlawanan telah dianggap sebagai motivasi yang berkesan.

2.4.4 Persepsi Dan Ekspektasi Guru Terhadap Lelaki Dan Perempuan

Persepsi dan ekspektasi guru penting dalam membentuk identiti gender kanak-kanak kerana ia sama ada boleh mengukuhkannya atau menawarkannya. Downing, May dan Ollila (1982) pula menegaskan ekspektasi budaya yang dipegang oleh orang dewasa boleh mempengaruhi perkembangan peranan jantina di kalangan anak-anak muda masyarakat.

Umumnya guru mempunyai pandangan yang berlainan terhadap murid lelaki dan perempuan. Ramai daripada guru yang berpegang kepada pandangan konvensional peranan jantina. Guru sendiri tanpa disedari cenderung mengenakan tindakan yang berbeza ke atas lelaki dan perempuan. Sebagai respons daripada murid, mereka juga beranggapan lelaki dan perempuan akan memberi maklum balas yang berbeza. Malahan, pada tanggapan guru, murid-murid lelaki dan perempuan mengharapkan layanan yang berlainan daripada mereka (Delamont, 1980:75).

Banyak bukti yang menunjukkan pada tanggapan guru, lelaki lebih banyak menimbulkan masalah di dalam bilik darjah daripada perempuan. Sebaliknya guru umumnya mempunyai pandangan yang lebih positif terhadap perempuan. Murid perempuan memiliki ciri-ciri murid model. Murid perempuan secara bandingan kurang

cerdas, kurang menarik dan kurang mencabar berbanding dengan lelaki. Guru telah memperkuuhkan stereotaip gender dengan menanam sikap kemas, jinak, pematuh, murid perempuan dengan memuji atas kekemasan hasil tugasan, memilih mereka untuk mengawal disiplin bilik darjah dan menggalak mereka bertutur dengan sopan dan tidak melawan (Clark, 1989).

Sikap guru yang positif terhadap murid perempuan adalah didorong oleh ciri-ciri keperempuanan yang dipamerkan oleh mereka. Hasil kajian ke atas 240 orang guru pelatih yang dilakukan oleh Feshbach (1969) telah menyokong penyataan ini.

Ada juga pengkaji yang mendapati guru lelaki dan perempuan mempunyai tanggapan bahawa pencapaian murid perempuan lebih baik dalam Bahasa manakala lelaki pula lebih baik dalam Sains (Willingford, 1993:558). Menurut Davies dan Meighan (1975), guru selalu mengaitkan pencapaian tinggi murid perempuan dalam bidang-bidang tertentu dengan usaha dan sifat pematuh mereka, nasib baik dan bukannya kecerdasan akal. Sebaliknya lelaki yang umumnya mempunyai ekspektasi yang positif akan dikaitkan dengan keupayaan atas kejayaan dan faktor tidak stabil (seperti nasib, usaha, kebosanan) atas kegagalan. Ini disokong oleh Buswell (1981).

Evans (1982) telah mengkaji persepsi guru terhadap peranan jantina di dua buah sekolah di wilayah Victoria, Australia dengan kaedah pemerhatian dan temu ramah. Hasilnya menunjukkan ada perbezaan antara persepsi guru lelaki dan guru perempuan tentang perubahan peranan jantina pada dekad yang lalu. Umumnya mereka masih menegaskan bahawa mengasuh anak ialah tanggungjawab perempuan.

Ekspektasi yang berlainan membawa kepada tindakan dan layanan yang berlainan. Banyak bukti yang menunjukkan ekspektasi guru dan interaksi guru-murid

adalah saling berkait. Kajian Brophy dan Good (1970, 1974) telah menyokong pernyataan ini.

2.4.5 Persepsi Murid Terhadap Pembezaan Gender

Cullingford (1993) menjalankan temu ramah dengan 26 orang murid perempuan dan 27 orang murid lelaki tahun pertama sekolah menengah di dua buah sekolah bandar dan sebuah sekolah luar bandar. Perkara yang diperbincangkan dalam temu ramah ialah pengalaman sekolah rendah, kurikulum, peraturan, guru dan disiplin sekolah. Hasil kajian mendapati separuh daripada kanak-kanak baik lelaki atau perempuan tidak mengadu tentang layanan guru yang tidak adil. Ini adalah bukti yang jelas bahawa pembezaan jantina telah berlaku secara tersirat di sekolah dan kadangkala di luar pengamatan sesetengah pelajar.

Short (1993) yang membuat kajian tentang persepsi kanak-kanak terhadap tingkah laku penjenisan jantina telah mendapat datanya daripada 161 orang kanak-kanak yang berumur 6 – 11 tahun dari dua sekolah di England, kanak-kanak dibacakan tiga cerita yang berdilema. Tiga dilema tersebut melibatkan tindakan diskriminasi jantina. Kanak-kanak disuruh menilai tindakan tersebut adil atau tidak dan memberi alasan. Dapatan kajian mengusulkan kanak-kanak mempunyai tingkah laku diskriminasi jantina yang berakar umbi. Salah satu sebab yang menyebabkan kanak-kanak bertindak sedemikian ialah tekanan daripada kumpulan signifikan yang mendorong seseorang itu mematuhi norma-norma tingkah laku sesuatu masyarakat (Short, 1993:86).

Kajian etnografi melalui temu ramah dengan bantuan gambar pula dijalankan oleh Short dan Carrington (1989) dengan 161 orang kanak-kanak berumur antara 6 – 11

tahun di dua buah sekolah Selatan England. Subjek kajian dibahagi kepada tiga kumpulan mengikut umur untuk memudahkan perbandingan, iaitu kumpulan 6 – 7, 8 – 9 dan 10 – 11 tahun. Sebagai hasil, kanak-kanak berumur 6 – 7 tahun gagal melihat stereotaip pekerjaan adalah ekoran proses sosial yang bertindak secara berbeza terhadap lelaki dan perempuan. Kanak-kanak berumur 8 – 9 tahun pula sudah maju setapak dengan mengenal pasti wujudnya diskriminasi jantina dan stereotaip aktiviti mengikut jantina tetapi gagal memberi penjelasan kepada gejala tersebut. Pemahaman bahawa diskriminasi adalah kesan stereotaip jantina semakin meningkat di kalangan kanak-kanak 10 – 11 tahun.

Kajian etnografi selama setahun oleh Stanley (1986) di sebuah sekolah di West Midlands adalah berhubung dengan persepsi murid terhadap reputasi diri dan ekspektasi murid terhadap sekolah menengah. Antara dapatan beliau ialah, lelaki dan perempuan sebulat suara mengakui perempuan lebih baik dalam bahasa (Stanley, 1986L:280).

Selain daripada kajian-kajian yang dikemukakan di atas, terdapat juga beberapa kajian lain berkenaan dengan gender antaranya ialah kajian oleh Tan Siew Lang (1999) iaitu “*Kajian Mengenai Kesan Gender Terhadap Persepsi Punca-punca dan Cara Menguruskan Tekanan*” mendapati bahawa lelaki dan wanita mempunyai kecenderungan dari segi punca-punca tekanan dan cara mengatasi yang nyata berbeza dari aspek perhubungan perkahwinan dan kekeluargaan, personaliti dan perhubungan sosial di tempat kerja.

Kajian terbaru yang berkaitan dengan gender ialah kajian yang dijalankan oleh Haslinda Mohamed Yusof (2004) iaitu “*Pembangunan Gender Dan Kualiti Hidup, Implikasi Ke Atas Beban Rumah Tangga Wanita Berserta*”. Kajian yang beliau jalankan ini mendapati bahawa wanita berkeluarga yang keluar bekerja adalah didorong oleh

beban rumah tangga yang dihadapi. Oleh yang demikian, objektif kajian beliau untuk meneliti elemen tersebut dapat dicapai.

Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Noor Salawati Binti Khalid (2002) iaitu “*Kesan Pengasingan Sekolah Mengikut Jantina Pelajar Terhadap Akhlak dan Pencapaian Akademik Pelajar*” mendapati bahawa pengasingan sekolah mengikut jantina pelajar memberi kesan yang positif terhadap akhlak pelajar. Namun kesannya terhadap pencapaian akademik pelajar adalah tidak memuaskan.

Selain daripada kajian-kajian, terdapat juga penulisan buku yang terkandung di dalamnya perbincangan mengenai pengasingan gender seperti buku yang bertajuk “*Kepentingan Memisahkan Lelaki Dan Wanita*” yang ditulis oleh Ustaz Hj. Daud Bin Mohd Salleh (2001). Buku ini membahaskan dengan terperinci berkenaan dengan kepentingan memisahkan lelaki dan wanita bermula dengan pembuktian sejarah berkenaan dengan pengasingan antara lelaki dan wanita sehingga kepada perbincangan tentang isu-isu hangat berkaitan pengasingan antara lelaki dan wanita berserta hukumnya.

Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi juga ada menerangkan mengenai konsep percampuran antara lelaki dan wanita yang dihalalkan dalam Islam di dalam bukunya yang telah diterjemahkan oleh Ustaz Mohammad Zaini Yahaya (2000) yang bertajuk “*Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*”. Perbincangan mengenainya adalah berkisar tentang beberapa perkara atau keadaan yang dibolehkan dalam Islam untuk lelaki dan wanita berurus bersama-sama dengan mendatangkan beberapa hadis dan kisah sahabat r.a mengenainya. Beliau juga turut mengupas tentang kesan pergaulan bebas yang berlaku di negara-negara Barat.

Demikianlah beberapa kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan gender dan juga beberapa penulisan buku yang ada menyentuh tentang topik yang dikaji oleh pengkaji ini. Sememangnya kajian yang dijalankan iaitu tentang pengasingan penginapan mengikut gender adalah merupakan kajian yang baru dan belum ada lagi kajian yang seumpamanya dijalankan.

2.5 Penutup

Secara ringkasnya, bab ini adalah bertujuan menerangkan serta menguatkan lagi tajuk atau bidang yang sedang dikaji ini iaitu dengan mengutarakan beberapa teori yang berkaitan, perbincangan tentang masalah sosial yang berlaku di kalangan mahasiswa yang dilihat sebagai fokus utama mengapa kajian ini dijalankan dan diikuti dengan kajian-kajian lepas yang bertujuan menjelaskan bahawa kajian yang dijalankan ini adalah merupakan satu kajian yang baru.

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan pengkaedahan dan prosedur kajian. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji mengenai persepsi mahasiswa terhadap dasar pengasingan penginapan mahasiswa dalam menangani gejala sosial di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Dihuraikan juga kaedah dan tatacara kajian termasuk reka bentuk kajian, pemilihan sampel, instrumentasi, prosedur pengumpulan data dan teknik penganalisaan data.

3.2 Kaedah Kajian

Berikut adalah beberapa kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam menyiapkan penyelidikan ini.

3.2.1 Kajian Perpustakaan

Antara Perpustakaan yang menjadi tumpuan penyelidik untuk mendapatkan sumber rujukan ialah Perpustakaan Sultanah Zanariah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Za'ba UM, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam UM, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Sultan Ismail Johor Bahru.

3.2.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan adalah merujuk kepada beberapa tempat atau kawasan yang mana di situ dijalankan kajian. Bagi penyelidikan ini, beberapa kawasan telah dipilih sebagai kawasan kajian yang mana ia adalah berkaitan dengan tajuk penyelidikan iaitu di tiga buah kolej kediaman mahasiswa UTM (Kolej Tun Fatimah, Kolej 10 dan Kolej Tun Dr. Ismail) dan di tiga buah kolej kediaman mahasiswa UM (Kolej 3, Kolej 5 dan Kolej 12).

3.2.3 Metode Historis

Metode Historis digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai maklumat sejarah (Imam Bernadid, 1982: 52). Penulis menggunakan metode historis untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang kawasan kajian secara umum. Selain itu, ia juga digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan sejarah awal tentang suasana atau keadaan di UTM dan UM.

3.2.4 Metode Dokumentasi

Metode Dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah kajian. Dokumen itu termasuk sumber-sumber, potret, kumpulan undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, buku-buku catatan harian, memori, surat khabar dan cerita rakyat (Imam Bernadid, 1982: 55). Antara dokumen-dokumen yang dirujuk oleh penulis termasuklah kertas-kertas kerja persidangan, teks ucapan, dokumen berkaitan pihak pentadbiran dan sebagainya.

3.2.5 Metode Temu bual

Metode Temu bual ialah salah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara langsung atau pendirian secara lisan daripada

seseorang responden dengan cara bercakap secara bersemuka dengannya. Ia juga boleh dikategorikan sebagai alat pengumpulan data (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 46), serta mempunyai teknik tersendiri dalam melaksanakannya.

3.2.6 Metode Observasi

Metode ini ialah satu daripada teknik penyelidikan yang sering digunakan. Bagi kaedah ini, satu perkara penting yang diutamakan ialah teknik pemilihan sampel kajian iaitu jenis responden yang patut digunakan agar ia dapat mewakili keseluruhan sampel yang hendak dikaji (Rohana Yusof, 2004; 157). Method observasi ialah satu cara pengumpulan data dengan mengkaji secara langsung terhadap aspek-aspek subjeknya di mana tujuan penyelidikan yang dilakukan dapat dirahsiakan. Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang saling melengkapi di antara data hasil dari metode ini dengan data hasil daripada metode yang lain-lain. Walaupun ia tidak dapat menerangkan kaitan lanjut kecuali pola dalam satu-satu masa tetapi jika dirancang dengan betul ia dapat membantu kajian lanjutan akan datang (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 46).

3.2.7 Metode Analisis Data

Dalam proses menganalisis data, penulis menggunakan metode berikut.

- i. Metode Induktif

Induktif ialah membina idea dari pengalaman atau kesimpulan yang dibuat daripada pemerhatian am. (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:4-7)

ii. Metode Deduktif

Deduktif adalah keterbalikan daripada method induktif. Deduktif ialah Kesimpulan yang dibuat daripada pemerhatian khusus kepada umum. Ia juga bermaksud pembinaan idea dalam pengalaman khusus berdasarkan kepada sesuatu teori yang telah wujud. (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:4-7)

iii. Metode Komparatif

Komparatif merupakan dimensi penting terutama dalam penyelidikan eksperimental. Dimensi ini melibatkan pemilihan unit analisis supaya perbandingan antara unit analisis boleh:

- a. Mengesan pengaruh suatu perubahan atau kejadian.
- b. Mengawal faktor atau variabel yang mengelirukan (*compounding*) supaya hasil penyelidikan lebih sahih.

Biasanya jenis pengamatan (pengukuran) untuk perbandingan berbentuk sebelum dan selepas eksperimen (pengujian). Perubahan yang berlaku antara dua jangka masa (sebelum / selepas) pengamatan dapat dikatakan berpunca daripada pengaruh variabel bebas atau eksperimental.

Kumpulan perbandingan merupakan peringkat atau kategori yang berbeza-beza untuk satu variabel bebas (eksperimental). Sehubungan itu, variabel bebas boleh mempunyai dua kategori iaitu eksperimental (yang diuji kaji) dan kawalan. Malah variabel bebas boleh wujud dalam jumlah yang lebih banyak (Sulaiman Masri, 2005:27-28).

3.3 Reka bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif dan kolerasi iaitu meninjau persepsi mahasiswa terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender dalam mengatasi masalah sosial yang berlaku di kalangan mahasiswa IPT di Malaysia ini. Ini dilakukan dengan meneliti persepsi pelajar khususnya penghuni kolej-kolej kediaman, felo-felo, dan juga pengetua-pengetua kolej yang dikaji.

3.4 Populasi dan Pensampelan

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa yang sedang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Baru iaitu seramai 382 orang dan juga Universiti Malaya, Kuala Lumpur iaitu seramai 381 orang dalam pelbagai kursus atau bidang sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana mahupun Doktor Falsafah (PhD).

Populasi yang dikaji dikhususkan kepada pelajar UTM yang mendiami Kolej Tun Fatimah, Kolej Tun Dr. Ismail dan Kolej 10 UTM dan juga tiga lagi buah kolej di UM iaitu Kolej 3, Kolej 5 dan Kolej 11. Rasional pemilihan penyelidik ke atas kolej-kolej ini sebagai tempat kajian ialah kerana:-

- i. Kolej yang diambil sebagai mewakili kolej kediaman bagi mahasiswa sahaja iaitu Kolej 10.
- ii. Kolej yang diambil sebagai mewakili kolej kediaman bagi mahasiswa sahaja iaitu Kolej Tun Fatimah.
- iii. Kolej yang diambil sebagai mewakili kolej kediaman bagi mahasiswa dan mahasiswi iaitu Kolej Tun Dr Ismail.
- iv. Tiga buah kolej di UTM yang dipilih adalah bertujuan untuk melihat persepsi mahasiswa yang mendiami kolej-kolej tersebut yang mana mereka ini mempunyai pengalaman melihat suasana kolej-kolej kediaman yang bercampur atau tidak bercampur untuk dikaitkan dengan kajian ini.
- v. Manakala tiga lagi kolej yang dikaji di Universiti Malaya (Kolej 3, Kolej 5 dan Kolej 11) adalah dipilih secara rawak kerana ingin melihat persepsi mereka ini yang sememangnya mempunyai pengalaman mendiami kolej kediaman yang bercampur untuk dikaitkan dengan kajian ini.

Kaedah pensampelan yang digunakan pula adalah kaedah pensampelan rawak mudah kelompok atas kelompok di mana beberapa peringkat pemilihan sampel secara rawak mudah dan pengelasan dilakukan sehingga memenuhi kehendak pengkaji (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 38-39).

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat untuk mendapatkan data daripada sampel. Ianya menentukan jenis data yang diperolehi dan secara tidak langsung akan mempengaruhi jenis analisis pengkaji. Untuk itu, pengkaji boleh memilih sama ada ingin menggunakan instrumen yang sedia ada yang pernah digunakan oleh pengkaji terdahulu atau membina instrumen sendiri (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 40).

Bagi kajian ini, pemilihan instrumen kajian adalah berdasarkan kepada persoalan dan objektif kajian. Penyelidik menggunakan satu bentuk kaedah instrumen kajian iaitu soal selidik. Terdapat empat bahagian dalam soal selidik ini iaitu:-

3.5.1 Bahagian A

Bahagian ini mengandungi enam item yang berkaitan maklumat latar belakang responden. Ia bertujuan bagi melihat serba sedikit latar belakang responden tetapi ianya masih dirahsiakan. Antara maklumat tersebut ialah merangkumi jantina, bangsa, umur, tahap pendidikan dan status bilik.

3.5.2 Bahagian B

Bahagian ini pula adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan dasar pengasingan penginapan mahasiswa dalam menangani gejala sosial di IPT. Sebanyak 17 item telah disediakan pada bahagian ini.

3.5.3 Bahagian C

Bahagian ini adalah berkaitan dengan pandangan mahasiswa terhadap kebaikan dan keburukan dasar pengasingan penginapan mengikut gender. Terdapat 17 item telah disediakan untuk dijawab oleh responden pada bahagian ini.

3.5.4 Bahagian D

Pada bahagian ini, 18 item telah disediakan iaitu berkenaan dengan cadangan dan langkah penyelesaian terhadap masalah yang mungkin timbul akibat pengasingan tersebut.

Soalan-soalan yang terdapat dalam instrumen kajian bagi kajian ini telah direkabentuk mengikut skala Likert yang mengandungi lima nilai iaitu (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 107):-

Jadual 3.1: Skala Likert bagi jawapan bahagian B.

| Justifikasi | Singkatan | Skala |
|---------------------|-----------|-------|
| Sangat Setuju | SS | 5 |
| Setuju | S | 4 |
| Kurang Setuju | KS | 3 |
| Tidak Setuju | TS | 2 |
| Sangat Tidak Setuju | STS | 1 |

Berikut adalah penerangan bagi nilai justifikasi jawapan untuk bahagian B:-

- 5 = Sangat Setuju memberi maksud responden memahami sepenuhnya soalan yang diajukan dan bersetuju sepenuhnya. Maklum balas atau pilihan jawapan ini dinilai sebagai pendapat yang positif atau bersetuju.
- 4 = Setuju pula membawa maksud responden sekadar percaya dan bersetuju dengan kenyataan yang diberikan. Pilihan jawapan itu dinilai sebagai positif atau bersetuju.
- 3 = Kurang Setuju memberi maksud responden kurang setuju dengan persetujuan sendiri tetapi tidak bermakna bahawa responden tidak bersetuju dengan kenyataan yang diberi. Maklum balas ini turut dinilai sebagai positif.
- 2 = Tidak Setuju membawa maksud responden memahami soalan tetapi tidak bersetuju dengan soalan atau kenyataan yang diberikan. Pilihan jawapan ini dinilai sebagai pendapat yang negatif atau tidak bersetuju.
- 1 = Sangat Tidak Setuju pula memberi maksud responden memahami soalan tetapi sangat tidak bersetuju dengan soalan atau kenyataan yang diberikan. Maklum balas ini dinilai sebagai pendapat yang negatif atau tidak bersetuju.

Bagi memudahkan penganalisan data, satu skala penilaian min telah dibuat berdasarkan justifikasi jawapan. Berikut adalah skala penilaian bagi min berdasarkan justifikasi jawapan:-

Jadual 3.2: Skala penilaian min mengikut justifikasi jawapan.

| Skala | Justifikasi | Skala Min |
|-------|---------------------|------------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 1.00 hingga 1.49 |
| 2 | Tidak Setuju | 1.50 hingga 2.49 |
| 3 | Kurang Setuju | 2.50 hingga 3.49 |
| 4 | Setuju | 3.50 hingga 4.49 |
| 5 | Sangat Setuju | 4.50 hingga 5.00 |

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini mula dilaksanakan dengan menjalankan kajian lapangan dijalankan. Setelah itu, instrumen kajian telah dibuat dan diuji kebolehpercayaannya melalui satu kajian rintis. Beberapa kelemahan yang terdapat di dalam item soal selidik telah diperbetulkan dan kajian sebenar dijalankan bagi mengumpul data-data.

Selain pengedaran soal selidik, kaedah pemerhatian juga telah digunakan untuk mengumpul data-data kajian ini iaitu penyelidik pergi sendiri ke lokasi kajian bagi menjalankan beberapa temu ramah dan pemerhatian. Penyelidik telah pergi ke kolej seperti yang telah dinyatakan sebelum ini untuk mentadbir soal-selidik. Sebanyak 770 set soal selidik telah diedarkan kepada responden. Setelah itu, penyelidik

mengumpulkan dan menganalisis semua maklumat yang diperoleh daripada soal selidik dan pemerhatian yang dilakukan.

Setelah itu, penyelidik mengumpul kembali soal selidik yang diedarkan untuk dianalisis. Hanya borang soal selidik yang lengkap dijawab sahaja dianalisis, manakala yang tidak lengkap telah dikira rosak dan diabaikan.

3.7 Kajian Rintis

Sebelum menjalankan kajian yang sebenar, satu kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji bertujuan untuk melihat tahap kebolehpercayaan item-item yang terdapat di dalam soal selidik yang dihasilkan. Beberapa kajian lepas sebagaimana yang diterangkan dalam bab terdahulu telah dirujuk bagi membina beberapa item di dalam soal selidik yang menjadi instrumen kajian bagi kajian ini. Seramai 10 orang responden telah dipilih secara rawak menjalani kajian rintis ini dan keputusan yang diperoleh bagi nilai *alpha* (kebolehpercayaan) ialah $\alpha = 0.927$. Seterusnya, penyelidik memperbaiki serta memperkemas beberapa item yang rendah kebolehpercayaannya dan meneruskan kepada kajian sebenar.

3.8 Analisis Data

Data-data yang diperoleh hasil daripada soal selidik disemak terlebih dahulu sebelum analisis data dilakukan. Ini bertujuan untuk memastikan segala arahan yang dikemukakan dipatuhi dengan betul oleh responden. Data-data yang diperoleh dikumpulkan dan dianalisis secara berkomputer dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial, iaitu SPSS versi 12.0. Proses analisis data dilakukan adalah bertujuan bagi mendapatkan kekerapan, peratusan kajian dan dibincangkan serta dibahaskan mengikut setiap item yang berpandukan kepada objektif kajian ini.

Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk taburan bilangan dan peratus. Ujian “*Reliability Analysis*” digunakan untuk menguji kebolehpercayaan item-item soalan di dalam soal-selidik, manakala ujian pekali Ujian T digunakan untuk menguji hipotesis yang dibina.

3.9 Penutup

Dalam bab ini, penyelidik telah menggariskan beberapa perkara penting yang digunakan sebagai panduan dalam menjalankan kajian. Beberapa perkara penting seperti reka bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian, instrumen kajian, tatacara kajian, kaedah menganalisis data dimuatkan dalam bab ini. Bab ini amat penting kepada penyelidik kerana ia memberi gambaran, garis panduan kepada penyelidik dalam menjalankan kajian ini.

BAB IV

DATA & PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai hasil kajian yang telah diperolehi melalui instrumen kajian iaitu soal selidik yang telah diedar kepada responden.

Soal selidik ini mengandungi 60 soalan yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A yang berkenaan dengan latar belakang responden, bahagian B iaitu keberkesanan dasar pengasingan penginapan mahasiswa dalam menangani gejala sosial di IPT. Bahagian C tentang pandangan mahasiswa terhadap kebaikan dan keburukan dasar pengasingan penginapan mengikut gender dan bahagian D tentang cadangan dan langkah penyelesaian terhadap masalah yang mungkin timbul akibat pengasingan tersebut. Segala data yang diperolehi telah di analisis dengan menggunakan komputer iaitu menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 12.0.

4.2 Bahagian A (Analisis Latar Belakang Responden)

Sebanyak 300 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden berdasarkan kepada perkiraan yang telah ditetapkan berdasarkan jadual penentu saiz sampel berdasarkan populasi Krejcie dan Morgan (Krejcie R.V and Morgan D.W, 1970: 607-610). Dalam bahagian ini, item yang berkenaan dengan latar belakang responden telah dibentuk bagi mengetahui sedikit sebanyak mengenai diri responden. Antaranya ialah jantina, bangsa, umur, status, tahap pendidikan, fakulti pengajian, kolej kediaman dan status bilik.

Jadual 4.1: Maklumat Jantina Responden

| Jantina | Perkara | Universiti | | Jumlah |
|----------------|----------------|-------------------|-----------|----------------|
| | | UTM | UM | |
| Lelaki | Kekerapan | 165 | 216 | 381 (49.9%) |
| | Peratusan | 43.3% | 56.7% | 100.0% |
| Perempuan | Kekerapan | 217 | 165 | 382 (50.1%) |
| | Peratusan | 56.8% | 43.2% | 100.0% |
| Jumlah | | 382 | 381 | 763 |

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina. Responden dari UTM adalah seramai 382 orang. Bagi responden dari UM pula, jumlah keseluruhannya ialah seramai 381 orang. Responden lelaki bagi UTM adalah seramai 165 orang (43.3%), manakala responden lelaki UM ialah 216 (56.7%) dan jumlah responden lelaki dari kedua-dua IPT ialah 381 orang (49.9%). Bagi responden perempuan UTM pula ialah 217 (56.8%), manakala selebihnya ialah responden perempuan UM iaitu 165 (43.2%) dan jumlah responden perempuan dari kedua-dua IPT ialah 382 orang (50.1%). Secara keseluruhannya jumlah responden ialah seramai 763 orang iaitu peratusannya adalah sebanyak 100%.

Jadual 4.2: Maklumat Bangsa Responden

| Bangsa | Perkara | Universiti | | Jumlah |
|---------------|----------------|-------------------|-----------|----------------|
| | | UTM | UM | |
| Melayu | Kekerapan | 348 | 353 | 701 (91.9%) |
| | Peratusan | 49.6% | 50.4% | 100.0% |
| Cina | Kekerapan | 23 | 21 | 44 (5.8%) |
| | Peratusan | 52.3% | 47.7% | 100.0% |
| India | Kekerapan | 5 | 7 | 12 (1.6%) |
| | Peratusan | 41.7% | 58.3% | 100.0% |
| Lain-lain | Kekerapan | 6 | 0 | 6 (0.8%) |
| | Peratusan | 100.0% | 0% | 100.0% |
| Jumlah | | 382 | 381 | 763 |

Jadual di atas menunjukkan tentang maklumat bangsa responden. Ianya dibahagikan kepada 4 kategori iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Hasil analisis menunjukkan responden Melayu di UTM ialah seramai 348 orang (49.6%), manakala di UM pula ialah seramai 353 orang (50.4%) dan jumlah kedua-duanya ialah 701 orang (91.9%). Responden Cina di UTM ialah seramai 23 orang, manakala di UM ialah seramai 33 orang dan jumlah kedua-duanya ialah seramai 56 orang (7.3%). Responden India di UTM pula ialah seramai 5 orang, manakala di UM ialah seramai 11 orang dan jumlah kedua-duanya ialah seramai 16 orang (2.1%). Bagi kategori lain-lain pula ialah seramai 6 orang (0.8%) iaitu di UTM sahaja.

Jadual 4.3: Maklumat Umur Responden

| Umur | Perkara | Universiti | | Jumlah |
|---------------|-----------|------------|-------|----------------|
| | | UTM | UM | |
| 21-30 | Kekerapan | 342 | 245 | 587 (76.9%) |
| | Peratusan | 58.3% | 41.7% | 100.0% |
| 31-40 | Kekerapan | 6 | 1 | 7 (0.9%) |
| | Peratusan | 85.7% | 14.3% | 100.0% |
| Lain-lain | Kekerapan | 34 | 135 | 169 (22.1%) |
| | Peratusan | 20.1% | 79.9% | 100.0% |
| Jumlah | | 382 | 381 | 763 |

Jadual di atas menunjukkan maklumat berkenaan umur responden. Hasil analisis menunjukkan seramai 342 orang responden (58.3%) di UTM terdiri daripada mereka yang berumur di antara 21 hingga 30 tahun, manakala responden di UM pula ialah seramai 245 orang (41.7%) dan jumlah kedua-duanya ialah seramai 587 orang (76.9%). Bagi kategori umur di antara 31 hingga 40 tahun iaitu terdapat seramai 6 orang responden (85.7%) dari UTM dan hanya seorang responden (14.3%) dari UM dan jumlah kedua-duanya ialah 7 orang (0.9%). Kategori umur lain-lain pula adalah seramai 169 orang (22.1%) iaitu 34 orang (20.1%) daripadanya adalah responden dari UTM dan 135 orang (79.9%) adalah responden dari UM.

Jadual 4.4: Maklumat Status Perkahwinan Responden

| Status Perkahwinan | Perkara | Universiti | | Jumlah |
|--------------------|-----------|------------|-------|----------------|
| | | UTM | UM | |
| Bujang | Kekerapan | 370 | 379 | 749 (98.2%) |
| | Peratusan | 49.4% | 50.6% | 100.0% |
| Sudah berkahwin | Kekerapan | 12 | 2 | 14 (1.8%) |
| | Peratusan | 85.7% | 14.3% | 100.0% |
| Jumlah | | 382 | 381 | 763 |

Jadual 7 menunjukkan maklumat berkenaan status perkahwinan responden. Seramai 749 orang (98.2%) adalah terdiri daripada mereka yang belum berkahwin, 370 orang (49.4%) daripadanya adalah responden dari UTM dan 379 orang (50.6%) yang selebihnya adalah responden dari UM. Manakala seramai 14 orang (1.8%) adalah merupakan mereka yang telah berkahwin. 12 orang (85.7%) daripadanya adalah responden dari UTM dan bakinya adalah responden dari UM.

Jadual 4.5: Maklumat Tahap Pendidikan Semasa Responden

| Tahap Pendidikan Semasa | Perkara | Universiti | | Jumlah |
|--------------------------------|----------------|-------------------|-----------|----------------|
| | | UTM | UM | |
| Sarjana Muda | Kekerapan | 379 | 376 | 755 (99.0%) |
| | Peratusan | 50.2% | 49.8% | 100.0% |
| Sarjana | Kekerapan | 2 | 5 | 7 (0.9%) |
| | Peratusan | 28.6% | 71.4% | 100.0% |
| PhD | Kekerapan | 1 | 0 | 1 (0.1%) |
| | Peratusan | 100.0% | 0% | 100.0% |
| Jumlah | | 382 | 381 | 763 |

Jadual 8 menunjukkan tahap pendidikan semasa responden. Hasil analisis menunjukkan seramai 755 orang responden (99.9%) adalah mereka yang sedang mengambil Ijazah Sarjana Muda, 379 orang (50.2%) daripadanya adalah responden dari UTM dan 375 orang (49.8%) adalah responden dari UM. Untuk tahap pendidikan Sarjana pula adalah seramai 7 orang (0.9%), 2 orang (28.6%) daripadanya adalah responden dari UTM dan 5 orang (71.4%) yang lainnya adalah responden dari UM. Bagi tahap pendidikan semasa PhD pula hanya terdapat seorang sahaja responden iaitu dari UTM dan peratusannya ialah 0.1%.

Jadual 4.6: Maklumat Kolej

| Kolej | Perkara | Universiti | | Jumlah |
|---------------|----------------|-------------------|-----------|----------------|
| | | UTM | UM | |
| KTF | Kekerapan | 112 | - | 112 (14.7%) |
| KTDI | Kekerapan | 170 | - | 170 (22.3%) |
| K10 | Kekerapan | 100 | - | 100 (13.1%) |
| K3 | Kekerapan | - | 164 | 164 (21.5%) |
| K5 | Kekerapan | - | 113 | 113 (14.8%) |
| K12 | Kekerapan | - | 104 | 104 (13.6%) |
| Jumlah | | 382 | 381 | 763 |

Jadual 9 menunjukkan tentang maklumat kolej responden. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab yang terdahulu terdapat tiga buah kolej yang dipilih sebagai lokasi kajian daripada kedua-dua buah universiti. Justeru, analisis menunjukkan seramai 112 orang responden (14.7%) menetap di Kolej Tun Fatimah (KTF), 170 orang (22.3%) di Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI) dan 100 orang (13.1%) di Kolej 10 bagi UTM. Jumlah kesemua responden di UTM ialah 382 orang. Manakala bagi UM pula seramai 164 orang responden (21.5%) menetap di Kolej Ketiga, 113 orang (14.8%) di Kolej Kelima dan 104 orang (13.6%) di Kolej Kedua belas. Jumlah kesemua responden di UM pula ialah seramai 381 orang.

Jadual 4.7: Maklumat Status Bilik

| Bilik | Perkara | Universiti | | Jumlah |
|---------------------------|-----------|------------|-------|----------------|
| | | UTM | UM | |
| Seorang (<i>single</i>) | Kekerapan | 86 | 9 | 95 (12.5%) |
| | Peratusan | 90.5% | 9.5% | 100.0% |
| Berdua (<i>double</i>) | Kekerapan | 296 | 238 | 534 (70.0%) |
| | Peratusan | 55.4% | 44.6% | 100.0% |
| Lain-lain | Kekerapan | - | 134 | 134 (17.6%) |
| | Peratusan | - | 100% | 100.0% |
| Jumlah | | 382 | 381 | 763 |

Jadual di atas menunjukkan maklumat status bilik responden. Ianya menunjukkan seramai 95 orang (12.5%) responden menduduki bilik seorang (*single*), 86 orang (90.5%) daripadanya adalah responden dari UTM dan bakinya adalah responden dari UM. Manakala 534 orang responden (70.0%) pula adalah mereka yang menduduki bilik berdua (*double*), 296 orang (55.4%) daripadanya adalah responden dari UTM dan 238 orang (44.6%) yang lainnya adalah responden dari UM. Bagi status bilik lain-lain pula jumlahnya ialah seramai 134 orang (17.6%) responden yang mana kesemuanya adalah merujuk kepada responden dari UM.

4.3 Bahagian B (Analisis Item-item Bagi Objektif Kajian Yang Pertama)

Bahagian ini akan membincangkan tentang persepsi mahasiswa terhadap keberkesanan pengaplikasian dasar pengasingan penginapan mahasiswa mengikut gender dalam menangani gejala sosial di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Bagi penerangan untuk setiap data, kaedah peratusan akan digunakan.

Jadual 4.8: Soalan 1

| Soalan 1 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|---|--------------------|----------------|-------------------|-----------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Saya merasa lebih selesa dan bebas apabila berada di asrama yang diasingkan mengikut gender (jantina) | STS | Kekerapan | 19 | 6 | 25 (3.3%) | |
| | | Peratusan | 76.0% | 24.0% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 20 | 12 | 32 (4.2%) | |
| | | Peratusan | 62.5% | 37.5% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 30 | 20 | 50 (6.6%) | |
| | | Peratusan | 60.0% | 40.0% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 120 | 84 | 204 (26.7%) | |
| | | Peratusan | 58.8% | 41.2% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 193 | 259 | 452 (59.2%) | |
| | | Peratusan | 42.7% | 57.3% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 4.17 | 4.49 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan faktor keselesaan dan kebebasan apabila berada di asrama yang diasingkan mengikut gender. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 452 orang (59.2%), daripada jumlah tersebut seramai 259 orang responden (57.3%) adalah dari UM berbanding 193 orang (42.7%) dari UTM. Manakala seramai 204 orang (26.7%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 120 orang (58.8%) adalah dari UTM berbanding 84 orang (41.2%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 50 orang (6.6%), 30 orang (60.0%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 20 orang (40.0%) dari UM. Selain itu, terdapat juga responden yang tidak setuju iaitu 32 orang (4.2%) dan 20 orang (62.5%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 12 orang (37.5%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 25 orang (3.3%) dan daripada jumlah tersebut 19 orang (76.0%) adalah responden dari UTM berbanding 6 orang responden (24.0%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 4.49 bagi UM berbanding 4.17 bagi UTM.

Jadual 4.9: Soalan 2

| Soalan 2 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|--|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Pengasingan asrama mengikut jantina tidak menjelaskan pergaulan saya dengan rakan-rakan. | STS | Kekerapan | 11 | 2 | 13 (1.7%) | |
| | | Peratusan | 84.6% | 15.4% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 15 | 12 | 27 (3.5%) | |
| | | Peratusan | 55.6% | 44.4% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 14 | 20 | 34 (4.5%) | |
| | | Peratusan | 41.2% | 58.8% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 166 | 129 | 295 (38.7%) | |
| | | Peratusan | 56.3% | 43.7% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 176 | 218 | 394 (51.6%) | |
| | | Peratusan | 44.7% | 55.3% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 4.26 | 4.41 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan pengasingan asrama mengikut jantina tidak menjelaskan pergaulan mereka dengan rakan-rakan. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 394 orang (51.6%), daripada jumlah tersebut seramai 218 orang responden (55.3%) adalah dari UM berbanding 176 orang (44.7%) dari UTM. Manakala seramai 295 orang (38.7%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 166 orang (56.3%) adalah dari UTM berbanding 129 orang (43.7%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 34 orang (4.5%), 20 orang (58.8%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UM berbanding 14 orang (41.2%) dari UTM. Selain itu, terdapat juga responden yang tidak setuju iaitu seramai 27 orang (3.5%) dan 15 orang (55.6%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 12 orang (44.4%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 13 orang (1.7%) dan daripada jumlah tersebut 11 orang (84.6%) adalah responden dari UTM berbanding 2 orang responden (15.4%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 4.41 bagi UM berbanding 4.26 bagi UTM.

Jadual 4.10: Soalan 3

| Soalan 3 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|---|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Saya merasa selamat jika tinggal di asrama yang sama jantina. | STS | Kekerapan | 19 | 15 | 34 (4.5%) | |
| | | Peratusan | 55.9% | 44.1% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 27 | 20 | 47 (6.2%) | |
| | | Peratusan | 57.4% | 42.6% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 55 | 41 | 96 (12.6%) | |
| | | Peratusan | 57.3% | 42.7% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 100 | 96 | 196 (25.7%) | |
| | | Peratusan | 51.0% | 49.0% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 181 | 209 | 390 (51.1%) | |
| | | Peratusan | 46.4% | 53.6% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 4.04 | 4.17 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan faktor keselesaan jika tinggal di asrama yang sama jantina. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 390 orang (51.1%), daripada jumlah tersebut seramai 209 orang responden (53.6%) adalah dari UM berbanding 181 orang (46.4%) dari UTM. Manakala seramai 196 orang (25.7%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 100 orang (51.0%) adalah dari UTM berbanding 96 orang (49.0%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 96 orang (12.6%), 55 orang (57.3%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 41 orang (42.7%) dari UM. Selain itu, terdapat juga responden yang tidak setuju iaitu seramai 47 orang (6.2%) dan 27 orang (57.4%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 20 orang (42.6%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 34 orang (4.5%) dan daripada jumlah tersebut 19 orang (55.9%) adalah responden dari UTM berbanding 15 orang responden (44.1%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 4.17 bagi UM berbanding 4.04 bagi UTM.

Jadual 4.11: Soalan 4

| Soalan 4 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|--|-------------|-----------|------------|-------|-------------|--|
Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan minat mereka untuk melakukan kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT setuju dengan soalan ini iaitu seramai 393 orang (51.5%), daripada jumlah tersebut seramai 204 orang responden (51.9%) adalah dari UM berbanding 189 orang (48.1%) dari UTM. Manakala seramai 133 orang (17.4%) sangat setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 80 orang (60.2%) adalah dari UM berbanding 53 orang (39.8%) dari UTM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 158 orang (20.7%), 88 orang (55.7%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 70 orang (44.3%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 60 orang (7.9%) dan 37 orang (61.7%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 23 orang (38.3%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 19 orang (2.5%) dan daripada jumlah tersebut 15 orang (78.9%) adalah responden dari UTM berbanding 4 orang responden (21.1%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 3.88 bagi UM berbanding 3.60 bagi UTM.

Jadual 4.53: Soalan 8

| Soalan 8 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|--|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Saya melibatkan diri dalam persatuan yang bertanggungjawab membantu individu yang kurang berasas baik. | STS | Kekerapan | 12 | 5 | 17 (2.2%) | |
| | | Peratusan | 70.6% | 29.4% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 58 | 37 | 95 (12.5%) | |
| | | Peratusan | 61.1% | 38.9% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 97 | 91 | 188 (24.6%) | |
| | | Peratusan | 51.6% | 48.4% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 168 | 170 | 338 (44.3%) | |
| | | Peratusan | 49.7% | 50.3% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 47 | 78 | 125 (16.4%) | |
| | | Peratusan | 37.6% | 62.4% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 3.47 | 3.75 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan keterlibtan mereka dalam persatuan. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT setuju dengan soalan ini iaitu seramai 338 orang (44.3%), daripada jumlah tersebut seramai 170 orang responden (50.3%) adalah dari UM berbanding 168 orang (49.7%) dari UTM. Manakala seramai 125 orang (16.4%) sangat setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 78 orang (62.4%) adalah dari UM berbanding 47 orang (37.6%) dari UTM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 188 orang (24.6%), 97 orang (51.6%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 91 orang (48.4%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 95 orang (12.5%) dan 58 orang (61.1%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 37 orang (38.9%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 17 orang (2.2%) dan daripada jumlah tersebut 12 orang (70.6%) adalah responden dari UTM berbanding 5 orang responden (29.4%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 3.75 bagi UM berbanding 3.47 bagi UTM.

Jadual 4.54: Soalan 9

| Soalan 9 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|--|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Saya selalu memperuntukkan masa yang banyak untuk memikirkan penyelesaian bagi masalah-msalah yang berlaku di sekeliling terutama di kampus. | STS | Kekerapan | 31 | 13 | 44 (5.8%) | |
| | | Peratusan | 70.5% | 29.5% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 104 | 71 | 175 (22.9%) | |
| | | Peratusan | 59.4% | 40.6% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 136 | 134 | 270 (35.4%) | |
| | | Peratusan | 50.4% | 49.6% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 81 | 121 | 202 (26.5%) | |
| | | Peratusan | 40.1% | 59.9% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 30 | 42 | 72 (9.4%) | |
| | | Peratusan | 41.7% | 58.3% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 2.94 | 3.30 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan masa yang diperuntukkan untuk memikirkan penyelesaian bagi masalah yang berlaku di sekeliling. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT kurang setuju dengan soalan ini iaitu seramai 270 orang (35.4%), daripada jumlah tersebut seramai 136 orang responden (50.4%) adalah dari UTM berbanding 134 orang (49.6%) dari UM. Manakala seramai 202 orang (26.5%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 121 orang (59.9%) adalah dari UM berbanding 81 orang (40.1%) dari UTM. Terdapat responden yang sangat setuju dengan item ini iaitu seramai 72 orang (9.4%), 42 orang (58.3%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UM berbanding 30 orang (41.7%) dari UTM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 175 orang (22.9%) dan 104 orang (59.4%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 71 orang (40.6%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 44 orang (5.8%) dan daripada jumlah tersebut 31 orang (70.5%) adalah responden dari UTM berbanding 13 orang responden (29.5%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 3.30 bagi UM berbanding 2.94 bagi UTM.

Jadual 4.55: Soalan 10

| Soalan 10 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|---|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Saya gemar mengulang kaji pelajaran daripada keluar dengan rakan-rakan tanpa aktiviti yang berfaedah. | STS | Kekerapan | 11 | 7 | 18 (2.4%) | |
| | | Peratusan | 61.1% | 38.9% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 44 | 33 | 77 (10.1%) | |
| | | Peratusan | 57.1% | 42.9% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 98 | 86 | 184 (24.1%) | |
| | | Peratusan | 53.3% | 46.7% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 161 | 161 | 322 (42.2%) | |
| | | Peratusan | 50.0% | 50.0% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 68 | 94 | 162 (21.2%) | |
| | | Peratusan | 42.0% | 58.0% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 3.61 | 3.80 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan kecenderungan mereka antara mengulangkaji pelajaran dengan keluar bersama rakan. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT setuju dengan soalan ini iaitu seramai 322 orang (42.2%), daripada jumlah tersebut seramai 161 orang responden (50.0%) adalah dari UM dan bilangan ini adalah sama dengan bilangan responden UTM. Manakala seramai 162 orang (21.2%) sangat setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 94 orang (8.0%) adalah dari UM berbanding 68 orang (42.0%) dari UTM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 184 orang (24.1%), 98 orang (53.3%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 86 orang (46.7%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 77 orang (10.1%) dan 44 orang (57.1%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 33 orang (42.9%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 18 orang (2.4%) dan daripada jumlah tersebut 11 orang (61.1%) adalah responden dari UTM berbanding 7 orang responden (38.9%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 3.80 bagi UM berbanding 3.61 bagi UTM.

Jadual 4.56: Soalan 11

| Soalan 11 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|--|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Tinggal di asrama yang berasingan gender tidak mengurangkan semangat belajar saya. | STS | Kekerapan | 7 | 7 | 14 (1.8%) | |
| | | Peratusan | 50.0% | 50.0% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 17 | 8 | 25 (3.3%) | |
| | | Peratusan | 68.0% | 32.0% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 41 | 30 | 71 (9.3%) | |
| | | Peratusan | 57.7% | 42.3% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 167 | 147 | 314 (41.2%) | |
| | | Peratusan | 53.2% | 46.8% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 150 | 189 | 339 (44.4%) | |
| | | Peratusan | 44.2% | 55.8% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 4.14 | 4.28 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan tinggal di asrama berasingan gender bukan merupakan faktor yang mengurangkan semangat belajar mereka. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 339 orang (44.4%), daripada jumlah tersebut seramai 189 orang responden (55.8%) adalah dari UM berbanding 150 orang (44.2%) dari UTM. Manakala seramai 314 orang (41.2%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 167 orang (53.2%) adalah dari UTM berbanding 147 orang (46.8%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 71 orang (9.3%), 41 orang (57.7%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 30 orang (42.3%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 25 orang (3.3%) dan 17 orang (68.0%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 8 orang (32.0%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 14 orang (1.8%) dan daripada jumlah tersebut 7 orang (50.0%) adalah responden dari UTM dan ia sama dengan jumlah responden dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 4.28 bagi UM berbanding 4.14 bagi UTM.

Jadual 4.57: Soalan 12

| Soalan 12 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|--|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Pengasingan gender di asrama banyak memberi kebaikan kepada semua pihak. | STS | Kekerapan | 8 | 6 | 14 (1.8%) | |
| | | Peratusan | 57.1% | 42.9% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 31 | 12 | 43 (5.6%) | |
| | | Peratusan | 72.1% | 27.9% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 62 | 53 | 115 (15.1%) | |
| | | Peratusan | 53.9% | 46.1% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 129 | 115 | 244 (32.0%) | |
| | | Peratusan | 52.9% | 47.1% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 152 | 195 | 347 (45.5%) | |
| | | Peratusan | 43.8% | 56.2% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 4.01 | 4.21 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan pengasingan gender di asrama yang banyak memberi kebaikan kepada semua pihak. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 347 orang (45.5%), daripada jumlah tersebut seramai 195 orang responden (56.2%) adalah dari UM berbanding 152 orang (43.8%) dari UTM. Manakala seramai 244 orang (32.0%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 129 orang (52.9%) adalah dari UTM berbanding 115 orang (47.1%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 115 orang (15.1%), 62 orang (53.9%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 53 orang (46.1%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 43 orang (5.6%) dan 31 orang (72.1%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 12 orang (27.9%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 14 orang (1.8%) dan daripada jumlah tersebut 8 orang (57.1%) adalah responden dari UTM berbanding 6 orang responden (42.9%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 4.21 bagi UM berbanding 4.01 bagi UTM.

Jadual 4.58: Soalan 13

| Soalan 13 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|---|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Dengan mengasingkan penginapan mengikut gender, banyak masalah boleh dikawal. | STS | Kekerapan | 13 | 2 | 15 (2.0%) | |
| | | Peratusan | 86.7% | 13.3% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 26 | 12 | 38 (5.0%) | |
| | | Peratusan | 68.4% | 31.6% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 57 | 38 | 95 (12.5%) | |
| | | Peratusan | 60.0% | 40.0% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 143 | 141 | 284 (37.2%) | |
| | | Peratusan | 50.4% | 49.6% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 143 | 188 | 331 (43.4%) | |
| | | Peratusan | 43.2% | 56.8% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 3.99 | 4.27 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan kemampuan pengasingan penginapan mengikut gender dalam dalam mengawal banyak masalah. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 331 orang (43.4%), daripada jumlah tersebut seramai 188 orang responden (56.8%) adalah dari UM berbanding 143 orang (43.2%) dari UTM. Manakala seramai 284 orang (37.2%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 143 orang (50.4%) adalah dari UTM berbanding 141 orang (49.6%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 95 orang (12.5%), 57 orang (60.0%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 38 orang (40.0%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 38 orang (5.0%) dan 26 orang (68.4%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 12 orang (31.6%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 15 orang (2.0%) dan daripada jumlah tersebut 13 orang (86.7%) adalah responden dari UTM berbanding 2 orang responden (13.3%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 4.27 bagi UM berbanding 3.99 bagi UTM.

Jadual 4.59: Soalan 14

| Soalan 14 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|--|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Dengan pengasingan gender di asrama, ianya akan mengekalkan keperibadian mahasiswa yang mulia. | STS | Kekerapan | 11 | 7 | 18 (2.4%) | |
| | | Peratusan | 61.1% | 38.9% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 41 | 14 | 55 (7.2%) | |
| | | Peratusan | 74.5% | 25.5% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 64 | 74 | 138 (18.1%) | |
| | | Peratusan | 46.4% | 53.6% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 134 | 114 | 248 (32.5%) | |
| | | Peratusan | 54.0% | 46.0% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 132 | 172 | 304 (39.8%) | |
| | | Peratusan | 43.4% | 56.6% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 3.88 | 4.08 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan kemampuan pengasingan penginapan mengikut gender dalam mengekalkan keperibadian mahasiswa yang mulia. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 304 orang (39.8%), daripada jumlah tersebut seramai 172 orang responden (56.6%) adalah dari UM berbanding 132 orang (43.4%) dari UTM. Manakala seramai 248 orang (32.5%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 134 orang (54.0%) adalah dari UTM berbanding 114 orang (46.0%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 138 orang (18.1%), 74 orang (53.6%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UM berbanding 64 orang (46.4%) dari UTM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 55 orang (7.2%) dan 41 orang (74.5%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 14 orang (25.5%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 18 orang (2.4%) dan daripada jumlah tersebut 11 orang (61.1%) adalah responden dari UTM berbanding 7 orang responden (38.9%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 4.08 bagi UM berbanding 3.88 bagi UTM.

Jadual 4.60: Soalan 15

| Soalan 15 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|---|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Dengan pengasingan asrama mengikut gender menjadikan mahasiswa lebih bersemangat dan kuat jati dirinya. | STS | Kekerapan | 14 | 9 | 23 (3.0%) | |
| | | Peratusan | 60.9% | 39.1% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 47 | 29 | 76 (10.0%) | |
| | | Peratusan | 61.8% | 38.2% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 104 | 91 | 195 (25.6%) | |
| | | Peratusan | 53.3% | 46.7% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 114 | 115 | 229 (30.0%) | |
| | | Peratusan | 49.8% | 50.2% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 103 | 137 | 240 (31.5%) | |
| | | Peratusan | 42.9% | 57.1% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 3.64 | 3.87 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan kemampuan dasar ini dalam menjadikan mahasiswa lebih bersemangat dan kuat jati diri. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 240 orang (31.5%), daripada jumlah tersebut seramai 137 orang responden (57.1%) adalah dari UM berbanding 103 orang (42.9%) dari UTM. Manakala seramai 229 orang (30.0%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 115 orang (50.2%) adalah dari UM berbanding 114 orang (49.8%) dari UTM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 195 orang (25.6%), 104 orang (53.3%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 91 orang (46.7%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 76 orang (10.0%) dan 47 orang (61.8%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 29 orang (38.2%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 23 orang (3.0%) dan daripada jumlah tersebut 14 orang (60.9%) adalah responden dari UTM berbanding 9 orang responden (39.1%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 3.87 bagi UM berbanding 3.64 bagi UTM.

Jadual 4.61: Soalan 16

| Soalan 16 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|---|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Pengasingan asrama mengikut gender memudahkan lagi sistem pengurusan asrama dan aktiviti mahasiswa. | STS | Kekerapan | 10 | 11 | 21 (2.8%) | |
| | | Peratusan | 47.6% | 52.4% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 31 | 26 | 57 (7.5%) | |
| | | Peratusan | 54.4% | 45.6% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 67 | 59 | 126 (16.5%) | |
| | | Peratusan | 53.2% | 46.8% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 142 | 124 | 266 (34.9%) | |
| | | Peratusan | 53.4% | 46.6% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 132 | 161 | 293 (38.4%) | |
| | | Peratusan | 45.1% | 54.9% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 3.93 | 3.99 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan kemampuan pengasingan asrama mengikut gender dalam memudahkan sistem pengurusan asrama dan aktiviti mahasiswa. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 293 orang (38.4%), daripada jumlah tersebut seramai 161 orang responden (54.9%) adalah dari UM berbanding 132 orang (45.1%) dari UTM. Manakala seramai 266 orang (34.9%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 142 orang (53.4%) adalah dari UTM berbanding 124 orang (46.6%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 126 orang (16.5%), 67 orang (53.2%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 59 orang (46.8%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 57 orang (7.5%) dan 31 orang (54.4%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 26 orang (45.6%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 21 orang (2.8%) dan daripada jumlah tersebut 11 orang (52.4%) adalah responden dari UM berbanding 10 orang responden (47.6%) dari UTM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 3.99 bagi UM berbanding 3.93 bagi UTM.

Jadual 4.62: Soalan 17

| Soalan 17 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|--|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Pengasingan asrama mengikut gender memudahkan lagi perancangan serta pelaksanaan program-program yang berfaedah untuk mahasiswa. | STS | Kekerapan | 13 | 11 | 24 (3.1%) | |
| | | Peratusan | 54.2% | 45.8% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 37 | 33 | 70 (9.2%) | |
| | | Peratusan | 52.9% | 47.1% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 70 | 57 | 127 (16.6%) | |
| | | Peratusan | 55.1% | 44.9% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 143 | 122 | 265 (34.7%) | |
| | | Peratusan | 54.0% | 46.0% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 119 | 158 | 277 (36.3%) | |
| | | Peratusan | 43.0% | 57.0% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 3.83 | 3.94 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan kemampuan dasar penginapan ini dalam memudahkan perancangan serta pelaksanaan program untuk mahasiswa. Majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 277 orang (36.3%), daripada jumlah tersebut seramai 158 orang responden (57.0%) adalah dari UM berbanding 119 orang (43.0%) dari UTM. Manakala seramai 265 orang (34.7%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 143 orang (54.0%) adalah dari UTM berbanding 122 orang (46.0%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 127 orang (16.6%), 70 orang (55.1%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 57 orang (44.9%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 70 orang (9.2%) dan 37 orang (52.9%) daripadanya adalah responden dari UTM berbanding 33 orang (47.1%) dari UM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 24 orang (3.1%) dan daripada jumlah tersebut 13 orang (54.2%) adalah responden dari UTM berbanding 11 orang responden (45.8%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 3.94 bagi UM berbanding 3.83 bagi UTM.

Jadual 4.63: Soalan 18

| Soalan 18 | Justifikasi | Perkara | Universiti | | Jumlah | |
|---|-------------|-----------|------------|-------|----------------|--|
| | | | UTM | UM | | |
| Saya lebih mudah dan mesra untuk berinteraksi dengan rakan-rakan yang sama jantina dengan saya. | STS | Kekerapan | 11 | 7 | 18 (2.4%) | |
| | | Peratusan | 61.1% | 38.9% | 100.0% | |
| | TS | Kekerapan | 34 | 38 | 72 (9.4%) | |
| | | Peratusan | 47.2% | 52.8% | 100.0% | |
| | KS | Kekerapan | 50 | 29 | 79 (10.4%) | |
| | | Peratusan | 63.3% | 36.7% | 100.0% | |
| | S | Kekerapan | 145 | 136 | 281 (36.8%) | |
| | | Peratusan | 51.6% | 48.4% | 100.0% | |
| | SS | Kekerapan | 142 | 171 | 313 (41.0%) | |
| | | Peratusan | 45.4% | 54.6% | 100.0% | |
| Jumlah | | | 382 | 381 | 763 | |
| Min | | | 3.98 | 4.08 | | |

n = 763

Jadual di atas menunjukkan persepsi responden berkenaan kecenderungan mereka untuk berinteraksi dengan rakan-rakan sejantina. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden dari kedua-dua buah IPT sangat setuju dengan soalan ini iaitu seramai 313 orang (41.0%), daripada jumlah tersebut seramai 171 orang responden (54.6%) adalah dari UM berbanding 142 orang (45.4%) dari UTM. Manakala seramai 281 orang (36.8%) setuju dengan item ini dan daripada jumlah tersebut seramai 145 orang (51.6%) adalah dari UTM berbanding 136 orang (48.4%) dari UM. Terdapat responden yang kurang bersetuju dengan item ini iaitu seramai 79 orang (10.4%), 50 orang (63.3%) daripada jumlah tersebut adalah responden dari UTM berbanding 29 orang (36.7%) dari UM. Bagi bilangan yang tidak setuju pula ialah seramai 72 orang (9.4%) dan 38 orang (52.8%) daripadanya adalah responden dari UM berbanding 34 orang (47.2%) dari UTM. Manakala sangat tidak setuju pula ialah seramai 18 orang (2.4%) dan daripada jumlah tersebut 11 orang (61.1%) adalah responden dari UTM berbanding 7 orang responden (38.9%) dari UM. Min bagi item ini untuk kedua-dua buah IPT ialah 4.08 bagi UM berbanding 3.98 bagi UTM.

Jadual 4.64: Rumusan Dapatan Kajian Bagi UTM Mengenai Cadangan Dan Langkah Penyelesaian Terhadap Masalah Yang Mungkin Timbul Akibat Pengasingan Tersebut.

| Bil. | No. | Soalan | Min | Justifikasi |
|-------------|------------|---|------------|--------------------|
| 1. | 11. | Tinggal di asrama yang berasingan gender tidak mengurangkan semangat belajar saya. | 4.14 | Setuju |
| 2. | 12. | Pengasingan gender di asrama banyak memberi kebaikan kepada semua pihak. | 4.01 | Setuju |
| 3. | 13. | Dengan mengasingkan penginapan mengikut gender, banyak masalah boleh dikawal. | 3.99 | Setuju |
| 4. | 18 | Saya lebih mudah dan mesra untuk berinteraksi dengan rakan-rakan yang sama jantina dengan saya. | 3.98 | Setuju |
| 5. | 16. | Pengasingan asrama mengikut gender memudahkan lagi sistem pengurusan asrama dan aktiviti mahasiswa. | 3.93 | Setuju |
| 6. | 14. | Dengan pengasingan gender di asrama, ia akan mengekalkan keperibadian mahasiswa yang mulia. | 3.88 | Setuju |
| 7. | 4. | Saya dan rakan selalu mengunjungi ibu bapa ketika waktu cuti. | 3.84 | Setuju |
| 8. | 17. | Pengasingan asrama mengikut gender memudahkan lagi perangcangan serta pelaksanaan program-program yang berfaedah untuk mahasiswa. | 3.83 | Setuju |
| 9. | 15. | Dengan pengasingan asrama mengikut gender menjadikan mahasiswa lebih bersemangat dan kuat jati dirinya. | 3.64 | Setuju |
| 10. | 10 | Saya gemar mengulangkaji pelajaran daripada keluar dengan rakan-rakan tanpa aktiviti yang berfaedah. | 3.61 | Setuju |
| 11. | 7. | Saya berminat melakukan kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan seperti gotong-royong dan sebagainya. | 3.60 | Setuju |

| | | | | |
|-------------------------------|----|---|-------------|---------------|
| 12. | 3. | Apabila masa terluang, saya memilih untuk bersukan dan beriadah. | 3.59 | Setuju |
| 13. | 6. | Saya suka melibatkan diri dalam perbincangan mengenai akademik dan isu-isu semasa. | 3.57 | Setuju |
| 14. | 1. | Saya berbincang mengenai pelajaran dengan rakan-rakan pada sebelum dan selepas kelas. | 3.55 | Setuju |
| 15. | 8. | Saya melibatkan diri dalam persatuan yang bertanggungjawab membantu individu yang kurang bernasib baik. | 3.47 | Kurang Setuju |
| 16. | 5. | Saya sentiasa menyertai program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kolej. | 3.31 | Kurang Setuju |
| 17. | 2. | Saya gemar mengisi masa lapang dengan mengunjungi perpustakaan. | 3.19 | Kurang Setuju |
| 18. | 9. | Saya selalu memperuntukkan masa yang banyak untuk memikirkan penyelesaian bagi masalah-masalah yang berlaku di sekeliling terutama di kampus. | 2.94 | Kurang Setuju |
| Purata Min Keseluruhan | | | 3.67 | Setuju |

Berdasarkan kepada jadual di atas, item yang memperolehi min yang tertinggi ialah item 11 iaitu 4.14 yang dijustifikasi sebagai setuju, manakala item yang memperolehi min yang terendah ialah item 9 iaitu 2.94 yang dijustifikasi sebagai kurang setuju. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 3.67. Ini menunjukkan bahawa responden dari UTM secara umumnya bersetuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu mengenai pandangan mahasiswa terhadap kebaikan dan keburukan dasar pengasingan penginapan mengikut gender.

Jadual 4.65: Rumusan Dapatan Kajian Bagi UM Mengenai Cadangan Dan Langkah Penyelesaian Terhadap Masalah Yang Mungkin Timbul Akibat Pengasingan Tersebut.

| Bil. | No. | Soalan | Min | Justifikasi |
|-------------|------------|--|------------|--------------------|
| 1. | 11. | Tinggal di asrama yang berasingan gender tidak mengurangkan semangat belajar saya. | 4.28 | Setuju |
| 2. | 13. | Dengan mengasingkan penginapan mengikut gender, banyak masalah boleh dikawal. | 4.27 | Setuju |
| 3. | 12. | Pengasingan gender di asrama banyak memberi kebaikan kepada semua pihak. | 4.21 | Setuju |
| 4. | 14. | Dengan pengasingan gender di asrama, ia akan mengekalkan keperibadian mahasiswa yang mulia. | 4.08 | Setuju |
| 5. | 18 | Saya lebih mudah dan mesra untuk berinteraksi dengan rakan-rakan yang sama jantina dengan saya. | 4.08 | Setuju |
| 6. | 16. | Pengasingan asrama mengikut gender memudahkan lagi sistem pengurusan asrama dan aktiviti mahasiswa. | 3.99 | Setuju |
| 7. | 4. | Saya dan rakan selalu mengunjungi ibu bapa ketika waktu cuti. | 3.94 | Setuju |
| 8. | 17. | Pengasingan asrama mengikut gender memudahkan lagi perancangan serta pelaksanaan program-program yang berfaedah untuk mahasiswa. | 3.94 | Setuju |
| 9. | 7. | Saya berminat melakukan kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan seperti gotong-royong dan sebagainya. | 3.88 | Setuju |
| 10. | 15. | Dengan pengasingan asrama mengikut gender menjadikan mahasiswa lebih bersemangat dan kuat jati dirinya. | 3.87 | Setuju |
| 11. | 6. | Saya suka melibatkan diri dalam perbincangan mengenai akademik dan isu-isu semasa. | 3.85 | Setuju |

| | | | | |
|-------------------------------|----|---|------|---------------|
| 12. | 10 | Saya gemar mengulangkaji pelajaran daripada keluar dengan rakan-rakan tanpa aktiviti yang berfaedah. | 3.80 | Setuju |
| 13. | 8. | Saya melibatkan diri dalam persatuan yang bertanggungjawab membantu individu yang kurang bernesib baik. | 3.75 | Setuju |
| 14. | 1. | Saya berbincang mengenai pelajaran dengan rakan-rakan pada sebelum dan selepas kelas. | 3.64 | Setuju |
| 15. | 3. | Apabila masa terluang, saya memilih untuk bersukan dan beriadah. | 3.56 | Setuju |
| 16. | 2. | Saya gemar mengisi masa lapang dengan mengunjungi perpustakaan. | 3.55 | Setuju |
| 17. | 5. | Saya sentiasa menyertai program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kolej. | 3.55 | Setuju |
| 18. | 9. | Saya selalu memperuntukkan masa yang banyak untuk memikirkan penyelesaian bagi masalah-masalah yang berlaku di sekeliling terutama di kampus. | 3.30 | Kurang Setuju |
| Purata Min Keseluruhan | | | | 3.86 |

Berdasarkan kepada jadual di atas, item yang memperolehi min yang tertinggi ialah item 11 iaitu 4.28 yang dijustifikasi sebagai setuju, manakala item yang memperolehi min yang terendah ialah item 9 iaitu 3.30 yang dijustifikasi sebagai kurang setuju. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 3.86. Ini menunjukkan bahawa responden dari UM secara umumnya bersetuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu mengenai pandangan mahasiswa terhadap kebaikan dan keburukan dasar pengasingan penginapan mengikut gender.

4.6 Penutup

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan dengan serba ringkas tentang data-data yang telah dianalisis oleh penyelidik dan kaedah peratusan telah digunakan bagi menerangkan hasil analisis setiap item yang terdapat di dalam soal selidik yang telah diterima. Penerangan yang dibuat telah dipaparkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan pembacaan dan pemahaman.

BAB V

PERBINCANGAN, KESIMPULAN & CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan beberapa perkara iaitu berkaitan dengan maklumat-maklumat yang diperolehi melalui analisis soal selidik yang telah dibuat di dalam bab empat. Antara perkara yang akan dihuraikan ialah perbincangan mengenai dapatan kajian, rumusan dan terdapat beberapa cadangan untuk pihak yang terlibat dan juga cadangan untuk kajian lanjutan.

5.2 Perbincangan

Perbincangan yang akan dihuraikan dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan maklumat yang telah diperolehi melalui soal selidik yang telah dianalisis iaitu tentang persepsi mahasiswa terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender.

Sebagai makluman, perbincangan di dalam bahagian ini adalah luas fokus perbincangannya dengan menghuraikan hasil dapatan setiap item soalan berserta hujah dan fakta sokongan atau rujukan. Walaupun begitu, ianya masih berkaitan dengan tajuk kajian dan berlegar dalam ruang lingkup persoalan kajian yang telah dikemukakan di dalam bab satu iaitu:-

- i. Sejauh manakah persepsi mahasiswa terhadap keberkesanan dasar pengasingan penginapan mahasiswa dalam menangani gejala sosial di Institut Pengajian Tinggi.
- ii. Apakah pandangan mahasiswa terhadap kebaikan dan keburukan dasar pengasingan penginapan mengikut gender.
- iii. Apakah cadangan dan langkah penyelesaian yang boleh dinyatakan terhadap masalah yang mungkin timbul akibat pengasingan tersebut.
- iv. Apakah terdapat perbezaan persepsi mahasiswa dari dua buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Malaya terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender di IPT.

5.2.1 Latar Belakang Responden

Hasil daripada penganalisisan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya jumlah responden lelaki (siswa) bagi kedua-dua universiti hampir menyamai jumlah responden perempuan (siswi) bagi kedua-dua universiti iaitu sebanyak 49.9% manakala perempuan sebanyak 50.1%. Namun, jika dilihat perbandingan jumlah responden lelaki dan responden bagi kedua-dua universiti didapati bahawa jumlah responden lelaki di UTM lebih sedikit berbanding jumlah responden perempuan. Ini berbeza dengan jumlah responden lelaki UM yang nyata lebih ramai berbanding jumlah responden perempuan.

Jumlah keseluruhan responden yang berbangsa Melayu didapati ramai iaitu mewakili 91.9% berbanding bangsa lain seperti Cina (5.8%), India (1.6%) dan lain-lain sebanyak (0.8%). Lain-lain adalah merujuk kepada enam orang responden yang kesemuanya adalah bumiputera. Perbezaan yang wujud antara bangsa-bangsa ini adalah disebabkan kesediaan serta kerjasama mereka untuk meluangkan sedikit masa menjawab soal selidik yang diedarkan. Fenomena ini berlaku untuk kedua-dua IPT. Secara umumnya responden adalah beragama Islam dan pastinya mempunyai sedikit pengetahuan agama yang telah dipelajari di sekolah dahulu.

Sebanyak 76.9% responden berumur di antara 21 hingga 30 tahun dan untuk kategori ini responden UTM melebihi responden UM. Terdapat 0.9% berumur di antara 31 hingga 40 tahun untuk kedua-dua IPT, di mana responden UTM seramai enam orang berbanding responden UM hanya seorang. Manakala sebanyak 22.1% responden lagi memilih lain-lain yang menyatakan mereka berumur di antara 19 dan 20 tahun yang menunjukkan mereka ini merupakan pelajar yang baru memasuki universiti setelah menamatkan pengajian di peringkat matrikulasi dan mungkin juga mereka ini terdiri daripada pelajar *forecast* iaitu pelajar yang memasuki universiti berdasarkan keputusan peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dikendalikan oleh pihak

universiti. Perbezaan yang ketara dapat dilihat antara dua buah IPT bagi kategori umur ini iaitu responden UM adalah sebanyak 79.9% berbanding UTM iaitu hanya sebanyak 20.1%.

Hasil analisis juga menunjukkan umumnya sebanyak 98.2% responden terdiri daripada mereka yang belum berkahwin atau bujang dan didapati jumlah responden bujang UM melebihi jumlah responden bujang UTM seramai sembilan orang. Manakala sebanyak 1.8% responden lagi adalah mereka yang telah berkahwin. Justeru, masalah yang timbul di kalangan mahasiswa yang perlu diatasi akibat percampuran penginapan di kolej kebanyakannya melibatkan mereka yang belum berkahwin.

Majoriti responden dari kedua-dua IPT adalah merupakan mereka yang sedang mengambil Ijazah Sarjana Muda (99.0%) iaitu responden dari UTM seramai 379 orang dan UM seramai 376 orang. Bagi jumlah responden yang sedang mengambil Sarjana (Master) di kedua-dua buah IPT pula ialah seramai tujuh orang dan Doktor Falsafah (PhD) hanya seorang. Hasil dapatan ini adalah berkaitan dengan item tentang umur responden iaitu majoriti responden adalah berumur di antara 19 tahun hingga 30 tahun. Justeru, tidak hairanlah dapatan analisis menunjukkan majoriti responden adalah yang sedang mengambil Ijazah Sarjana.

Oleh sebab responden dipilih secara rawak mudah kelompok atas kelompok, maka seperti yang telah dinyatakan seramai 763 orang mahasiswa dan mahasiswi dari enam buah kolej kediaman iaitu tiga di UTM dan tiga di UM telah dipilih untuk menjadi responden bagi kajian ini. Keenam-enam kolej kediaman tersebut ialah Kolej Tun Fatimah UTM (112 orang), Kolej Tun Dr. Ismail UTM (170 orang), Kolej 10 UTM (100 orang), Kolej Ketiga UM (164 orang), Kolej Kelima (113 orang), Kolej Kedua belas (104 orang).

Maklumat yang akhir sekali di dalam bahagian latar belakang responden ini ialah berkenaan dengan status bilik yang didiami oleh responden iaitu sama ada bilik seorang (*single*) ataupun berdua (*double*). Hasil analisis menunjukkan majoriti responden dari kedua-dua IPT yang mendiami bilik berdua adalah sebanyak 70.0%, manakala bilik seorang pula hanya 12.5% dan ia lebih sedikit dari kategori bilik lain-lain iaitu sebanyak 17.6%. Sebagai penjelasan, kategori bilik lain-lain ini disediakan adalah bertujuan bagi memudahkan responden daripada UM kerana hasil daripada temu bual secara tidak langsung bersama responden mendapati bahawa terdapat juga bilik berbentuk dormitori di kolej kediaman mereka yang boleh dihuni seramai tiga orang hingga empat orang dalam sebuah bilik.

5.2.2 Persepsi Mahasiswa Terhadap Keberkesanan Dasar Pengasingan Penginapan Mahasiswa Dalam Menangani Gejala Sosial Di Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Untuk melihat keberkesanan pengaplikasian dasar pengasingan penginapan mengikut gender, 17 soalan telah dikemukakan kepada responden dan bagi melihat perbezaan antara dua buah IPT maka min bagi keseluruhan soalan telah dipecahkan kepada dua bahagian iaitu min bagi UTM dan min bagi UM. Min bagi UTM ialah sebanyak 3.83 dan min bagi UM pula ialah sebanyak 4.05, kedua-duanya berada dalam kategori setuju.

Item yang memperoleh min paling tinggi bagi UTM ialah item nombor 14 iaitu 4.42. Item ini adalah tentang persepsi responden berkenaan pengalaman mereka melihat pasangan siswa dan siswi membongceng di atas motosikal dan berdua-duaan di dalam kereta. Berdasarkan nilai min item ini, maka ia dijustifikasi sebagai setuju.

Sememangnya membongceng pasangan sudah menjadi kebiasaan siswa dan siswi di UTM. Ini adalah berdasarkan pemerhatian secara tidak langsung oleh penyelidik terhadap fenomena yang berlaku di sekitar kawasan kampus. Walaupun larangan agama tidak mahu dipakai namun bukankah kita sebagai rakyat Malaysia masih memiliki adat budaya ketimuran yang menekankan budi pekerti yang mulia dan adab sopan. Justeru, semua pihak digesa membuka mata seluas-luasnya melihat budaya barat yang semestinya tidak sihat telah menular di kalangan anak-anak muda yang bergelar mahasiswa dan satu langkah perlu difikirkan bagi menanganinya.

Walaupun min tertinggi untuk keseluruhan item bagi UTM ialah item nombor 14, namun untuk hasil analisis UM menunjukkan min tertinggi ialah item pada nombor 1 iaitu sebanyak 4.49. Item ini adalah berkenaan persepsi responden tentang faktor keselesaan dan kebebasan boleh dirasai apabila berada di asrama yang diasingkan mengikut gender. Berdasarkan temu bual penyelidik bersama beberapa orang responden di UM, penyelidik mendapati bahawa tahap percampuran berada di tahap yang serius. Sehinggakan ada di antara kolej-kolej kediaman mahasiswa yang dikaji ini bercampur dalam sebuah blok antara siswa dan siswi iaitu di aras atas sebuah blok itu didiami oleh siswi manakala di aras bawahnya pula didiami oleh siswa. Mereka berkongsi blok, laluan tangga dan juga lif. Ini amat membimbangkan, kerana tidak mustahil ia boleh menyumbang kepada gejala sosial yang lebih serius pada masa akan datang.

Min terendah bagi kedua-dua IPT didapati berada pada item yang sama iaitu item nombor empat. Item ini adalah berkenaan dengan faktor percampuran gender di asrama yang memudahkan mereka berdua-duaan dengan pasangan masing-masing. Min untuk item ini bagi UTM ialah sebanyak 2.13 manakala bagi UM pula ialah sebanyak 2.19. Kedua-duanya dijustifikasikan sebagai tidak setuju. Jika dilihat pada analisis untuk item ini, majoriti responden dari kedua-dua IPT memilih sangat tidak setuju yang menunjukkan bahawa mereka sangat menentang keras terhadap perlakuan berdua-duaan dengan pasangan yang tiada ikatan yang sah. Sememangnya dalam Islam mahupun

dalam mana-mana agama yang ada di dunia ini tidak sama sekali membenarkan umatnya atau penganutnya untuk berdua-duaan dengan pasangan masing-masing tanpa ada ikatan yang sah kerana ia akan membawa kepada masalah yang lebih berat seperti zina.

Nyata sekali, masalah sosial seperti berdua-duaan di kawasan kolej, membongceng serta berdua-duaan di dalam kereta telah menjadi perkara biasa di kalangan mahasiswa dan tiada tindakan tegas yang dibuat oleh pihak-pihak berkenaan untuk mengatasi masalah ini.

Ini seolah-olah dilihat sebagai satu ‘lesen’ kepada mereka yang melakukannya untuk terus melakukan kesalahan dan tidak mustahil ianya boleh merebak kepada masalah yang lebih kronik dan dahsyat seperti zina, rogol, lahir anak luar nikah dan sebagainya (Ustaz Hj Daud Bin Mohd Salleh, 2001: 112). Perlu diingat bahawa fakta menyatakan kebanyakan perogol adalah daripada orang yang dikenali dan teman lelaki adalah jumlah yang paling tinggi (Pahrol Mohd Juoi, 2006: 28).

Sebagaimana di dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w yang telah dinyatakan sebelum ini berkenaan dengan amaran kepada umat Islam terhadap perbuatan berdua-duaan dengan orang yang bukan muhrim ini:-

أَلَا لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ

Maksudnya:-

“Tiada seorang lelaki bersendiri dengan seorang wanita melainkan syaitan akan menjadi ketiganya.”

(H.R al-Tirmidhi)

5.2.3 Pandangan Mahasiswa Terhadap Kebaikan Dan Keburukan Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender

Hasil dapatan untuk beberapa item negatif dalam bahagian ini telah dianalisis secara songsang untuk mendapatkan nilai min yang menyokong objektif pada bahagian ini. Item yang dimaksudkan ialah item nombor 1, 2, 3, 4 dan 16. Min keseluruhan item bagi hasil dapatan UTM ialah 3.70 (setuju), manakala bagi UM pula ialah sebanyak 3.76.

Item yang memperoleh min tertinggi bagi hasil analisis data UTM ialah item nombor enam iaitu 4.13 yang dijustifikasikan sebagai setuju. Begitu juga dengan UM, hasil dapatannya menunjukkan item yang memperolehi min tertinggi ialah pada item nombor enam iaitu sebanyak 4.24 (setuju). Item ini adalah berkenaan faktor pengasingan penginapan tidak menghalang perkembangan minda dan kemajuan akademik mereka. Pengasingan penginapan mengikut gender ini sememangnya bukanlah merupakan faktor yang boleh mengganggu perkembangan minda dan pencapaian akademik mahasiswa kerana kedua-dua perkara ini adalah bergantung kepada usaha setiap individu dan jika dilihat kepada hasil analisis untuk item ini menunjukkan bahawa majoriti responden sangat setuju dengan item ini.

Untuk item yang memperoleh min terendah pula, didapati kedua-dua IPT memperoleh min terendah pada item yang sama iaitu item nombor 14. Di mana UTM memperoleh min sebanyak 2.72, manakala bagi UM pula ialah sebanyak 2.80. Kedua-duanya dijustifikasikan sebagai kurang setuju. Item ini adalah tentang keyakinan mereka apabila berhadapan dengan individu yang berlainan jantina. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti daripada responden tidak bersetuju dengan item ini. Ini bermakna, mahasiswa dari kedua-dua IPT sememangnya bersedia dan berkeyakinan untuk berhadapan dengan individu yang berlainan jantina dengan mereka.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa item negatif dalam objektif bahagian ini yang telah dianalisis secara songsang. Antaranya ialah item nombor satu iaitu berkenaan faktor pengasingan penginapan mengikut gender membataskan pergaulan mereka. Hasil analisis menunjukkan min bagi UTM adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 3.50 (tidak setuju) berbanding UM iaitu sebanyak 3.35 (kurang setuju). Dapat diperhatikan wujudnya perbezaan justifikasi bagi kedua-dua min tersebut. Perlu dijelaskan di sini bahawa pengasingan penginapan mengikut gender bukanlah penghalang untuk seseorang mahasiswa itu bergaul tetapi ianya bertujuan untuk mengawal pergaulan mereka daripada melampaui batasan.

Item negatif seterusnya ialah item nombor dua iaitu berkenaan perasaan yang dialami apabila tidak bercampur dengan rakan berlainan jantina. Hasil analisis menunjukkan responden dari kedua-dua IPT tidak bersetuju dengan item ini iaitu UTM memperoleh min sebanyak 3.88 berbanding UM yang memperolehi min sebanyak 3.62. Justeru, ianya jelas menunjukkan bahawa tidak bercampur dengan rakan-rakan berlainan jantina bukanlah menjadi faktor penyebab bagi seseorang mahasiswa itu berasa buntu dan hilang idea.

Item nombor tiga pula ialah berkenaan dengan bergaul dengan rakan sejenis membuatkan seseorang mahasiswa itu berasa ketinggalan zaman. Min untuk kedua-dua IPT adalah pada justifikasi tidak setuju di mana UTM memperolehi min sebanyak 3.90 berbanding UM iaitu sebanyak 3.74. Ini bermakna, responden berpendapat bahawa tidak bergaul bersama rakan berlainan jantina bukanlah penyebab seseorang mahasiswa itu di lihat sebagai ketinggalan zaman.

Item negatif yang seterusnya ialah item nombor empat iaitu berkenaan faktor pengasingan memberi tekanan kepada mereka. Min bagi kedua-dua IPT dijustifikasikan sebagai tidak setuju, di mana UTM memperolehi min sebanyak 4.05 berbanding UM

iaitu sebanyak 3.70. Berdasarkan hasil analisis menunjukkan majoriti responden dari kedua-dua IPT sangat tidak setuju dengan item ini. Ini bermakna, secara umumnya berdasarkan persepsi mahasiswa ini menyatakan bahawa pengaplikasian dasar pengasingan ini tidak akan mendatangkan tekanan kepada mahasiswa.

Item negatif yang terakhir ialah item nombor 16 iaitu persepsi responden berkenaan dengan kurangnya semangat untuk bersosial atau menyertai program di kolej apabila tiada rakan berlainan jantina yang menyertainya. Min bagi kedua-dua IPT untuk item ini dijustifikasikan sebagai tidak setuju, di mana min bagi UTM ialah sebanyak 3.90 berbanding UM iaitu sebanyak 3.94. daripada hasil analisis menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju dengan item ini. Ini bermakna, faktor gender tidak mempengaruhi semangat mahasiswa untuk bersosial atau berprogram. Justeru, perkara yang paling utama ialah faedah dan manfaat yang boleh diperolehi apabila bersosial atau berprogram.

Terdapat satu item yang menarik perhatian penyelidik iaitu item nombor lapan. Item ini adalah berkenaan persepsi responden tentang kemampuan dasar pengasingan penginapan mengikut gender dalam mengurangkan masalah keruntuhan akhlak di kalangan mahasiswa. Didapati bahawa, responden dari kedua-dua IPT bersetuju bahawa dasar pengasingan gender di asrama dapat mengurangkan masalah keruntuhan akhlak di kalangan mahasiswa dan ia sememangnya merupakan tujuan utama mengapa dasar ini perlu dilaksanakan. Ini kerana, percampuran di antara siswa dan siswi khususnya dalam konteks kolej kediaman adalah merupakan faktor yang paling besar yang menyumbang kepada masalah sosial. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَعًا فَسَكُلُوهُنْ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ

Maksudnya:

“Dan, apabila kamu meminta sesuatu benda maka mintalah dari tirai belakang”

(Surah al-Ahzab, 33: 53)

Berdasarkan ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa Islam melarang wanita dan lelaki bercampur bebas tanpa sebarang kepentingan hatta apabila ingin berjumpa untuk satu-satu keperluan perlulah berhijab di antara keduanya. Maka di sini, jelaslah bahawa dasar pengasingan penginapan mengikut gender adalah merupakan langkah praktikal untuk mencegah masalah sosial yang berlaku sekarang.

5.2.4 Cadangan Dan Langkah Penyelesaian Terhadap Masalah Yang Mungkin Timbul Akibat Pengasingan Tersebut

Pastinya sesuatu perkara itu mempunyai kelebihan serta kekurangan atau kebaikan serta keburukan. Tidak terlepas juga dengan dasar pengasingan ini. Justeru, untuk menampung segala kekurangan serta kelemahan yang mungkin timbul akibat pengaplikasiannya maka beberapa item telah dikemukakan oleh penyelidik kepada responden untuk dijustifikasikan.

Min bagi keseluruhan item untuk kedua-dua IPT berada pada justifikasi setuju iaitu bermaksud bahawa responden bersetuju dengan cadangan dan langkah penyelesaian terhadap masalah yang mungkin timbul ekoran daripada pengaplikasian dasar pengasingan ini. Min keseluruhan bagi UTM ialah sebanyak 3.67, manakala min keseluruhan bagi UM pula ialah sebanyak 3.86.

Hasil analisis item-item objektif yang terakhir ini menunjukkan kedua-dua IPT berkongsi item untuk min tertinggi iaitu pada item nombor sebelas. Item ini adalah berkenaan berkenaan tinggal di asrama berasingan gender bukan merupakan faktor yang mengurangkan semangat belajar mereka. Di mana UTM memperolehi min sebanyak 4.14, manakala bagi UM pula ialah sebanyak 4.28 iaitu kedua-duanya dijustifikasikan sebagai setuju.. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden setuju dengan item ini. Ini bermakna bahawa semangat belajar seseorang mahasiswa itu bukanlah bergantung kepada kolej kediaman mereka.

Min terendah bagi kedua-dua IPT juga berkongsi pada item yang sama iaitu pada item nombor sembilan iaitu item yang menyatakan tentang kebiasaan responden memperuntukkan masa untuk memikirkan penyelesaian bagi masalah yang berlaku di sekeliling. Hasil analisis mendapati min bagi UTM adalah sebanyak 2.94, manakala min bagi UM pula ialah sebanyak 3.30 dan kedua-duanya dijustifikasikan sebagai kurang setuju. Berdasarkan dapatan ini, mungkin boleh ditafsirkan bahawa terdapat sebahagian mahasiswa yang kurang prihatin terhadap masalah yang berlaku di sekeliling mereka.

Justeru, demikianlah perbincangan mengenai bahagian-bahagian yang terdapat di dalam soal selidik yang telah diedarkan. Perbincangan yang dinyatakan adalah berdasarkan hasil dapatan dalam bab empat yang disokong oleh beberapa fakta.

5.3 Kesimpulan

Setelah meneliti perbincangan mengenai dapatan kajian, maka dapatlah dirumuskan bahawa:-

- i. Berdasarkan dapatan kajian, didapati majoriti daripada responden bersetuju bahawa pengaplikasian dasar pengasingan penginapan mengikut gender berkesan dalam menangani gejala sosial di IPT. Ini kerana, ianya dilihat sebagai satu langkah yang praktikal untuk berhadapan dengan gejala sosial yang semakin meruncing yang berlaku di kalangan mahasiswa IPT.
- ii. Merujuk kepada dapatan kajian bagi objektif yang kedua, majoriti daripada responden dilihat mempunyai persepsi yang baik dan mereka bersetuju terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender ini. Memang tidak dinafikan walaupun ada kelemahan, namun ianya dilihat lebih membawa kepada kebaikan dalam mencapai matlamat untuk mengatasi gejala sosial yang berlaku di kalangan mahasiswa di IPT.
- iii. Mengenai cadangan dan langkah penyelesaian terhadap masalah yang mungkin timbul akibat daripada pengaplikasian dasar ini, didapati majoriti daripada responden bersetuju dengan item-item yang dinyatakan oleh penyelidik. Ianya amat penting dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak bagi menampung sebarang kelemahan atau masalah yang mungkin akan timbul apabila dasar ini diaplikasikan di seluruh IPT di negara ini.
- iv. Akhir sekali, sememangnya terdapat perbezaan persepsi di antara dua buah IPT ini iaitu antara UTM dengan UM. Perbezaan yang wujud berkemungkinan besar disebabkan pengaplikasian dasar ini di kedua-dua IPT di mana UTM telah pun mengaplikasikan dasar ini untuk sebahagian kolej kediamannya dan para responden telah melihat atau merasai sendiri fenomena yang berlaku di kolej yang diasangkan mengikut gender dengan kolej yang tidak diasangkan. Manakala di UM, tiada satu pun kolej kediaman yang diasangkan mengikut gender. Justeru, mereka sememangnya lebih optimis terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender ini. Walau bagaimanapun, terdapat persamaan min tertinggi dan

min terendah pada item-item objektif kajian kedua dan ketiga sebagaimana yang telah dibincangkan di atas.

5.4 Cadangan

Berdasarkan huraian mengenai perbincangan dan rumusan yang telah dibuat, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan sebagai tindakan yang perlu diambil oleh pihak-pihak berkenaan iaitu:-

5.4.1 Peranan individu mahasiswa

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh setiap individu mahasiswa adalah seperti berikut:-

- i. Setiap individu yang bergelar mahasiswa tidak kira apa jua agama yang dianuti perlu ada kesedaran agama sebagai suatu tembok pendinding daripada terjebak dalam gejala sosial. Ini dapat dilakukan dengan menghampirkan diri dengan Tuhan dengan melakukan pelbagai amalan kerohanian. Bagi mereka yang beragama Islam, kekuatan rohani bukan sahaja dilihat sebagai pendinding daripada melakukan maksiat tetapi juga sebagai suatu ikatan yang kukuh di antara hamba dengan pencipta-Nya dalam menggapai redha-Nya serta kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat kelak.

- ii. Akal juga perlu digunakan dengan sebaik mungkin dalam memastikan segala tindak-tanduk yang ingin dilakukan itu tidak bertentangan dengan agama dan norma-norma masyarakat. Berfikir dahulu sebelum bertindak adalah lebih utama daripada melakukan sesuatu dengan tanpa berfikir. Dalam Islam, akal yang dipandu oleh iman adalah kombinasi yang mantap dalam mengawal nafsu yang selalu mendorong ke arah kerosakan. Justeru, kekuatan rohani sebagaimana yang disebutkan di atas serta kebijaksanaan akal fikiran adalah penting bagi setiap individu dalam mengawal tingkah-laku agar tidak terjerumus ke lembah kehinaan.
- iii. Setiap individu mahasiswa disarankan agar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti atau program-program yang berfaedah bagi membina sahsiah diri yang mulia. Ini kerana, pembentukan sahsiah yang mulia tidak akan dapat diperolehi di dalam dewan atau bilik kuliah. Justeru, ia hanya boleh diperolehi apabila melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti atau program-program yang dianjurkan oleh kelab dan persatuan atau pihak universiti sendiri.
- iv. Selain itu, dalam membendung gejala sosial di kalangan mahasiswa ini, setiap individu mahasiswa perlulah bersama-sama nasihat-menasihati, ingat-memperingati di antara satu sama lain terutamanya kepada rakan-rakan yang dilihat bermasalah. Dekati mereka dan bimbinglah mereka yang bermasalah agar mereka ini tidak terus dilalaikan dengan maksiat. Dengan itu, gejala sosial di kalangan mahasiswa dapat ditangani dengan lebih efektif.

5.4.2 Peranan Universiti

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh pihak universiti adalah seperti berikut:-

- i. Pihak universiti terutamanya bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), perlulah memainkan peranan yang sewajarnya dalam menangani gejala sosial di kalangan mahasiswa. Justeru, dasar pengasingan penginapan mengikut gender ini diharapkan dapat dilaksanakan secara menyeluruh untuk setiap kolej kediaman mahasiswa oleh pihak universiti. Inilah langkah asas yang dilihat paling praktikal dalam menangani gejala sosial di kalangan mahasiswa selain penguatkuasaan peraturan tatatertib universiti terhadap pelajar.
- ii. Selain itu, pihak universiti perlulah menguatkuasakan peraturan tatatertib ke atas mahasiswa dengan konsisten dan mengenakan tindakan tatatertib yang lebih berat bagi setiap kesalahan yang dilakukan. Nama serta tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas mahasiswa yang bersalah perlulah dipaparkan kepada seluruh warga kampus sebagai satu pengajaran dan amaran kepada warga kampus supaya apa yang telah berlaku tidak akan berulang kembali.
- iii. Pihak universiti juga seharusnya memberikan kuasa serta meminta kerjasama daripada pengawal keselamatan untuk menahan atau mengenakan tindakan kepada mana-mana mahasiswa menunggang motosikal yang dilihat membonceng pasangan mereka kecuali yang telah bernikah di sekitar kawasan kampus. Tidak ketinggalan juga mahasiswa yang menaiki kereta berdua-duaan dengan pasangan mereka. Ini kerana, budaya sedemikian telah menjadi suatu kebiasaan di kalangan mahasiswa

dan ia tidak lagi dilihat sebagai satu kesalahan dari sudut agama apatah lagi dari sudut budaya masyarakat.

- iv. Memperbanyakkan program-program yang membina sahsiah mahasiswa juga merupakan langkah yang baik dalam menanam akhlak yang mulia di dalam diri setiap mahasiswa. Program-program seperti seminar, kolokium, kem motivasi, kem kecemerlangan mahasiswa dan sebagainya dilihat amat berguna bagi mahasiswa. Namun, pihak universiti perlulah menapis sebarang program yang ingin dianjurkan oleh mana-mana pihak yang dilihat tidak memberikan manfaat khususnya terhadap pembangunan sahsiah mahasiswa terutama yang berbentuk hiburan. Berhibur tidak salah asalkan cara dan salurannya bersesuaian dari sudut agama dan budaya masyarakat Malaysia. Justeru, perkara ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak universiti.

5.4.3 Peranan Kerajaan

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh pihak kerajaan adalah seperti berikut:-

- i. Kerajaan, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi diharap dapat meneliti dasar pengasingan penginapan yang dicadangkan ini sebagai suatu usaha untuk menangani gejala sosial di kalangan mahasiswa di seluruh IPT di negara ini. Ini kerana, gejala sosial dilihat seperti virus yang kian merebak dengan pantas yang menghancurkan aset terpenting negara pada masa hadapan iaitu mahasiswa. Dasar pengasingan ini dilihat

sebagai satu langkah asas yang cukup praktikal bagi menangani gejala sosial di kalangan mahasiswa di seluruh IPT.

- ii. Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga disarankan supaya mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) agar menekankan aspek pembentukan sahsiah dan moral mahasiswa. Ini penting kerana ia adalah merupakan dasar kepada pengurusan dan pentadbiran universiti khususnya terhadap mahasiswa.
- iii. Kementerian Penerangan pula perlu bekerjasama dengan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan dalam memainkan peranan untuk mengawal dan menapis kemasukan budaya asing yang dibawa oleh pihak media sama ada media elektronik maupun media cetak. Ini kerana, media adalah merupakan medium yang paling cepat dalam menyebarkan sesuatu terutamanya anasir-anasir atau budaya yang tidak elok kepada masyarakat. Justeru, sebagai menyempurnakan lagi usaha untuk menangani gejala sosial khususnya di kalangan mahasiswa maka kerjasama daripada kedua-dua kementerian ini dilihat amat penting di samping pelaksanaan dasar pengasingan penginapan mengikut gender ini dilaksanakan di seluruh IPT di negara ini.

5.4.4 Peranan ibu bapa

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa adalah seperti berikut:-

- i. Sebagaimana yang sepatutnya, pendidikan anak-anak adalah bermula sejak kecil lagi. Tanggungjawab ini terletak di bahu ibu bapa. Ini kerana,

rata-rata di kalangan ibu bapa ada yang tidak ambil kisah dengan didikan anak-anak pada waktu mereka kecil. Mereka terlalu memanjakan anak-anak dan akhirnya terlupa memberikan didikan yang sempurna dan sepatutnya kepada anak-anak terutamanya didikan agama. Justeru, didikan yang sempurna sejak kecil adalah amat penting dalam membina akhlak anak-anak kerana anak-anak adalah diibaratkan seperti kain putih yang suci dan ibu bapalah yang mencorakkan mereka sama ada dengan corak yang cantik atau sebaliknya.

- ii. Walaupun telah memberikan didikan yang sempurna sejak kecil, ibu bapa hendaklah sentiasa menjaga serta membina hubungan yang baik dengan anak-anak sampai ke akhir hayat. Dengan demikian, anak-anak akan merasakan mereka dihargai dan disayangi hatta mereka telah dewasa. Justeru, pastinya mereka tidak akan tergamak untuk melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah ibu bapa mereka. Ini boleh dilakukan dengan mengambil tahu tentang segala aktiviti anak-anak dan dengan siapa mereka berkawan. Bukan bertujuan untuk mengongkong sebaliknya sebagai tanda kasih sayang dan prihatin ibu bapa terhadap anak-anak kerana khuatir mereka akan tersalah langkah.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang dijalankan ini, sememangnya tertakluk kepada objektif, persoalan kajian dan batasan kajian yang telah ditetapkan di dalam bab 1. Walau bagaimanapun, penyelidik ingin mencadangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh mana-mana penyelidik selepas ini. Antara cadangan kajian lanjutan yang penyelidik cadangkan adalah seperti berikut:-

- i. Menjalankan satu kajian yang menggunakan jumlah sampel yang lebih besar contohnya kajian yang melibatkan mahasiswa di seluruh IPT di Malaysia ini bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih mantap dan lebih kukuh. Cadangan kajian ini dilihat amat sesuai kerana dapat memberikan hasil kajian yang lebih kukuh kerana ia berkaitan dengan cadangan pelaksanaan dasar yang akan diguna pakai di setiap IPT seandainya kajian ini diterima oleh kerajaan dan pihak universiti.
- ii. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar dijalankan satu kajian perbandingan sama ada kajian perbandingan di antara agama ataupun jantina. Ini bertujuan supaya kajian berkenaan dengan dasar pengasingan penginapan ini bertambah kukuh kerana mengkaji dari pelbagai sudut seperti mana yang dinyatakan tadi dan sekali gus cadangan pelaksanaan dasar ini dapat membuka mata semua pihak.
- iii. Satu lagi cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan ialah dengan menggunakan metode kajian secara temu bual dengan responden secara sistematis. Ia adalah sebagai satu cara untuk mendapatkan data berbentuk lisan daripada responden. Dengan ini, maklumat yang diperolehi adalah lebih jelas dan lebih bermakna.
- iv. Kajian ini juga boleh dijalankan dengan memilih responden yang terdiri dari kalangan pihak pentadbir universiti, staf-staf universiti dan para pensyarah. Ianya bertujuan untuk melihat persepsi responden dari kalangan pihak pentadbir, kakitangan serta tenaga pengajar dan boleh dibandingkan persepsi mereka dengan persepsi mahasiswa. Justeru, hasil dapatan yang diperolehi melalui kajian sebegini akan menjadikan ianya sebagai kajian yang lebih jitu.

5.6 Penutup

Bab ini telah mengupas dengan lebih mendalam tentang kajian yang telah dijalankan ini. Melalui perbincangan yang dinyatakan, secara umumnya persepsi pelajar terhadap dasar pengasingan penginapan mengikut gender ini adalah didapati baik dan ini adalah sebagai satu tanda persetujuan daripada mahasiswa untuk melaksanakan dasar pengasingan penginapan ini.

Meskipun terdapat keburukan namun dengan cadangan serta langkah mengatasi masalah yang dikemukakan dan ianya dipersetujui oleh majoriti daripada responden telah menguatkan lagi kajian ini dan menjadi cadangan supaya dasar ini dilaksanakan. Ini disokong lagi dengan beberapa cadangan yang dibuat pengkaji untuk diteliti dan diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam memastikan kelancaran pelaksanaan dasar pengasingan penginapan ini dilaksanakan.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Nasih Ulwan (1989), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, jilid. I,cet. Ke-4, terj. Syed Ahmad Semait, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Acker, S. (1984). “*Sociology, Gender and Education*”. London, World Yearbook of Education : Women and Education.
- Acker, S. (1988). “*Teachers, Gender and Resistance*”. London, British Journal of Sociology of Education.
- Ahmad Redzuan Mohd Yunus (2003), *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam; Punca dan Penyelesaiannya*. cetakan pertama, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aishah Hassan (1998), *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Allen, A.M, Allen, D.N. & Sigler, G. (1993). “*Changes in Sex-Role Stereotyping in Caldecott Medal Award Picture Books 1938 – 1988*”. London, Journal of Research in Childhood Education.
- Al-Tirmidhi, Isa Bin Surah (1999), *Sunan al-Tirmidhi*, jilid 4, Qaherah: Dar al-Hadis.

- Brophy, J. (1985). "Interactions of Male and Female Students with Male and Female Teachers". Dalam L. Wilkinson & C. Marrett (penyunting). Gender Influences in Classroom Interactions. Orlando, Academic Press.
- Brophy, J.E & Good, T.L. (1970). "Teachers Communication of Differential Expectations for Children's Classroom Performance: Some Behavioral Data". New York, Journal of Educational Psychology.
- Brophy, J.E & Good, T.L. (1974). "Teacher – Student Relationships : Causes and Consequences". New York : Holt, Rinehart and Winston, INC.
- Brophy, J.E. & Evertson, C.M. (1981). "Student Characteristics and Teaching". New York : Longman.
- Brophy, J.E. (1979). "Teacher Behavior and Its Effects". New York, Journal of Educational Psychology.
- Buswell, C. (1981). "Sexism in School Routines and Classroom Practices".
- Buswell, C. (1984). "Sponsoring and Stereotyping in a Working-Class English Secondary School". penyunting S. Acker et. al. London, World Yearbook of Education : Women and Education.
- Clark, M. (1989). "Anastasia is a Normal Developer because She is Unique". London, Oxford Review of Education.
- Croll, P. & Moses, D. (1991). "Sex Roles in the Primary Classroom". Dalam M. Woodhead, P. light, & C. Ronnie (penyunting). Growing Up in a Changing Society. London : The Open University.

- Croll, P. (1985). “*Teacher Interaction With Individual Male and Female Pupils in Junior Classroom*”. Educational Research, London : The Open University.
- Cullingford, C. (1993). “*Children’s Views on Gender Issues in School*”. London, British Educational Research Journal.
- Dato’ Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah dan Syaidatun Nazirah Abu Zahrin (2005), *Psikologi Cinta*. cet-ke-3, Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Davies, L. & Meighan, R. (1975). “*A Review of Schooling and Sex Roles, With Particular Reference to the Experience of Girls in Secondary Schools*”. London, Educational Review.
- Delamont, S. (1980). “*Sex Roles and The School*”. London : Methuen & Co., Ltd.
- Dellmann – Jenkins, M., Florjancic, L. & Swadener, E. B. (1993). “*sex Roles and Cultural Diversity in Recent Award Winning Picture Books for Young Children*”. London, Journal of Research in Childhood Education.
- Downing, J., May, R. & Ollila, L. (1982). “*Sex Differences and Cultural Expectations in Reading*”. Dalam E. m. Sheridan (penyunting). Sex Stereotypes and Reading : Research and Strategies. Newark : International Reading Association, Inc. Durham and Newcastle Research Review.
- Etaugh, C. & Harlow, H. (1975). “*Behaviors of Male and Female Teachers as Related to Behaviors and Attitudes of Elementary School Children*”. The Journal of Genetic Psychology..
- Etaugh, C. & Rose, S. (1975). “*Adolescents Sex Bias in The Evaluation Performance*”. Developmental Psychology.

- Etaugh, C., Collins, G. & Gerson, A. (1975). "Reinforcement of Sex-Typed Behaviors of Two-Year-Old Children in Nursery School Setting". *Developmental Psychology*.
- Evans, T. D. (1979). "Creativity, Sex-Role Socializations and pupil-Teacher Interactions in Early Schooling". London, *Sociological Review*.
- Evans, T. D. (1982). "Being and Becoming : Teachers Perceptions of Sex-Roles and Actions Toward Their Male and Female Pupils". London, *British Journal of Sociology of Education*.
- Feshbach, N. D. (1969). "Student Teacher Preferences for Elementary School Pupils Varying in Personality Characteristics". *Journal of Educational Psychology*.
- French, J. (1984). "Gender Imbalances in the Primary Classroom : an International Account". *Educational Research*.
- Fresher, R. S. (1982). "A Feminist Look at Literature for Children : Ten-Year Later". Dalam E. M. Sheridan (penyunting). *Sex Stereotypes and Reading : Research and Strategies*. Newark : International Reading Association, Inc.
- Ghafani Awang Teh, (1997), *Kenakalan Remaja Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Good T. L. (1980). "Classroom Expectations: Teacher – Pupil Interactions". Dalam J. H. Mc Millan (penyunting), *The Social Psychology of School Learning*. New York : Academic Press.
- Good, T. L. & Brophy, J. E. (1972). "Behavioral Expression of Teacher Attitudes". New York, *Journal of Educational Psychology*.

Good, T. L. (1970). "Which Pupils do Teachers Call On?". New York, The Elementary School Journal.

Good, T. L., Sikes, .N. & Brophy J. E. (1973). "Effect of Teacher Sex and Student Sex on Classroom Interaction". New York, Journal of Educational Psychology.

Hamlin, T. (1982). "American Reading Materials: A Selective Reflector". Dalam E. M. Sheridan (penyunting). Sex Stereotypes and Reading: Research and Strategies. Newark: international Reading Association. Inc.

Haslinda Mohamed Yusof (2004). *Pembangunan Gender dan Kualiti Hidup, Implikasi Ke Atas Beban Rumahtangga Wanita Melayu; Satu Kajian Kes di Taman Bukit Angkasa, Pantai Dalam, Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Hasnah Bt. Ghani dan P.M Dr. Mat Saad Abd. Rahman (1995), *Jenayah Remaja; Permasalahan dan Penyelesaian*. Cetakan pertama, Shah Alam: Penerbit HIZBI.

Hillman, S. B. & Davebport, G. G. (1978). "Teacher – Student Interactions in Desegregated School". New York, Journal of Educational Psychology.

<http://groups.yahoo.com/group/ABIM/messages/>, 3 Oktober 2005, 9:13 PM

Imam Bernadid (1982), *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: FIP-IKIIP.

Jones, M. G. (1989). "Gender Bias in Classroom Interactions". Contemporary Education.

Kamus Dewan (2000), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kamus Inggeris Melayu (1991), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

- Kaplan, A. G. & Sedney, M. (1980). "Psychology and Sex Roles: An Androgynous Perspective". Boston: Little, Brown and Company.
- Kelly, A. (1988). "Gender Differences in Teacher – Pupil Interactions: a Meta-analytic Review". Research in Educational.
- Kelly, A. (1988). "Sex Stereotypes and School Science: a Three Year Follow-up". Educational Studies.
- L. Joseph, Joseph Church, t.t, *Chilhood and Adolescene Apsycology of The Growing Person*, New York, Randon House,
- Lee, V. E. , Marks, H. M. & Byrd, T. (1994). "Sexism in Single-Sex and Coeducational Independent Secondary School Classroom". Sociology of Education,
- Leinhardt, G., Seewald, A. M. & Engel, M. (1979). "Learning What's Taught: Sex Differences in Instruction". Journal of Educational Psychology.
- Lobban, G. (1975). "Sex-Roles in Reading Schemes". Educational Review.
- Megarry, (1984). "Introduction: Sex, Gender and Education". Dalam S. Acker et. Al. (penyunting) *World Yearbook of Education: Women and Education*. London:
- Mohamad Najib Abdil Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (1994), *Asas Psikologi: Perkembangan Pengajian dan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn Bhd
- Morgan, V. & Dunn, S. (1990). "Management Strategies and Gender Differences in Nursery and Infant Classroom". Research in Education.

Myra Windmiller, Nadline Camberd, Elliot Turiel, t.t, *Moral Development and Socialization*, Allyn and Bacon Inc, United State of America.

Ngang Ai Ting (2002), “*Masalah tekanan hidup berdasarkan gender : suatu kajian klien yang mengunjungi ke Pusat Kaunseling Red Dust*”, Kajian Ilmiah, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Noor Salawati Binti Khalid (2002), *Kesan Pengasingan Sekolah Mengikut Jantina Pelajara terhadap Akhlak dan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru*. Projek sarjana Muda, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Oxford Fajar; Advance Learner’s English-Malay Dictionary (2000), Shah Alam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Pahrol Mohd Juoi (2006), *Tentang Cinta*. cetakan pertama, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Pottker, J. (1977). “*Psychological and Occupational Sex Stereotypes in Elementary – School Readers*”. Dalam J> Pottker & A. Fishel. (penyunting) *Sex Bias in The Schools: The Research Evidence*. Canbury: Associated University Presses. Inc.

Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi (2000), *Ciri-ciri Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*, terj. Ustaz Mohammad Zaini Yahaya, Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.

Rabaah Abdullah (2001), *Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Kes Jenayah Di Ipoh Perak*. Kajian Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Raqu, Dori Selia (1999), “*Penganalisaan Gneder Dalam Perkahwinan Di Kalangan Masyarakat Bidayuh*”, Kajian Ilmiah, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Rohana Yusof (2004), *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Saario, T. N. & Jacklin, C. N. & Tittle, C. K. (1973). “*Sex Role Stereotyping in The Public School*”. Harvard Educational Review.

Saedah Siraj. (1990). An Analysis of Gender Stereotyping in Malay Language Elementary Reading Textbooks: Implications For Malaysian Education. Thesis PhD. University of Pittsburgh.

Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Short, G. & Carrington (1989). “*Discourse on Gender: The Perceptions of Children Aged Between Six and Eleven*”. Dalam C. Skelton. (penyunting). Whatever Happens to Little Women? Gender and Primary Schooling. Milton Keynes: Open University

Short, G. (1993) “*Sex – Typed Behavior in The Primary School: The Significance of Contrasing Explanations*”. Educational Research.

Stanley, J. (1986). “*sex and The Quiet Schoolgirl*”. British Journal of Sociology of Education.

Sulaiman Masri. 2005. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Supriadi (1998), *Gejala Sosial; Pandangan dan Penyelesaian Menurut Islam*, cetakan pertama, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Syed Hassan al-Mashor dan Raihanah Abdullah. (1993). “*Gangguan Menta”l*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.

Tan, Siew Lang (1999). *Kajian Mengenai Kesan Gender Terhadap Persepsi, Puncapunca dan Cara Pengurusan Tekanan*. Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ustaz Hj. Daud Bin Mohd Salleh (2001), *Kepentingan Memisahkan Lelaki dan Wanita*, cet. Ke-2, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Vani Appalasamy (2002), “*Masalah Sosial Di Kalangan Remaja India Di Estet Ladang Raja Musa: Satu Kajian Di Kuala Lumpur*”. Kajian Ilmiah, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Windass, A. (1989). “*Classroom Practices and Organization*”. Dalam C. Skelton, (penyunting). Whatever Happens to Little Women? Gender and Primary Schooling. Milton Keynes: Open University.

Yip, Yoke Chew (1996), *Amalan Pembezaan Gender dalam Bilik Darjah di Sebuah Sekolah Rendah Petaling Jaya*. Sarjana Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

LAMPIRAN A

Bil.

| | | |
|--|--|--|
| | | |
|--|--|--|

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA****BORANG SOAL SELIDIK**

Borang soal selidik ini adalah bertujuan untuk meninjau “*Persepsi Mahasiswa Terhadap Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender: Kajian Perbandingan Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor dan Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.*”

Segala maklumat yang diberikan oleh saudara / saudari adalah SULIT. Diharapkan saudara / saudari dapat menjawab borang soal selidik ini dengan ikhlas dan jujur kerana ia akan memberi kesan kepada dapatan kajian ini.

Borang soal selidik ini mengandungi Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang saudara / saudari. Bahagian B, C, dan D pula adalah soalan yang berkaitan dengan objektif kajian yang dijalankan. Soalan yang dikemukakan adalah untuk memenuhi objektif kajian yang dijalankan.

Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak saudara / saudari saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

Bushrah Binti Basiron

Ketua Penyelidik

Vote No. 75192

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial.

FAKULTI PENDIDIKAN,

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.

Bahagian A : Maklumat Diri

“Bahagian ini mengandungi soalan yang berkaitan dengan peribadi anda : Sila tandakan (✓) pada kotak yang disediakan.

1. Jantina:

- A. Lelaki
- B. Perempuan

| |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

2. Bangsa:

- A. Melayu
- B. Cina
- C. India
- D. Lain-lain (Nyatakan):

| |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

3. Peringkat umur?

- A. 21 hingga 30 tahun
- B. 31 hingga 40 tahun
- C. 40 tahun ke atas.

| |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

4. Status:

- A. Bujang
- B. Sudah berkahwin

| |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

5. Tahap Pendidikan:

- C. Sarjana muda
- D. Sarjana
- E. PHD

| |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

6. Fakulti Pengajian?

6.1 Universiti Teknologi Malaysia

- A. Fakulti Alam Bina
- B. Fakulti Kejuruteraan Awam
- C. Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- D. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- E. Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli
- F. Fakulti Sains
- G. Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi
- H. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
- I. Fakulti Sains Komputer dan Sumber Maklumat
- J. Fakulti Pendidikan

6.2 Universiti Malaya

- A. Fakulti Kesenian dan sains Sosial
- B. Fakulti Pembangunan Alam Sekitar
- C. Fakulti Perniagaan dan Perakaunan
- D. Fakulti Sains Kompute dan Teknologi Maklumat
- E. Fakulti Pergigian
- F. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- G. Fakulti Pendidikan
- H. Fakulti Kejuruteraan
- I. Fakulti Bahasa dan Kesusastraan
- J. Fakulti Undang-undang
- K. Fakulti Perubatan
- L. Fakulti Sains
- M. Lain-lain (Nyatakan): _____

7. Kolej Kediaman anda?

7.1 Universiti Teknologi Malaysia

- A. Kolej Tun Fatimah
- B. Kolej Tun Dr. Ismail
- C. Kolej 10

7.2 Universiti Malaya

- A. Kolej 3
- B. Kolej 5
- C. Kolej 12

8. Status Bilik?

- A. Seorang (*Single*)
- B. Berdua (*Double*)
- C. Lain-lain, sila nyatakan _____

ARAHAN : Sila tandakan (✓) di dalam petak yang sesuai sebagai pilihan anda berdasarkan persoalan yang dikemukakan pada Bahagian B, C dan D.

PANDUAN :

| |
|---------------------------|
| Sangat Tidak Setuju (STS) |
| Tidak Setuju (TS) |
| Kurang Setuju (KS) |
| Setuju (S) |
| Sangat Setuju (SS) |

Bahagian B

“Mengkaji keberkesanan dasar pengasingan penginapan mahasiswa dalam menangani gejala sosial di IPT.”

| Bil. | Perkara | STS | TS | KS | S | SS |
|------|--|-----|----|----|---|----|
| 1. | Saya merasa lebih selesa dan bebas apabila berada di asrama yang diasingkan mengikut gender (jantina). | | | | | |
| 2. | Pengasingan asrama mengikut jantina tidak menjelaskan pergaulan saya dengan rakan-rakan. | | | | | |
| 3. | Saya merasa selamat jika tinggal di asrama yang sama jantina. | | | | | |
| 4. | Percampuran gender di asrama memudahkan saya berdua-duaan dengan teman siswa / siswi saya. | | | | | |
| 5. | Saya berpendapat pengasingan asrama siswa dan siswi boleh mengawal masalah sosial di kalangan mahasiswa. | | | | | |
| 6. | Masalah moral berlaku kerana mahasiswa boleh berjumpa pasangan masing-masing tanpa mengira masa apabila tinggal di asrama yang sama yang merupakan satu perkara biasa. | | | | | |

| | | | | | |
|-----|---|--|--|--|--|
| 7. | Pengasingan asrama siswa dan siswi banyak memberi kebaikan dan manfaat kepada saya. | | | | |
| 8. | Saya melihat pengasingan asrama menjadikan saya lebih berdisiplin terutama dalam pergaulan. | | | | |
| 9. | Pengasingan gender memudahkan pelaksanaan aktiviti sehari-hari di asrama. | | | | |
| 10. | Banyak perlakuan yang tidak bermoral boleh dielak apabila tinggal di asrama berasingan gender. | | | | |
| 11. | Jiwa atau perasaan saya lebih tenteram apabila tinggal di asrama yang berasingan gender. | | | | |
| 12. | Saya dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran apabila berada di asrama berasingan gender. | | | | |
| 13. | Saya pernah melihat pasangan (<i>couple</i>) siswa dan siswi berdua-duaan di kawasan kolej kediaman saya. | | | | |
| 14. | Saya pernah melihat pasangan siswa dan siwi membonceng di atas motosikal dan berdua-duaan di dalam kereta. | | | | |
| 15. | Saya menjadi lebih aktif apabila tinggal di asrama berasingan gender. | | | | |
| 16. | Pembentukan peribadi mulia mahasiswa dapat dilihat dengan mengasingkan penginapan mengikut gender. | | | | |
| 17. | Budaya hedonisme di kalangan mahasiswa dapat dibendung dengan pengasingan penginapan mengikut gender. | | | | |

Bahagian C

“Menganalisis pandangan mahasiswa terhadap kebaikan dan keburukan dasar pengasingan penginapan mengikut gender.”

| Bil. | Perkara | STS | TS | KS | S | SS |
|------|---|-----|----|----|---|----|
| 1. | Pergaulan saya sangat terbatas apabila tinggal di asrama berlainan gender. | | | | | |
| 2. | Saya seperti kebuntuan dan kehilangan idea apabila tidak bercampur dengan rakan-rakan berlainan jantina. | | | | | |
| 3. | Saya rasa ketinggalan zaman apabila hanya bergaul dengan rakan sejenis. | | | | | |
| 4. | Dasar pengasingan gender di asrama banyak memberi tekanan kepada saya. | | | | | |
| 5. | Saya lebih aktif berpersatuan apabila tinggal di asrama berlainan gender. | | | | | |
| 6. | Dasar pengasingan penginapan mengikut gender tidak menghalang perkembangan min dan kemajuan akademik saya. | | | | | |
| 7. | Saya menjadi semakin tabah apabila tinggal di asrama berlainan gender kerana perlu melakukan tugas-tugas yang mencabar | | | | | |
| 8. | Dasar pengasingan gender di asrama dapat mengurangkan masalah keruntuhan akhlak di kalangan mahasiswa. | | | | | |
| 9. | Saya dapat mengelakkan diri dari terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat apabila tinggal di asrama berlainan gender. | | | | | |
| 10. | Pengasingan penginapan mengikut gender memberikan kesan positif terhadap jasmani, emosi, rohani dan intelek saya. | | | | | |

| | | | | | |
|-----|--|--|--|--|--|
| 11. | Saya rasa lebih mudah berjalan ke sana dan ke sini tanpa diganggu atau diambil perhatian oleh pihak lain apabila tinggal di asrama berlainan gender. | | | | |
| 12. | Tinggal berasingan memberi semangat yang lebih untuk saling berlumba ketika belajar. | | | | |
| 13. | Pengasingan penginapan mengikut gender menjadikan saya lebih selesa untuk keluar masuk ke Kolej. | | | | |
| 14. | Saya berasa kurang berkeyakinan apabila berhadapan dengan individu yang berlainan jantina dengan saya (selain daripada keluarga sendiri). | | | | |
| 15. | Saya bersedia untuk berkawan dengan sesiapa sahaja walaupun berlainan jantina dengan saya. | | | | |
| 16. | Saya tidak bersemangat untuk bersosial atau menyertai program di kolej apabila tiada rakan yang berlainan jantina dengan saya. | | | | |
| 17. | Mahasiswa dapat mempraktikkan gaya hidup sihat apabila tinggal di asrama berlainan gender. | | | | |

Bahagian D

“Mengemukakan cadangan dan langkah penyelesaian terhadap masalah yang mungkin timbul akibat pengasingan tersebut.”

| Bil. | Perkara | STS | TS | KS | S | SS |
|------|---|-----|----|----|---|----|
| 1. | Saya berbincang mengenai pelajaran dengan rakan-rakan pada sebelum dan selepas kelas. | | | | | |
| 2. | Saya gemar mengisi masa lapang dengan mengunjungi perpustakaan. | | | | | |
| 3. | Apabila masa terluang, saya memilih untuk bersukan dan beriadah. | | | | | |
| 4. | Saya dan rakan selalu mengunjungi ibu bapa ketika waktu cuti. | | | | | |
| 5. | Saya sentiasa menyertai program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kolej. | | | | | |
| 6. | Saya suka melibatkan diri dalam perbincangan mengenai akademik dan isu-isu semasa. | | | | | |
| 7. | Saya berminat melakukan kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan seperti gotong-royong dan sebagainya. | | | | | |
| 8. | Saya melibatkan diri dalam persatuan yang bertanggungjawab membantu individu yang kurang bernasib baik. | | | | | |
| 9. | Saya selalu memperuntukkan masa yang banyak untuk memikirkan penyelesaian bagi masalah-masalah yang berlaku di sekeliling terutama di kampus. | | | | | |
| 10. | Saya gemar mengulang kaji pelajaran daripada keluar dengan rakan-rakan tanpa aktiviti yang berfaedah. | | | | | |

| | | | | | |
|-----|--|--|--|--|--|
| 11. | Tinggal di asrama yang berasingan gender tidak mengurangkan semangat belajar saya. | | | | |
| 12. | Pengasingan gender di asrama banyak memberi kebaikan kepada semua pihak. | | | | |
| 13. | Dengan mengasingkan penginapan mengikut gender, banyak masalah boleh dikawal. | | | | |
| 14. | Dengan pengasingan gender di asrama, ia akan mengekalkan keperibadian mahasiswa yang mulia. | | | | |
| 15. | Dengan pengasingan asrama mengikut gender menjadikan mahasiswa lebih bersemangat dan kuat jati dirinya. | | | | |
| 16. | Pengasingan asrama mengikut gender memudahkan lagi sistem pengurusan asrama dan aktiviti mahasiswa. | | | | |
| 17. | Pengasingan asrama mengikut gender memudahkan lagi perancangan serta pelaksanaan program-program yang berfaedah untuk mahasiswa. | | | | |
| 18. | Saya lebih mudah dan mesra untuk berinteraksi dengan rakan-rakan yang sama jantina dengan saya. | | | | |